



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL KETIGA

Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

[Ruangan 1561]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

[Ruangan 1607]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1977) [Ruangan 1608]

Jawatankuasa

Kepala B. 8 [Ruangan 1655]

Kepala B. 18 [Ruangan 1657]

Kepala B. 32 dan B. 33 [Ruangan 1659]

Kepala B. 37 [Ruangan 1667]

Kepala B. 49 [Ruangan 1671]

Kepala B. 53 [Ruangan 1672]

USUL:

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1), 1977 [Ruangan 1609]

Jawatankuasa

Kepala P. 26 [Ruangan 1658]

Kepala P. 32 [Ruangan 1659]

Kepala P. 40 [Ruangan 1668]

Kepala P. 55 [Ruangan 1673]

KANDUNGANNYA—(Samb.)

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:

- (1) Pengusaha Gambar Berwarna Tempatan [Ruangan 1675]**
- (2) Pembuangan Pekerja Syarikat Electrical & Allied Industries Bhd [Ruangan 1677]**

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DATO SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K. (Kubang Pasu).
- Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., (Pelabuhan Kelang).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K., (Lipis).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., S.P.M.S., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).
- „ Menteri Kebajikan Am, DATO HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Pertanian, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. (Pontian).
- „ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJI BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bahru).

- Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, S.P.M.K., P.G.D.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- „ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulai)
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR. SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR. NEO YEE PAN (Muar).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M SHARIF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kemaman).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR. LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS, P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN SAADUN BIN MUHAMMAD NOH (Panti).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP AL-HAJ, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR.) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Payang).

- Yang Berhormat TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ DATUK HAJI ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S. (Machang).
- „ TUAN ABDULLAH MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN HAJI AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYONG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN (Kimanis).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bharu).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR. CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungei Besi).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR. HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).

- Yang Berhormat TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR. LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK PETER LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR, P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH, A.S.D.K., A.D.K. (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N., (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).

Yang Berhormat TUAN OH KENG SENG (Petaling).

- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K.
(Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P.
(Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu
Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ DR. TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ DATUK JAMES STEPHEN TIBOK, P.G.D.K., A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibul).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P.
(Ulu Muda).
- „ TENGGU ZAID AL-HAJ BIN TENGGU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir
Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy
Louis Yeoh Sim Ngoh
Abdul Rahman bin Haji Abu Samah
Suhor bin Husin
Amran bin Ahmad
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof
Margaret Chye Kim Lian
Puan Ng Chong Kin
Puan Kong Yooi Thong
Juliah binti Awam
Supiah binti Dewak
Ismail bin Hassan
Shamsiah binti Mohd. Yusof
Kalsom binti Ghazali

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Selasa, 12hb Julai, 1977

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**GULA — PERJANJIAN PEMBEKALAN
DENGAN AUSTRALIA**

1. Datuk Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:—

- (a) samada Kerajaan akan meneruskan pembelian di bawah perjanjian pembekalan gula dengan negara Australia;
- (b) perbezaan di antara harga gula pasaran dan harga gula di bawah kontrak tersebut pada masa ini; dan
- (c) jika pembelian diteruskan, jumlah perbelanjaan yang berlebihan yang dijangka ditanggung oleh Kerajaan akibat perbezaan antara harga pasaran dan harga kontrak gula pada tahun 1977.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan ini telah dibuat oleh saya pada 11hb Julai, 1977.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr. Tan Chee Khoo.

(Soalan No. 2 Y.B. Dr. Tan Chee Khoo tidak hadir).

PUSAT PENAGIH DADAH

3. Tuan Au How Cheong minta Menteri Kesihatan menyatakan:—

- (a) bilangan pusat-pusat “detection and detoxification” bagi penagih-penagih dadah yang telah ditubuhkan semenjak tahun 1975 untuk menolong penagih-penagih dadah yang kian bertambah;
- (b) dimana pusat-pusat ini dan bilangan katil yang ada; dan
- (c) mengapa cadangan untuk membina sebuah pusat “detoxification” di Hospital Daerah Telok Anson telah digantungkan.

Timbalan Menteri Kesihatan (Datuk Haji Abu Bakar bin Umar): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Ada 17 buah Pusat Mengesan dan 7 buah Pusat Penawaran bagi penagih-penagih dadah yang telah ditubuhkan semenjak tahun 1975 untuk menolong penagih-penagih dadah yang kian bertambah.
- (b) Pusat-pusat dan bilangan katil yang boleh didapati adalah seperti berikut:

Pusat-pusat Mengesan	Bilangan Katil
1. Hospital Besar, Alor Setar	6
2. Hospital Daerah, Bukit Mertajam	4
3. Hospital Daerah, Sungai Petani	4
4. Hospital Daerah, Parit Buntar	4
5. Hospital Daerah, Taiping	4
6. Hospital Daerah, Telok Anson	4
7. Hospital Daerah, Tanjong Malim	4
8. Hospital Daerah, Kelang	4
9. Hospital Daerah, Kajang	4
10. Hospital Daerah, Tanjong Karang	4

Pusat-pusat Mengesan	Bilangan Katil
11. Hospital Daerah, Banting	4
12. Hospital Daerah, Melaka	4
13. Hospital Daerah, Segamat	4
14. Hospital Daerah, Muar	6
15. Hospital Daerah, Bentong	6
16. Hospital Besar, Kuantan	4
17. Hospital Besar, Kuala Trengganu	4
	72

Pusat-pusat Penawaran	Bilangan Katil
1. Hospital Besar, Pulau Pinang	10
2. Hospital Bahagia, Ulu Kinta	50
3. Hospital Daerah, Kuala Kubu Bahru	20
4. Hospital Besar, Kuala Lumpur	10
5. Hospital Besar, Seremban	10
6. Hospital Permai, Tampoi	30
7. Hospital Besar, Kota Bharu, Kelantan	10
	140

- (c) Tidak ada sebarang cadangan untuk membina sebuah Pusat Penawaran di Hospital Daerah, Telok Anson dan dengan hal yang demikian soal penangguhan sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak berbangkit.

PEMBELI DAN PEMAJU PERUMAHAN

4. **Raja Nasron bin Raja Ishak** minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan samada beliau sedar bahawa isi kandungan Perjanjian Pembelian (Purchase Agreement) yang disediakan oleh pemaju-pemaju perumahan tidak sama di antara satu dengan lain bukan sahaja pada segi bayaran Peguam, tetapi yang lebih mustahaknya adalah mengenai syarat-syarat jual beli seperti jangka masa, faedah, keadaan tanah dan kawasan; jika sedar, nyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk memperbaiki keadaan sekarang.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Tuan Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar bahawa ada perjanjian-perjanjian Jual Beli yang dibuat di antara pembeli-pembeli dan pemaju-pemaju perumahan berlesen tidak sama. Keadaan tersebut terdapat memandangkan kepada jumlah pemaju-pemaju perumahan yang berlesen serta bilangan peguam-peguam yang terlibat dalam menyediakan perjanjian-perjanjian tersebut.

Walaupun bentuk dan kandungan perjanjian-perjanjian tersebut mungkin berlainan, apa yang dianggap penting dari segi undang-undang iaitu kaedah-kaedah (Mengawal dan Melesen) Pemaju Perumahan 1970, ialah perjanjian-perjanjian tersebut mestilah mematuhi kehendak-kehendak Kaedah 12 di situ. Kaedah tersebut ada menetapkan bahawa tiap-tiap kontrak jualan hendaklah secara bertulis dan mesti mengandungi beberapa peruntukan minima (21 semuanya). Peruntukan-peruntukan itu ada meliputi perkara-perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dalam soalnya tadi.

Orang ramai khasnya bakal-bakal pembeli rumah hendaklah mengawasi dan meneliti peruntukan minima tersebut yang terkandung dalam kontrak jualan kerana dengan berbuat demikian sahajalah yang akan menentukan hak kepentingan mereka terpeliharanya. Bagi membantu mereka supaya tidak terpedaya Kementerian saya telah menyediakan mengedarkan dengan percuma, buku panduan untuk bakal pembeli-pembeli rumah itu.

Selain daripada perlunya kontrak-kontrak jualan mematuhi kehendak-kehendak Kaedah 12 dan pengedaran buku panduan Kementerian saya telah mengkaji buat beberapa waktu kemungkinan untuk menggunakan kontrak jual-beli yang seragam atas beberapa "standard" Purchase and Sale Agreement bagi digunakan oleh pembeli-pembeli rumah dan pemaju-pemaju perumahan berlesen. Sedikit

seranta mengenai perkara ini telah diberi se-menjak dua bulan lalu.

MAS DC-10 KE LONDON

5. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perhubungan memberi butir-butir penuh mengenai rundingan dua pihak di London mengenai hak mendarat bagi pesawat terbang DC-10 Malaysian Airline System (MAS) ke Ibu Kota British itu. Jika rundingan itu telah gagal, apakah sebab-sebab sebaliknya dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menyelesaikan kebuntuan itu.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Yang di-Pertua, mengikut peruntukan Perjanjian Udara Malaysia/United Kingdom, Sistem Penerbangan Malaysia adalah dibenarkan menjalankan dua penerbangan B707 seminggu atau satu DC-10 antara Kuala Lumpur dan London. Tujuan rundingan yang diadakan baru-baru ini ialah untuk mendapat hak pendaratan yang lebih bagi MAS. Rundingan ini masih lagi berjalan dan dengan demikian, keterangan-keterangan lanjut belum boleh lagi diumumkan sehingga rundingan ini telah selesai.

Tuan S. Samy Vellu: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa matlamat Kerajaan British tidak mahu menimbangkan permohonan MAS. Jika sedar, mengapakah Kerajaan kita tidak mengambil sikap lebih tegas mengkaji semula landing rights kepada BOAC di rantau negara kita?

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya jelaskan tadi perundingan sedang berjalan. Walau bagaimanapun, sedikit-sebanyak Kementerian ini menyedari bahawa keraguan bagi pihak Kerajaan British hendak membenarkan lebih banyak lagi landing rights kepada MAS. Rundingan ini masih berjalan dan perunding-

an itu akan diteruskan sehingga barangkali kita boleh mendapat suatu keputusan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini sehingga perundingan berjaya, apa langkah untuk menggunakan DC-10 ini dan kalau perundingan ini tidak berjaya apa guna DC-10 ini dibeli oleh MAS.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya sebutkan tadi, satu kali seminggu telah didapati bagi MAS mendarat di London, dan kita berharap mendapat keizinan untuk mendarat lebih daripada satu. Kiranya mungkin satu-satu kebuntuan berlaku dalam perundingan di antara Kerajaan Malaysia dengan United Kingdom berhubung dengan keizinan pendaratan MAS ini di London, maka pihak Kementerian telah menyediakan kemungkinan distinasi yang akan digunakan oleh MAS bagi perjalanan DC-10 ini ke negeri-negeri Eropah.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Berapa buahkah DC-10 MAS ada sekarang?

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Sekarang ini kita hanya ada sebuah.

Tuan S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu bilakah kita boleh dapat keputusan daripada Kerajaan British atas perkara ini?

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, dukacita saya tidak dapat beritahu.

Tuan Mohd. Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sungguhpun pada masa sekarang ada hanya sebuah DC-10; adakah benar yang pihak MAS sudah membuat tempahan untuk satu, dua atau tiga, saya tidak tahu berapa, jadi saya hendak tanya. Berapa buahkah tempahan telah dibuat oleh MAS bagi DC-10 ini? Bilakah kapal terbang-kapal terbang DC-10 yang ditempah ini akan dideliver ataupun akan di-

serahkan kepada kita dan samada akan timbul masalah kalau urusan perkiraan kita dengan Kerajaan British dan lain-lain Kerajaan berkenaan landing rights ini tidak dapat diselesaikan sebelum kapal terbang-kapal terbang baru itu diserahkan kepada kita?

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini bagaimana saya katakan tadi kita ada sebuah DC-10 dan tempahan telah dibuat sejak tahun yang lepas sebuah lagi tambahan yang dijangka akan dapat menjalankan operasinya mulai 1hb. November tahun ini.

Saya rasa sebagaimana yang saya katakan tadi sekiranya kemungkinan perundingan dengan pihak British tidak berjaya untuk menambahkan sekali lagi ataupun tambahan sekali lagi pada MAS untuk mendarat di London, maka pihak Kementerian telahpun menyediakan destinasi-destinasi di beberapa buah negara Eropah yang di antaranya pada dasarnya telah mempersetujui bagi MAS atau DC-10 itu mendarat di negara-negara tersebut.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana MAS menghadapi masalah mendapatkan landing rights bagi DC-10 yang ada, adakah pihak Kementerian yang berkenaan mempunyai rancangan untuk membatalkan on order untuk DC-10 yang kedua itu kalau rundingan untuk DC-10 yang ada ini untuk menggunakannya sepenuh-penuhnya gagal, kalau tidak belanja yang berjuta-juta ringgit akan sia-sia sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah jawab tadi.

Tuan Mohd. Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya suka kalau dapat Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi sedikit keterangan-keterangan berkenaan dengan keadaan timbal-balas (reciprocal arrangements) yang ada pada masa ini di antara Kerajaan kita dengan Kerajaan Inggeris. Dan setakat mana reciprocal arrange-

ments ini samada seimbang faedah-faedahnya ataupun kalau keadaan itu tidak seimbang (imbalance) iaitu barangkali faedahnya lebih kepada pihak Inggeris, kurang kepada kita ataupun sebaliknya keadaan lebih berfaedah kepada kita daripada pihak Inggeris. Bolehkah beri keterangan supaya kita dan juga orang ramai dapat tahu dalam soal rundingan ini, apa masaalahnya. Adakah masaalah kita mahu lebih daripada kita berhak ataupun Inggeris yang sudah lebih tidak mahu memberi kepada kita hak yang sesuai ataupun sewajarnya kepada kita? Ini belum kami tahu dengan sejelas-jelasnya.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan itu terkeluar Yang Berhormat daripada soalan asal.

PERAIRAN WILAYAH

6. Tuan Shamsuri bin Mohd. Salleh (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Undang-undang menyatakan keputusan yang dicapai dalam persidangan berkaitan dengan meluaskan hak perairan dari 12 batu sehingga 200 batu yang diadakan di New York dalam bulan Jun yang lalu.

Timbalan Menteri Undang-undang (Tuan Rais Yatim): Tuan Yang di-Pertua, dalam Penggal Keempat Persidangan Ketiga Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Undang-undang Laut yang diadakan di New York mulai dari 15hb. Mac hingga 7hb. Mei, 1976 terdapat beberapa buah negara seperti Ecuador, Guinea, Peru, Sierra Leone dan Somalia yang menghendaki hak menetapkan perairan wilayah seluas 200 batu. Negara-negara yang lain memilih berbagai-bagai had di antara 12 batu ke atas 200 batu. Terdapat juga beberapa buah negara seperti Albania dan Negeri China yang menyatakan bahawa tiap-tiap sebuah negara berpantai patut mempunyai hak menentukan luas perairan wilayah sendiri. Bagaimanapun, kebanyakan daripada perwakilan-perwakilan (termasuk Malaysia) memilih untuk menggunakan had dua belas batu sebagai luas maksimum bagi perairan wilayah.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Sungguhpun sebagaimana dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Undang-undang bahawa Malaysia dengan keputusannya sendiri mahu menghadkan kawasan laut kita 12 batu. Akan tetapi, negeri-negeri jiran samada di utara dan di sekeliling kita iaitu negeri Thai, Burma dan lain-lain sudah mengambil ketetapan menetapkan luas kawasan lautnya sehingga 200 batu. Adakah sikap kita ini sesuai dengan kepentingan kita memandangkan kepada negeri-negeri jiran kita sudah bersikap mahu 200 batu. Kedua, apakah ikhtiar yang kita sedang dan akan jalankan samada menerusi Law of the Sea ataupun menerusi saluran Diplomatik untuk menyelesaikan soal 12 batu laut kita ini dengan negara-negara jiran kita yang sudah memang telah memutuskan 200 batu yang boleh dapat dikatakan masuk dalam kawasan yang berdekatan dengan 12 batu kawasan kita.

Tuan Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, untuk menentukan sikap Malaysia dalam menghadkan maksima bagi perairan wilayah ini adalah diletakkan kepada beberapa faktor dan sebahagian daripada faktor-faktor ini adalah berkaitan dengan pakatan serantau dalam negara-negara ASEAN juga. Salah satu daripada negara-negara yang menyatakan bahawa ia perlu menghadkan perairan wilayah sehingga 200 batu ialah Somalia, Sierra Leone dan beberapa buah negara yang lain. Malaysia tidak dapat hanya membabi-butakan ataupun dengan sekaligus memohon satu kehendak yang luar dari dasar pakatan sepakat. Oleh itulah, maka Malaysia telah berhati-hati dan setelah mendapatkan perhatian dari negara-negara jiran yang lebih akrab dengan Malaysia memutuskan jawapan seperti yang diterangkan dalam jawapan saya sebentar tadi.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengatakan Malaysia hanya berkehendakkan sejauh 12 batu sahaja. Jadi, semasa

membuat keputusan ini tidakkah Kerajaan Malaysia menyedari bahawa banyak telagatelaga minyak kita di dasar lautan letaknya jauh lebih daripada 100 batu dari pantai. Bagaimana akibat kepada kepentingan kita kalaulah diterima had 12 batu kawasan pantai kita.

Tuan Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, had jauh perairan wilayah adalah berbeza dari had jauh perairan antarabangsa. Oleh itu, soalan Yang Berhormat itu tidak menemui kerumitan dalam menentukan mana-mana hak carigali minyak umpamanya yang mungkin berkaitan dengan hak-hak perairan wilayah ini. Umpamanya, pada masa ini pada beberapa buah negeri yang mempunyai telaga minyaknya yang 20 batu dari pantai persendirian. Namun demikian, negara-negara tersebut atau negeri itu telahpun menjalankan kegiatan-kegiatan menggali minyak di dasar lautan menurut perhitungan perjanjian awalan yang didapati oleh negeri yang berkenaan dan juga interpretasi ataupun tafsiran yang diberi kepada istilah perairan antarabangsa dan wilayah.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri barangkali tidak salah kalau dianggap bahawa apa yang kita terbaca dalam suratkhbar berkenaan dengan pengistiharan yang dibuat oleh pemerintah Siam dan pemerintah Burma yang mengatakan kawasan laut mereka ialah 200 batu itu tidak betul ataupun barangkali lapuran itu palsu ataupun barangkali ini satu interpretasi sahaja, sebab kita yang tidak begitu faham (specialised) tentang dasar laut territorial limits) dan lain-lain. Saya suka minta perkara ini dijelaskan kerana kita bimbang daripada lapuran suratkhbar iaitu Thailand telah istiharkan bahawa perairan wilayahnya ialah sejauh 200 batu, begitu juga Burma telah mengistiharkan dalam suratkhbar 200 batu. Adakah itu betul ataupun barangkali benda lain yang kita salah anggap sebagai territorial waters.

Tuan Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak dapat mempertanggungjawabkan apa yang diikhtiraf oleh negara-negara seperti Burma dan Siam sebagai haknya berhubung dengan perairan wilayah ini. Walau bagaimanapun kita mesti membezakan antara kedudukan Malaysia dengan Burma dan lain-lain negara yang mempunyai keluasan laut yang berbeza. Laut kita adalah terhad kepada beberapa keadaan lautan yang tersendiri seperti Selat Melaka, Lautan Hindi dan juga Lautan China Selatan. Oleh itu, samada benar atau tidak penjelasan yang diberi oleh negeri Burma dan Siam tentang tuntutan-tuntutan masing-masing tidak dapat kita pertanggungjawabkan di peringkat ini dan keputusannya belum lagi diputuskan oleh Persidangan Laut Antarabangsa setakat ini.

MUKAH DAERAH HUKUMAN BUANG DAERAH

7. **Tuan Latip bin Haji Dris** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan mengapakah daerah yang aman damai dari segi keselamatan, seperti daerah Mukah dijadikan tempat tinggal orang terkena hukuman buang daerah. Samada Kerajaan sedar bahawa keadaan ini boleh melibatkan anak-anak muda yang baik menjadi jahat. Apabila dihasut dan diajar oleh orang yang dihukum buang daerah itu.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, bukanlah Mukah sahaja yang menjadi tempat buangan bahkan semua daerah. Pada hemat Kerajaan orang-orang yang dikenakan perintah sekatan satu-satu tempat tertentu itu tidak berkesempatan untuk menghasut atau mengganggu pemuda-pemuda tempatan. Ini ialah disebabkan sebelum dihantar ke tempat-tempat berkenaan mereka itu telah diteliti sedalam-dalamnya untuk memastikan agar mereka tidak membahayakan rakyat di situ. Dalam pada itu pengawasan yang ketat dikenakan ke atas mereka oleh pihak berkuasa pada tiap-tiap masa. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat itu, di Mukah hanya seorang sahaja.

Tuan Latip bin Haji Dris: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Kementerian yang berkenaan sedar seorang pemuda terkena hukuman buang daerah di Mukah boleh bergerak dengan bebas di pekan itu yang mempengaruhi anak-anak muda yang tertentu di situ untuk mengikutinya. Apakah tindakan yang patut dibuat untuk menyekatnya.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, jika mereka ini didapati melanggar peraturan-peraturan yang dikenakan, umpamanya, dia tidak melapurkan diri kepada polis dan sebagainya ataupun mempengaruhi pemuda-pemuda tempatan itu, maka bolehlah diadukan kepada pihak di situ dan tindakan boleh diambil, kerana tiap-tiap orang yang kena tahanan itu jika melanggar undang-undang mereka itu boleh dihukum.

KERTAS PEPERIKSAAN BAHASA INGGERIS

8. **Tuan Lim Kit Siang** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar bahawa ibubapa-ibubapa tidak senang hati kerana pelajar-pelajar di sekolah-sekolah tidak dididik untuk mengambil kertas Bahasa Inggeris 121 kerana ini akan menggelapkan harapan pelajar-pelajar yang ingin mendapatkan pelajaran tinggi di seberang laut dan juga akan mendatangkan tekanan untuk kemasukan ke dalam universiti-universiti dan kolej-kolej kita sendiri.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, kertas Bahasa Inggeris peperiksaan 122 ialah kertas peperiksaan yang diselenggarakan oleh Kementerian mengikut sukatan pelajaran bahasa Inggeris di sekolah-sekolah menengah.

Tuan Yang di-Pertua: 122?

Tuan Chan Siang Sun: 122.

Tuan Yang di-Pertua: Dalam pertanyaan ini 121.

Tuan Chan Siang Sun: 122.

Tuan Yang di-Pertua: Dalam pertanyaan ini disebut kertas 121.

Tuan Chan Siang Sun: 122 betul (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, Yang Berhormat betul. Adakah dalam soal ini tidak betul? Apakah maksud Ahli yang bertanya 121 itu?

Tuan Chan Siang Sun: Soal itu 121 tetapi saya terbalik.

Tuan Yang di-Pertua: Oh! Terbalik.

Tuan Chan Siang Sun: Hanya sebahagian kecil pelajar-pelajar yang ingin belajar di luar negeri sahaja yang memerlukan kelulusan kertas Bahasa Inggeris 121. Sekolah-sekolah kita hanya dapat menumpukan perhatian kepada sebahagian besar penuntut-penuntut untuk keperluan negara. Berkenaan dengan penuntut-penuntut yang hendak belajar di luar negeri kemudahan mengambil peperiksaan Bahasa Inggeris Kertas 121 disediakan tetapi latihan untuk matapelajaran terpulangnya kepada murid-murid itu sendiri.

Tidaklah wajar kalau bilangan yang terbesar dibebankan dengan sukatan pelajaran semata-mata kerana hendak memenuhi keperluan sebahagian kecil.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Oleh kerana peluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat Tingkatan VI dan universiti sangat terhad di negara kita dan ditunjukkan daripada angka-angka yang dibuat semalam oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran di mana misalnya dalam Universiti Kebangsaan baru 5% pelajar-pelajar bukan bumiputra yang dapat tempat dan ramai pelajar-pelajar terpaksa pergi ke luar negeri untuk dapat tempat melanjutkan pelajaran di universiti. Bolehkah Kementerian Pelajaran membuat satu jaminan bahawa semua murid-murid yang hendak buat persiapan untuk kertas Bahasa Inggeris 121 untuk membolehkan

mereka apabila tidak dapat tempat-tempat di universiti-universiti tempatan boleh pergi ke luar negeri untuk dapat melanjutkan pelajaran mereka oleh kerana kalau tidak begitu mereka tidak boleh dapat pelajaran tinggi dalam negara ini dan tidak boleh pergi ke luar negeri untuk melanjutkan pelajaran tinggi.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini adalah terkeluar dari landasan pokok soalan asal tetapi macam manapun saya cuba menjawab untuk menerangkan kepada Dewan yang mulia ini. Bahasa Inggeris 121 ialah English Language Syllabus X sukatan pelajaran Cambridge. Bahasa Inggeris 122 ialah English Language Communication Syllabus yang diterangkan dalam jawapan saya tadi berdasarkan kepada sukatan pelajaran kita sendiri yang mana mulai tahun 1977 akan diambil oleh calon-calon peperiksaan MCE dan juga SPM.

Soal samada Bahasa Inggeris 122 akan diiktiraf atau tidak oleh institusi-institusi pengajian tinggi di seberang laut adalah terulang kepada institusi-institusi yang berkenaan itu sendiri kerana pelajar-pelajar yang telahpun mempunyai kelulusan Bahasa Inggeris 121 juga dikehendaki mengambil 'proficiency test in English' sebelum diterima masuk ke universiti-universiti di seberang laut seperti Australia, New Zealand, Canada, USA dan sebagainya melainkan universiti-universiti di United Kingdom. Jadi inilah sebab-sebabnya.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah benar bahawa sekarang Bahasa Inggeris 122 pada amnya ada diiktirafkan oleh universiti-universiti luar negeri sungguhpun ada di tempat-tempat yang memerlukan satu proficiency test dan semua yang lulus Bahasa Inggeris 122 tidak ada apa-apa kesukaran untuk lulus dalam proficiency test. Tetapi untuk English 121 itu nampaknya tidak akan dapat diiktirafkan. Oleh kerana melanjutkan pelajaran tinggi satu perkara yang sangat mustahak kepada ibu bapa di

tanahair kita bolehkah untuk memuaskan hati ibubapa-ibubapa di negara ini bahawa semua murid-murid yang mahu belajar Bahasa Inggeris 121 Kementerian Pelajaran boleh buat peraturan atau kelas-kelas untuk mereka — itu sahaja, sangat senang.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya menjawab pun senang juga oleh kerana dalam jawapan saya tadi saya sudah menerangkan tidaklah wajar kalau bilangan yang terbesar dibebankan dengan sukatan pelajaran semata-mata kerana hendak memenuhi keperluan sebilangan kecil.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Nampaknya Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak faham soalan saya. Soalan saya ialah untuk mereka yang mahu belajar barulah buat peruntukan. Mereka yang tidak mahu belajar Bahasa Inggeris 121 tidak payah, sebab itu tidak ada beban. Oleh kerana itu adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa kalau tidak buat peraturan ini, peraturan ini akan mengurangkan peluang-peluang anak-anak kita pergi ke luar negeri untuk mendapat tempat-tempat di universiti-universiti apabila mereka tidak boleh dapat tempat-tempat di universiti di tanahair kita.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat saya tidak mahu jadikan ini satu debate yang hebat. Saya sudah jawab dengan sepenuhnya.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah dalam masaalah ini.

BORANG PERMOHONAN RUMAH

9. **Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid** minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan samada beliau sedar bahawa pihak berkuasa yang tertentu telah mengeluarkan beribu-ribu helai

borang permohonan untuk rumah kepada rakyat jelata dan memungut daripada mereka berpuluh-puluh ribu ringgit wang yang berupa wang cagaran disertai dengan borang-borang permohonan, walaupun Kerajaan Pusat atau Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri hanya bercadang membina yunit-yunit perumahan yang terhad bilangannya.

Datuk Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan Ahli Yang Berhormat itu, saya suka menerangkan terlebih dahulu bahawa ada sekurang-kurangnya 27 kuasa di seluruh Negara yang berhak mengeluarkan borang-borang permohonan rumah dan yang menganggap bahawa mereka mempunyai hak mengutip wang pendahuluan atau deposit daripada pemohon-pemohon itu. Kuasa-kuasa ini termasuk Kerajaan-kerajaan Negeri, Suruhanjaya-suruhanjaya Perumahan Negeri, Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri, U.D.A. dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Namun demikian tindakan oleh mereka itu mengeluarkan borang-borang permohonan itu adalah terbahagi kepada dua kategori:—

Pertama, untuk memohon rumah-rumah dalam satu-satu projek yang hampir siap atau telah siap dibina, samada sebagai projek perumahan awam kos rendah atau projek perumahan awam yang bukan kos rendah;

Kedua, untuk mendaftarkan diri sebagai pemohon yang layak dipertimbangkan apabila ada peruntukan rumah dibuat kelak. Proses kedua ini adalah satu “on-going registration exercise” yang dikendalikan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan juga oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bersama Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dalam tahun ini sebagai langkah menilai permintaan terhadap perumahan di kawasan-kawasan mereka, jenisnya dan menentukan kategori perumahan serta menolak permohonan-permohonan yang tidak layak tanpa menunggu masa rumah-rumah itu tersiap kelak.

Walaupun benar permohonan-permohonan sebagai yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu diterima sampai beribu-ribu terutama sekali dalam kategori kedua tadi, tetapi ada juga masanya di mana permohonan-permohonan yang diterima itu tidak meningkat begitu banyak sekali.

Mengenai “wang cagaran” yang disertakan dengan borang-borang permohonan yang disebut dalam soalan Ahli Yang Berhormat itu saya anggap Ahli Yang Berhormat maksudkan bayaran pendahuluan/tempahan atau bayaran cengkeram. Sekiranya demikian, saya suka menerangkan di sini bahawa ada di antara pihak yang saya sebutkan tadi yang tidak membuat kutipan seumpama itu sementara ada pula yang berbuat demikian. Sejauh mana rumah-rumah awam kos rendah ada berkenaan, Kerajaan-kerajaan Negeri tidak ada membuat kutipan itu, melainkan Kerajaan Pulau Pinang tidak lama dulu telah membuat kutipan wang sebagai bayaran untuk memproses permohonan. Tetapi Kerajaan Negeri tersebut telahpun memberhentikan kutipan seperti itu.

PENGANGKUTAN KARGO OLEH PERKUMPULAN PERTAMBANGAN TIMUR JAUH (FEFC)

10. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan memandang kepada kenyataan oleh seorang wakil Persidangan Penambangan Timur Jauh (Far Eastern Freight Conference) baru-baru ini bahawa pengirim-pengirim getah akan terpaksa membayar harga tambang yang lebih tinggi di masa hadapan, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan kita untuk memastikan bahawa perusahaan getah kita tidak akan lumpuh dengan naiknya harga tambang.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, pihak Perkumpulan Pertambangan Timur Jauh (Far

Eastern Freight Conference) telah menaikkan kadar tambang bagi pengangkutan kargo dari Malaysia ke Eropah dengan kadar 12.5% mulai 1.7.77 yang lalu. Kenaikan itu dibuat walaupun terdapat bantahan daripada Kementerian ini melalui Majlis Pengguna-pengguna Kapal Kebangsaan Malaysia (Malaysian National Shippers' Council) dan juga Persekutuan Pengguna-pengguna Kapal Negara-negara ASEAN (Federation of ASEAN Shippers' Councils).

Walau bagaimanapun, pihak FEFC baru-baru ini telah bersetuju mengeluarkan getah asli daripada kontrak pengangkutan biasa (General Cargo Contract) dan diangkut melalui satu perjanjian yang berasingan (Separate Merchants Agreement). Perjanjian tersebut akan berkuatkuasa selama 3 tahun mulai daripada 1/9/1977. Ini adalah hasil daripada rundingan yang telah diadakan di antara Jawatankuasa Tambang Perusahaan Getah (Freight Committee Rubber Industry of Malaysia) dengan FEFC. Di bawah perjanjian yang telah dicapai FEFC telah bersetuju mengecualikan getah daripada kenaikan 12.5% itu selama dua bulan iaitu hingga 1hb. September, 1977. Selepas tarikh tersebut FEFC bersetuju memberi diskaun sebanyak 2.5% daripada kadar tambang biasa (Current freight rate) terhadap pengangkutan getah kering serta jaminan bahawa diskaun tersebut akan berjalan sekurang-kurangnya selama satu tahun dan dikaji semula selepas itu. FEFC juga telah memberi jaminan tidak akan menaikkan kadar tambang dalam masa kurang daripada 12 bulan. Selain daripada itu FEFC telah bersetuju untuk membekalkan ruang kapal yang cukup bagi pengangkutan getah cair (latex) seberapa yang boleh ke Eropah. Perjanjian yang telah dicapai akan meringankan sedikit bebanan tambang yang dipikul oleh perusahaan getah.

Di samping itu usaha sedang juga dibuat untuk mendapatkan perkhidmatan perkapalan dari syarikat-syarikat lain yang bukan ahli 'conference', yang boleh memberi perkhidmatan perkapalan yang memuaskan

dengan kadar yang lebih ekonomik. Ini akan dapat mengurangkan 'monopoly' FEFC terhadap pengangkutan getah dan lain-lain barang eksport kita ke Eropah.

PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL

11. Tuan Lim Cho Hock bertanya kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada beliau sedar akan kelewatan dalam memproses dan menyelesaikan tuntutan di bawah Ordinan Pampas Pekerja dan Akta Keselamatan Sosial adalah disebabkan oleh Lembaga Doktor-doktor yang jarang-jarang mengadakan mesyuarat, jika ya, apakah tindakan yang akan diambil oleh beliau untuk mempercepatkan proses tuntutan seperti itu supaya mereka yang menuntut tidak akan menghadapi sebarang kesusahan yang tidak perlu.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, Pertubuhan Keselamatan Sosial (SOCSO) telah mengambil beberapa langkah tertentu untuk mengurangkan kelambatan dalam membuat bayaran pada pekerja-pekerja yang cedera. Semenjak bulan Januari tahun ini sebilangan besar kes-kes ini telah dapat diselesaikan dalam bulan yang sama ianya dilaporkan seperti yang jelas dari perangkaan berikut:—

	Bilangan Kemalangan yang dilaporkan	Bilangan kes yang diselesaikan
Januari	3,839	3,654
Februari	3,270	2,877
Mach	4,107	3,707
April	4,308	3,847

Ini tidaklah pula bermakna bahawa tidak ada kelambatan, terutama sekali dalam kes-kes kehilangan upaya kekal (permanent invalidity), yang memerlukan pekerja yang cedera itu diperiksa oleh Lembaga Perubatan bagi menentukan peratus kehilangan upaya mencari nafkahnya sebelum pekerja itu dapat diberi bayaran yang merupai pencen seumur

hidup. Walau bagaimanapun pada tahun 1976 sebanyak 598 kes daripada 639 yang dirujuk-kan kepada Lembaga Perubatan ini telah dapat diselesaikan, iaitu sebahagian yang besar.

Pada akhir bulan Mac, 1977, 236 kes yang sedemikian masih lagi menunggu keputusan Lembaga Perubatan di 22 kawasan di negara kita. Dalam hal ini Kementerian saya telah-pun berhubung dengan Kementerian Ke-sihatan dengan tujuan untuk mendapat per-tolongan dan kerjasama Kementerian itu bagi menyelesaikan semua kes-kes ini dengan se-berapa segeranya.

Tuan Lim Cho Hock: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan memberitahu di bawah Ordinance Pampasan Pekerja tanggungjawab siapa, pekerja atau Pejabat Buruh mendapat sijil medical daripada hospital.

Tuan K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, di bawah Ordinance Pampasan Pe-kerja tanggungjawab untuk melapurkan se-suatu kes adalah diletak kepada majikannya dan urusan-urusan mengenai pemeriksaan perubatan juga diletak di tangan majikan untuk mengaturnya dengan doktor-doktor yang tertentu. Kementerian saya mengawasi pemeriksaan itu.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya samada Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa salah satu sebab yang menyebabkan kelambatan mem-bayar tuntutan SOCSO ialah kerana wujud-nya red tape dan jika beliau sedar, apakah langkah atau tindakan yang beliau bercadang untuk mengambil bagi mengatasi masaalah ini.

Tuan K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu adalah sangat am, tetapi angka-angka yang telah saya berikan tadi dalam jawapan saya yang asal itu telah menunjukkan bahawa sebahagian besar kes-kes yang dilaporkan kepada Kementerian saya

atau Perbadanan SOCSO telahpun dapat diselesaikan dalam bulan kes itu dilaporkan kepada SOCSO juga.

Red tape adalah satu definisi yang sangat am, tetapi Perbadanan SOCSO itu sentiasa sedar tentang peri mustahaknya pembayaran-pembayaran ini diberi kepada pekerja dengan secepat yang boleh dan tindakan yang perlu selalu diambil untuknya.

FREEMASONS

12. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah rumusan yang dibuat oleh Majlis Hal Ehwal Ugama Islam Pusat mengenai perkara Freemasons untuk diberi satu panduan atau fatwa yang dikatakan bahawa organisasi ini adalah tersusun rapi yang cukup merbahaya yang dianggap satu organisasi yang ingin memusnahkan Islam serta memesongkan umat Islam kepada ajaran Yahudi, dan dari siasatan Kementerian, adakah benar organisasi ini mengancam paduan umat Islam.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, perkara ini masih lagi dalam siasatan dan belum ada rumusan yang dapat dikeluarkan lagi.

PENCEN KEPADA PESARA-PESARA

13. Tuan Haji Ariffin bin Haji Daud minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar Jabatan Perkhidmatan Awam mengambil masa terlalu lama untuk memproses pembayaran wang ganjaran kepada pesara-pesara. Jika ya, apakah tindakan yang akan diambil untuk menghapuskan amalan tidak sihat ini.

Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, proses untuk membuat pembayaran ganjaran dan

pencen pada amnya tidaklah lagi memakan masa yang panjang. Namun begitu, masih ada berlaku beberapa kes-kes kelewatan yang berpunca daripada masaalah untuk mendapatkan dokumen ataupun maklumat penting yang ada kaitannya dalam menentukan jumlah pembayaran bersih yang layak diterima oleh pesara-pesara berkenaan. Antara langkah-langkah yang telah dan akan terus diambil bagi mengurangkan masaalah seperti ini ialah:

- (a) memperkemaskan rekod perkhidmatan kakitangan;
- (b) mengesan kakitangan-kakitangan yang akan bersara dalam tempoh 2 tahun ke hadapan;
- (c) menyediakan kertas-kertas pencen kira-kira 6 bulan sebelum tarikh persaraan pekerja-pekerja berkenaan;
- (d) mengadakan kursus-kursus pencen di Bahagian Pencen dan di Pusat-pusat Latihan Perkeranian atau cawangan-cawangan Institiut Tadbiran Awam Negara;
- (e) meminta ajensi-ajensi berkenaan supaya memberi keutamaan bagi mengemukakan dokumen-dokumen mengenai pinjaman perumahan, penyata Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan sebagainya; dan
- (f) mengumpul data-data pesara dan merangka sistem maklumat yang dapat meringkaskan kerja-kerja yang "routine" dengan penggunaan alat komputer.

Tuan Ariffin bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri ada mengatakan bahawa pembayaran wang ganjaran mengambil masa tidak panjang. Apakah makna tidak panjang? Adakah 6 bulan itu tidak panjang?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, tindakan yang diambil oleh Bahagian Pencen ialah supaya boleh memberi bayaran kepada persara-persara itu dalam tempoh satu ataupun dua bulan.

SIMEN KURANG — PASAR GELAP

14. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan hasil penyiasatan ke atas dua orang pembuat simen yang baru-baru ini yang mengakui bahawa loji mereka rosak dan oleh yang demikian menyebabkan kekurangan bekalan simen dan berikutan pula menyebabkan pasaran gelap ke atas barang ini dengan harga antara \$6.50 — \$7.50 satu beg berbeza dengan harga kawalan Kerajaan iaitu \$5.00 satu beg.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya telah memeriksa kedua-dua kilang simen tempatan yang baru-baru ini telah memberhentikan pengeluaran atas alasan kerosakan jentera. Hasil dari penyiasatan-penyiasatan itu yang telah dijalankan bersama-sama dengan pegawai-pegawai Jabatan Kilang dan Jentera menunjukkan bahawa kerosakan alat-alat jentera memang benar berlaku di kedua-dua kilang tersebut dalam bulan Februari, Mac dan April tahun ini. Oleh itu, pengeluaran mereka telah tergendala dan ini menyebabkan kekurangan bekalan simen di pasaran tempatan baru-baru ini.

Berikutan dengan kekurangan bekalan tersebut harga simen di peringkat runcit telah meningkat dari di antara \$5.80 hingga \$6.80 kepada \$6.50 hingga \$7.20 sekampit mengikut kawasan. Walaupun demikian, harga simen di pintu kilang (ex-factory price) masih ditetapkan pada \$5.00 sekampit. Sejak bulan Mei, bekalan simen dari kilang-kilang tersebut telah pulih semula dan dengan pengimpotan simen pada jangka masa pemberhentian pengeluaran di kilang-kilang tempatan, keperluan bekalan di pasaran telah bertambah baik. Kilang-kilang tempatan juga telah dinasihatkan supaya memberitahu Kementerian saya apabila pemberhentian pengeluaran hendak dilaksanakan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Menteri ber-

kenaan samada beliau sedar bahawa kekurangan simen bukan sahaja menjejaskan kontrektor-kontrektor dan pemaju perumahan tetapi juga akan menghalang projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Jika beliau sedar hal ini bolehkah beliau memberitahu Dewan ini apakah langkah-langkah jangka panjang yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menentukan terdapat bekalan simen yang cukup dengan harga yang stabil pada setiap masa.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada membuat peraturan dalam mana kilang itu mesti memberitahu Kementerian kalau sekiranya mereka memberhentikan pengeluaran, kita ada mempunyai projek dalam mana satu-dua lagi kilang simen telah diluluskan untuk dibina dan dengan adanya peraturan itu dan juga adanya kilang-kilang yang akan didirikan, masalah kekurangan simen dapat kita atasi.

Dr. Tan Chee Khoon: Adakah Menteri berkenaan sedar bahawa boleh dikatakan dalam tiap kali persidangan Dewan ini selalu timbul masalah kekurangan simen, iaitu tiap-tiap kali persidangan kita sentiasa mendengar bahawa Kerajaan telah sedar tentang masalah itu dan mengambil segala tindakan untuk mengatasinya. Tetapi kita juga sedar tiap-tiap tahun masih ada kekurangan dan oleh itu menyebabkan kenaikan harga simen. Bolehkan Menteri yang berkenaan menjelaskan dengan secara detail tentang apakah tindakan Menteriannya yang akan diambil supaya di masa akan datang tidak timbul kekurangan simen.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau hendakkan detail, panjang sangat.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, jawapannya kekurangan bekalan simen dalam masa 3 — 4 bulan ini adalah disebabkan oleh kedua-dua kilang itu enjinnya rosak. Jadi oleh kerana itu pengeluaran kilang itu adalah kurang. Tetapi

dalam pada itu selain daripada 3 — 4 bulan yang lalu keadaannya adalah stabil, keadaan supply adalah stabil.

Tuan Yang di-Pertua: Kita hendak tambah dua kilang lagi.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tidak.

Tuan Lim Cho Hock: Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan mengenai kekurangan simen di Malaysia adalah kerana sindiket atau middlemen. Middlemen ini control harga simen seperti di negeri Perak ada sebuah syarikat atau seorang sahaja yang dapat menjadi chief agency bagi pengedaran daripada kilang-kilang simen dan chief agent itu yang kontrol harga, bukannya Kerajaan yang berkuasa. Kalau sedar bolehkah Kerajaan mengambil tindakan untuk menghapuskan semua middlemen?

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Saya tidak ada menerima laporan yang menyatakan perkara itu berlaku.

CARUMAN KUMPULAN WANG SIMPANAN GURU (KWSG)

15. Tuan Haji Zakaria bin Haji Ismail minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar bahawa guru-guru dari Semenanjung Malaysia yang berkhidmat di Sabah dan Sarawak, setelah tamat tempoh perkhidmatan mereka di sana, kedudukan mereka tidak terjamin apabila balik ke Semenanjung Malaysia. Mereka ini tidak ada caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Guru (KWSG) semasa berkhidmat di Malaysia Timur. Jika ya, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan mengenai perkara ini.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, guru-guru dari Semenanjung Malaysia yang berkhidmat di Sabah dan Sarawak tidak lagi mengalami kerugian sekembalinya mereka bertugas di

Semenanjung Malaysia, sebagaimana pada masa yang lepas. Semua guru pelatih dari Maktab-maktab Perguruan di Semenanjung Malaysia yang terikat untuk berkhidmat di Sarawak selama lima tahun, adalah dilantik oleh Kerajaan Sarawak sebagai Pegawai Perkhidmatan Pelajaran Sarawak. Kerajaan Negeri Sabah telah memersetujui supaya guru-guru seperti ini diberi peluang untuk memasuki Perkhidmatan Pelajaran Sabah, dan mereka yang tidak mendapat peluang sebelum dari ini, adalah dianggap sebagai sudahpun memasuki Perkhidmatan Pelajaran di sana dengan tarikh kuatkuasanya dikebelakangan kepada tarikh mereka dilantik sebagai guru kontrek. Kedudukan ini memberikan mereka kelayakan untuk ditimbang bagi pertukaran perkhidmatan kepada Perkhidmatan Pelajaran Semenanjung Malaysia oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran. Dengan cara ini perkhidmatan mereka di kedua-dua negeri itu tidak akan terputus dan tidak akan mengalami kerugian. Begitu jua, bagi guru-guru yang dipinjamkan ke Sabah dan Sarawak; tidak ada apa-apa kerugian yang pernah dialami oleh mereka.

Berhubung dengan caruman Kumpulan Wang Simpanan Guru (KWSG), adalah dimaklumkan bahawa KWSG ini hanyalah dicarumkan oleh guru-guru Unified Teaching Service sahaja. Oleh kerana Sekim UTS telahpun dimansuhkan maka caruman seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah tidak ujud lagi, melainkan bagi mereka yang tidak memilih untuk menjadi Guru Kerajaan ketika Sekim Gaji Aziz dilaksanakan.

PERNAS — MONOPOLI INSURAN

16. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad minta Perdana Menteri menyatakan:—

- (a) mengapa PERNAS (Perbadanan Nasional Bhd.) telah menggunakan dasar “pintu tertutup” terhadap perunding-perunding insuran bumiputra yang hendak menjual polisi-polisi mereka

kepada PERNAS dan syarikat-syarikat anaknya; dan

- (b) faedah utama usaha bersama di antara PERNAS Securities Sdn. Bhd. dan Syarikat Perunding Insuran England Belfalbe Halsey yang telah menghancurkan daya usaha firma-firma perunding insuran Bumiputra untuk menjual polisi mereka kepada PERNAS dan syarikat-syarikat anaknya.

Timbalan Menteri Kewangan (Puan Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua,

(a) PERNAS tidak mempunyai dasar "pintu tertutup" terhadap perunding-perunding insuran bumiputra yang hendak menjual polisi-polisi mereka kepada PERNAS dan anak-anak syarikatnya. PERNAS mempunyai sikap yang terbuka ke atas semua cadangan yang dikemukakan. Oleh kerana PERNAS mendapat kemudahan yang istimewa dari segi kewangan maka kebanyakan peluang-peluang perunding insuran disalurkan melalui anak-anak syarikatnya. Di samping itu PERNAS, seperti juga kumpulan besar yang lain dalam negeri ini dan juga di mana sahaja di dunia yang mempunyai syarikat insuran sendiri seharusnya menyalurkan keperluan insurannya kepada syarikat insurannya sendiri iaitu MNI melalui PERNAS Insurance Brokers (PIB) untuk menjamin kejayaan kedua-dua syarikat tersebut.

(b) Semasa PIB ditubuhkan ia memerlukan bantuan dan kemahiran yang hanya dapat diberikan oleh firma broker yang berpengalaman dan ternama dan juga mempunyai hubungan rapat dengan pusat-pusat insuran dunia. Cara inilah juga yang diikuti oleh lain-lain syarikat usahasama broker di seluruh negara.

Satu faedah lagi yang didapati oleh PIB dari hubungannya dengan firma broker yang ternama diseberang laut ialah ia membolehkan kakitangan PIB yang lebih daripada 90% darinya terdiri dari Bumiputra, mendapatkan

latihan dari pakar-pakar di dalam bidang broking.

Sungguhpun Syarikat Lyon De Falbe mempunyai equiti yang kecil sahaja dalam PIB iaitu 25% mereka telah membuat sumbangan yang besar kepada PIB.

Sebenarnya faedah usahasama PERNAS Securities dengan Lyon De Falbe tidaklah boleh dikatakan menghancurkan daya usaha firma-firma perundingan insuran Bumiputra. Menurut laporan Ketua Pengarah Insuran 1976, jumlah pendapatan premium di negeri ini ialah lebih dari \$536 juta.

Dari jumlah ini PERNAS Insurance Brokers hanya mengendalikan lebihkurang $\frac{1}{2}$ % sahaja. Dari hakikat ini nyatalah peluang-peluang dalam bidang insuran broking adalah besar. Memandangkan potensi perkembangan ekonomi negara yang pesat, peluang dalam bidang ini akan terus membesar.

LEMBAGA GULA QUEENSLAND

17. Tuan Shamsuri bin Md. Saleh minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) kemajuan yang dicapai dalam hal mengkaji semula perjanjian gula dengan Lembaga Gula Queensland dari Australia; dan
- (b) adakah sebarang kemungkinan untuk membeli gula dari sumber lain yang lebih murah supaya harga gula dapat diturunkan.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini telah dijawab pada hari kelmarin.

JANAKUASA HOSPITAL DAERAH BUKIT MERTAJAM

18. Tuan Tan Cheng Bee minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau sedar

bahawa Hospital Daerah Bukit Mertajam masih tidak mempunyai sebuah janakuasa sehingga hari ini walaupun permohonan untuk mendapatkan janakuasa telah dibuat beberapa tahun yang lalu. Penduduk-penduduk di Bukit Mertajam memandang berat perkara ini kerana sentiasa berlaku kerosakan dan gangguan kuasa letrik di daerah ini dan jika ya, samada beliau akan menimbangkan perkara ini sebagai satu keutamaan sebelum berlakunya sebarang kematian akibat kerosakan kuasa letrik di hospital tersebut.

Timbalan Menteri Kesihatan (Datuk Haji Abu Bakar bin Umar): Tuan Yang di-Pertua, pada awal tahun ini, Kementerian saya telah memperuntukkan \$31,000 kepada Hospital Daerah Bukit Mertajam untuk mendapatkan sebuah janakuasa. Jabatan Kerjaraya telah pun menyediakan "specifications" dan akan memanggil tender tidak lama lagi. Janakuasa tersebut akan dipasang dalam sukutahun terakhir tahun ini.

PEPERIKSAAN LCE/SRP, MCE/SPM DAN HSC/STP

19. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah usaha yang telah dibuat oleh Kerajaan dalam mengelakkan tarikh-tarikh atau hari-hari peperiksaan STP (HSC), SPM (MCE) dan SRP (LCE), daripada terkena pada hari-hari Raya dan Jumaat. Jika tidak, bilakah akan diambil tindakan itu dan mengapakah soal ini dilambat-lambatkan.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, peperiksaan LCE/SRP adalah kelolaan Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pelajaran Malaysia, dan ianya tidaklah pernah diadakan pada hari-hari raya, dan mulai tahun 1974 peperiksaan ini tidak lagi diadakan pada hari Jumaat. Peperiksaan-peperiksaan HSC/STP dan MCE/SPM adalah dikelolakan oleh sebuah badan Peperiksaan Luar, iaitu Cambridge, dan peperiksaan-peperiksaan ini bukan sahaja diambil oleh

calun-calun di Malaysia bahkan juga oleh calun-calun dari negara-negara lain. Oleh itu tidaklah dapat dielakkan sekiranya peperiksaan-peperiksaan ini diadakan juga pada hari-hari raya dan hari Jumaat. Walau bagaimanapun, pihak Cambridge sentiasa diberitahu oleh Kementerian Pelajaran supaya mengelakkan sejauh mana yang boleh peperiksaan-peperiksaan itu diadakan pada hari-hari Kelepasan Am seperti hari-hari perayaan.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2, 20 hingga 30 adalah diberi di bawah ini.)

BEKALAN AIR DI KUALA LUMPUR/ PETALING JAYA

2. Dr. Tan Chee Khoon minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan samada Kementerian beliau telah mengambil langkah-langkah jangka panjang untuk menentukan bahawa bekalan air untuk memenuhi keperluan penduduk-penduduk di Bandaraya Kuala Lumpur adalah terjamin apabila bilangan penduduk-penduduk kian bertambah. Memandangkan bahawa negara kita bernasib baik menerima hujan tahunan yang banyak, mengapa akhir-akhir ini catuan bekalan air telah dikenakan di Wilayah Persekutuan yang menyebabkan kesusahan kepada rakyat jelata.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Adalah dimaklumkan sistem bekalan air untuk Kuala Lumpur dan Petaling Jaya telah dan sedang diperbesarkan untuk menampung permintaan bekalan air yang kian bertambah. Semenjak tahun 1966 bekalan air telah bertambah dari 24.5 juta gelen sehari ke 90.5 juta gelen sehari dan ini menunjukkan tambahan 4 kali ganda dalam

masa 15 tahun. Kementerian saya telahpun menyiapkan Sistem Bekalan air Sungai Langat Peringkat I dan II dan sistem ini telah mengeluarkan bekalan air sebanyak 42 juta gelen sehari. Kerja-kerja sedang giat dijalankan untuk membina Sistem Bekalan Air Sungai Langat Peringkat III dan adalah dijangka sistem ini akan mengeluarkan bekalan air sebanyak 42 juta gelen sehari lagi untuk menampung permintaan bekalan air sehingga 1984. Peringkat III ini dijangka siap pada pertengahan tahun 1979.

Kekurangan bekalan air pada ketika ini tidaklah disebabkan oleh kurangnya peruntukan untuk kerja-kerja pembinaan sistem bekalan air tetapi disebabkan oleh cuaca yang tidak memuaskan. Analisa yang dibuat ke atas rekod kaji cuaca menunjukkan dari bulan Januari, 1976 ke bulan Mei tahun ini hujan yang turun di tempat takongan air di Klang Gates sangat berkurangan dan keadaan ini mengikut kajian, hanya boleh berlaku sekali sahaja dalam jangka masa 60 tahun. Kekurangan hujan dalam tahun 1976 dan 1977 ini menyebabkan air di 'reservoir' Klang Gates turun sebanyak $\frac{1}{3}$ dari jumlah air yang ada apabila musim hujan berakhir. Keadaan ini bertambah buruk di musim kemarau selepas itu. Faktor-faktor tersebut telah menyebabkan bekalan air dari 'reservoir' Klang Gates turun sebanyak 10 juta gelen sehari. Jumlah permintaan bekalan air di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya ialah sebanyak 90 juta gelen sehari dan memandang kekurangan ini, jumlah tersebut terpaksa dicatu ke 80 juta gelen sehari pada masa ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Y.B. tindakan sedang diambil untuk melaksanakan satu 'crash programme' untuk membekalkan dengan segera air ke Kuala Lumpur dan Petaling Jaya sebanyak 10 juta gelen sehari lagi supaya permintaan biasa sebanyak 90 juta gelen sehari dapat diberi. Apabila program ini siap, caduan air pada masa sekarang ini dapat dimansuhkan.

TV MALAYSIA DI SABAH DAN SARAWAK

20. Datuk Peter Lim Pui Ho minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) bilakah rancangan talivisyen melalui kedua-dua saluran akan diadakan di Sabah dan Sarawak; dan
- (b) samada rancangan talivisyen melalui saluran yang kedua seperti di Malaysia Barat, tidak dapat diadakan kerana perkara-perkara teknikal atau kewangan.

Menteri Penerangan (Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud):

- (a) Kini Sabah dan Sarawak memang ada menyiarkan 2 saluran:

Satu saluran ketiga iaitu siaran tempatan dan satu lagi siaran Nasional yang meliputi seluruh Malaysia, walaupun kedua saluran ini tidak berjalan serentak.

- (b) Rancangan talivisyen melalui saluran kedua seperti yang didapati di Semenanjung Malaysia, tidak boleh dipancarkan kepada Sabah dan Sarawak, oleh kerana kemudahan-kemudahan teknikal yang ada sekarang di Sabah dan Sarawak hanya mencukupi bagi satu rangkaian sahaja.

MINYAK DIESEL — KEKURANGAN

21. Dr. Hee Tien Lai minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama beliau sedar bahawa di Batu Pahat kini kekurangan bekalan minyak disel, dan jika sedar, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan bahawa bekalan keperluan ini mencukupi.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Saya sedar bahawa kekurangan bekalan minyak disel telah berlaku di Batu Pahat baru-baru ini. Kekurangan bekalan minyak tersebut berlaku pada penghujung

bulan apabila quota-quota jualan yang dikenakan oleh syarikat-syarikat minyak tersebut ke atas service station-service station yang menjual minyak mereka habis dan kelewatan tibanya bekalan tambahan pada masa tersebut. Pegawai-pegawai Penguatkuasa Kementerian saya telah menjalankan siasatan di kawasan tersebut dan tindakan undang-undang akan diambil terhadap peniaga-peniaga yang didapati melakukan kesalahan di bawah Akta Kawalan Bekalan, 1961, kerana tidak mematuhi syarat yang dikenakan ke atas mereka supaya meminta bekalan dengan segera.

Siasatan juga sedang dijalankan ke atas syarikat-syarikat minyak untuk menentukan supaya kekurangan bekalan minyak disel tidak berlaku pada masa akan datang dan tindakan juga akan diambil terhadap syarikat-syarikat tersebut jika didapati mereka melakukan kesalahan di bawah undang-undang. Syarikat-syarikat minyak yang membekalkan minyak di kawasan Batu Pahat juga telah diarahkan supaya menambahkan bekalan mereka ke kawasan itu.

JALAN LUAR BANDAR

22. Tuan Abu Bakar bin Arshad minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar tentang sungutan rakyat luar bandar yang masih tidak mempunyai jalanraya yang baik, dan jalan seperti manakah peruntukan yang disediakan bagi kemudahan luar bandar dari peruntukan Kerajaan Pusat. Jika sedar, apakah tindakan yang telah dibuat.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Seperti Yang Berhormat sedia maklum, jalan-jalan luar bandar telah dimulakan pembinaannya dalam Rancangan Malaysia Pertama (1960 — 65) dengan tujuan utamanya untuk:—

- (i) menyediakan kaedah perhubungan kepada penduduk luar bandar;
- (ii) membuka kawasan-kawasan baru di luar bandar.

Dalam melaksanakan projek-projek jalan luar bandar dan seterusnya mencapai kedua-dua tujuan di atas, Kerajaan memang menyedari bahawa sebaik-baiknya semua jalan yang dibina hendaklah dari mutu yang tinggi. Walau bagaimanapun, adalah menjadi hakikat yang tidak dapat dinafikan bahawa adalah mustahil bagi semua jalan luar bandar yang dibina semestinya diturap dengan tar dan dari mutu yang tinggi dengan serentak sahaja. Ini adalah memandangkan bukan sahaja peruntukan adalah terhad, tetapi yang paling penting ialah banyaknya tempat yang masih belum ada jalan yang sempurna, walaupun hanya jalan tanah merah sekalipun.

Oleh itu apabila kerajaan menyediakan peruntukan jalan luar bandar, adalah menjadi dasarnya supaya 75% dari peruntukan adalah bagi membina jalan-jalan baru manakala 25% lagi adalah untuk memperbaiki jalan-jalan yang tidak ditar yang dirasakan perlu diperbaiki berdasarkan pertimbangan-pertimbangan penggunaannya. Tegasnya, jalanraya-jalanraya luar bandar adalah terus diperbaiki secara berperingkat-peringkat.

Di samping itu juga kerajaan telah menentukan supaya bahagian jalanraya luar bandar yang melalui kampung hendaklah diturapkan dengan tar untuk mengelakkan timbulnya perasaan tidak selesa bagi penduduk-penduduk kampung.

Berkenaan dengan sungutan rakyat luar bandar yang masih belum mempunyai jalanraya yang baik, pihak kerajaan memanglah sentiasa mengikut dan menyedari akan perkembangan-perkembangan yang berlaku. Apabila timbulnya keadaan seperti ini, tindakan yang lazimnya diambil ialah untuk menyiasat tiap-tiap kes itu menurut "merit"-nya dan bagi jalan-jalan yang benar-benar dirasakan perlu di "upgrade" kan dengan segera, maka terpulanglah kepada pentadbiran negeri memasukkannya ke dalam kategori berkenaan seperti yang dinyatakan di atas.

RANCANGAN KANAK-KANAK DI TV

23. Toh Puan Onn Zariah minta Menteri Penerangan menyatakan samada beliau sedar bahawa rancangan kanak-kanak yang disiarkan di T.V. adalah kebetulan pada waktu bagi kanak-kanak untuk mengaji Quran sehingga kelas-kelas ugama di waktu selepas Maghrib tinggal kosong. Jika sedar bilakah Kementeriannya akan menyiarkan semua rancangan kanak-kanak di sebelah siang hingga sebelum Maghrib sahaja.

Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud: Hal ini akan dikaji dan perancangan rancangan kanak-kanak ini akan diperbaiki dari semasa ke semasa.

PASUKAN ASKAR MELAYU DI RAJA DI PERLIS

24. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Pertahanan menyatakan bilakah masanya penempatan satu batalion Pasukan Askar Melayu di Raja di negeri Perlis itu akan dilakukan memandangkan bahawa Kementerian ini telahpun membuat pengakuan setelah menerima desakan dari segenap lapisan.

Menteri Pertahanan (Datuk Hussein bin Onn): Dalam persidangan Dewan Rakyat yang lalu saya telahpun menerangkan dengan panjang lebar mengenai faktor-faktor yang diambilkira oleh Kementerian Pertahanan dalam menetapkan lokasi kompleks battalion infantri yang tetap. Saya juga telah menjelaskan bahawa Negeri Perlis belum lagi dimasukkan dalam senarai tempat-tempat di mana kompleks battalion infantri yang tetap akan didirikan. Kedudukan perkara ini masih tidak berubah.

PENGGUNA TELEFON

25. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Haji Panglima Abdullah bertanya kepada Menteri Perhubungan:

- (a) samada Kerajaan sedar pada masa sekarang pengguna-pengguna telefon terutamanya di sebelah Pantai Timur Sabah kerap kali kedapatan telefonnya dipotong dengan tidak bersebab dan Jabatan Talikom hanya mengatakan "tidak menunaikan bil telefon dalam tempoh masanya", sedangkan bil telefon yang disebutkan itu tidak sampai langsung kepada pengguna-pengguna telefon yang berkenaan, dan apakah tindakan yang akan diambil untuk mengatasi perkara ini; dan
- (b) adakah Kerajaan sedar pada masa sekarang bil panggilan jauh yang tidak pernah dibuat oleh pengguna-pengguna telefon masih tercatat dalam bil-bil pengguna telefon di Sabah, sungguhpun sudah ada jaminan dari Kerajaan bahawa perkara ini tidak akan berlaku lagi dan adakah Kerajaan akan menyiasat supaya perkara seperti ini tidak berulang lagi dan adakah perkara seperti ini memang sengaja diadakan oleh kakitangan Jabatan Talikom, kalau tidak, bagaimana kejadian ini boleh berlaku.

Tan Sri V. Manickavasagam:

- (a) Bukan sahaja pelanggan-pelanggan telefon di pantai Timur Sabah malah juga pelanggan-pelanggan di lain-lain tempat di Sabah dikenakan syarat yang sama iaitu perkhidmatan telefon mereka yang berkenaan akan dihentikan buat sementara waktu jika didapati bahawa pembayaran bil-bil telefon yang kebelakangan belum dijelaskan. Tindakan ini terpaksa dijalankan dengan tegas kerana bil-bil telefon masih dikeluarkan sekali bagi tiap-tiap tiga bulan di negeri Sabah.
- (b) Sebelum tindakan di atas diambil biasanya pelanggan yang berkenaan akan diberi peringatan yang terakhir meminta kerjasamanya untuk menjelaskan pembayaran bil-bil telefon yang kebelakangan itu. Tindakan

menghentikan perkhidmatan telefon pelanggan itu hanya akan diambil jika ia tidak mengendahkan peringkatan itu yang biasanya dikeluarkan 8 minggu selepas bil-bil telefon tersebut dikeluarkan.

Untuk mengatasi masalah ini:—

- (1) Jabatan Talikom Sabah sentiasa bersedia mengemukakan salinan bil-bil telefon apabila dikehendaki.
- (2) Pelanggan-pelanggan juga dikehendaki memberitahu Jabatan itu dengan seberapa segera yang boleh jika ada sebarang pertukaran alamat.
- (b) Jabatan Talikom sentiasa melayan dan menyiasat jika ada sebarang aduan panggilan jauh yang tidak benar. perkara ini mudah disiasat daripada “docket-docket” panggilan jauh di mana disebutkan butir-butir seperti nama pemanggil dan nombor telefon yang dipanggil.

Adalah tidak benar bahawa bil panggilan jauh yang tidak pernah dibuat oleh seseorang pelanggan itu dengan sengaja diadakan oleh kakitangan Talikom kerana perbuatan seperti itu tidak akan memberi apa-apa faedah kepada mana-mana pihak.

ITM DINAIKKAN TARAF UNIVERSITI

26. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Institute Teknologi MARA akan dinaikkan statusnya ke taraf Universiti memandangkan bahawa usaha-usaha yang dijalankan sekarang adalah sangat menggalakkan terutama apabila ia mengadakan kerjasama bagi mengadakan peperiksaan luar seperti kursus Master of Science in Economics (M.Sc. Econs.) dari University Kentucky, U.S.A. dan peperiksaan Bachelor of Business Administration (BBA) dari Universiti Ohio, U.S.A. Oleh kerana memandangkan bahawa Universiti Teknologi Kebangsaan dan Universiti Pertanian juga mengadakan dua peringkat kursus

iaitu satu Diploma dan satu lagi Degree, maka cita-cita memenuhi kekosongan peringkat sub-profesional Melayu dalam bidang executives telah mencapai angka yang tinggi di samping mutu pelajaran akademiknya begitu tinggi dengan mendapat pujian dari profesor-profesor yang mengadakan lawatan dari luar negeri, dan berdasarkan bahawa kursus yang dianjurkan oleh ITM adalah setanding dengan kursus degree di luar negeri dan berdasarkan kepada faktor-faktor di atas, samada Kerajaan akan mengumumkan kenaikan tarafnya kepada Universiti dan sekiranya ya, crash programmes untuk menghantar tenaga-tenaga pengajar melanjutkan pelajaran ke peringkat Ph.D. dalam dan luar negeri akan disegerakan.

Tuan Chan Siang Sun: Soal menaikkan taraf ITM kepada taraf universiti adalah tidak timbul sama sekali, memandangkan bahawa matlamat penubuhan ITM adalah sebagai sebuah institusi untuk melatih golongan Bumiputra di peringkat Separat-ikhtisas. Sungguhpun di ITM terdapat kursus-kursus seperti kursus Master of Science in Economics dan Bachelor of Business Administration namun kebanyakan kursus lain dijalankan pada peringkat diploma dengan tujuan untuk mengisi keperluan guna tenaga di peringkat separat-ikhtisas. Dengan itu adalah tidak wajar menaikkan taraf ITM dengan berdasarkan dua kursus tadi, terutama sekali memandangkan banyak bidang guna tenaga di peringkat separat-ikhtisas yang belum dipenuhi. Di samping itu juga kita telah mempunyai lima buah universiti yang sedang dalam proses perkembangannya dan adalah wajar jika urusan melaksanakan program akademik di peringkat ijazah dikendalikan oleh universiti yang sudah ada.

KEBAKARAN DI KAWASAN SETINGGAN

27. Dr. Tan Chee Khoo minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan langkah-langkah yang telah dan

akan diambil oleh Kerajaan untuk mengelak kebakaran (i) di kawasan-kawasan setinggi seperti di Kawasan Kepong, dan (ii) bangunan-bangunan tinggi di dalam Wilayah Persekutuan, dan mengapa kejadian-kejadian kebakaran semakin bertambah dan menyebabkan kehilangan nyawa dan harta benda.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad):

- (i) Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengelak kebakaran di kawasan-kawasan setinggi seperti di kawasan Kepong telahpun diusahakan. Langkah-langkah ini adalah seperti membesar dan mendirikan Balai Bomba baru di Jinjang dengan tambahan kakitangan yang sewajarnya. Menambah pili-pili Bomba di kawasan setinggi yang dibolehkan.

Untuk memberi kesedaran kepada awam berkaitan dengan bahaya-bahaya kebakaran sebaran yang berkaitan senantiasa disiarkan oleh pihak talivisyen dan radio dengan harapan dengan adanya sebaran ini orang awam diharap senantiasa berwaspada terhadap kebakaran.

- (ii) Bagi mengelak kebakaran di bangunan-bangunan tinggi di dalam Wilayah Persekutuan dan juga di tempat-tempat lain, tindakan telahpun diambil dengan adanya Undang-undang Kecil "Bangunan yang Diseragamkan" bagi bangunan-bangunan. Di dalam Undang-undang Kecil ini terdapat kawalan-kawalan seperti berikut:—

- (a) Structural fire protection (Tahan Api)
- (b) Means of Egress (Cara jalan keluar)
- (c) Protection of Opening (Pemeliharaan bukaan-bukaan)

- (d) Spread of flame (Kemerebakan Api)
- (e) Means of fire detection (Mengesan Api)
- (f) Fire extinguishment (Memadam Api)
- (g) Fire Alarm (Penggara-penggara Api)

Bagi tuan-tuan ampunya bangunan mematuhi keperluan kebombaian, Jabatan Bomba dari masa ke semasa menjalankan pemeriksaan dan ujian-ujian sewajarnya. Juga memberi ceramah-ceramah berkaitan dengan kebakaran dan menggunakan alat-alat kebombaian. Tidak dapat dinafikan bahawa kejadian-kejadian kebakaran semakin bertambah. Ini adalah disebabkan oleh kemajuan yang begitu pesat terhadap pembangunan di dalam negara. Misalan, kilang-kilang yang kecil-kecilan dahulu bertambah besar, bahan-bahan kimia yang diusahakan dan diproses mendatangkan anika bahaya dan juga kebakaran. Tambahan lagi dengan bertambahnya penduduk-penduduk di dalam Wilayah Persekutuan dan di kawasan-kawasan sekitarnya yang menyebabkan bertambahnya kawasan-kawasan setinggi juga satu daripada faktor-faktor yang menyebabkan kejadian-kejadian kebakaran bertambah. Tambahan bagi mengelakkan kejadian ini satu Akta Pencegahan Kebakaran adalah diperlukan dan usaha untuk mengadakan Akta ini telahpun di dalam prosesnya sekarang.

Pada dasarnya Kerajaan Pusat telah mengambil Perkhidmatan Bomba Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mulai 1hb. Januari, 1977 dan perlaksanaannya dijangka dapat diselesaikan pada 1hb. Januari, 1978. Beberapa rancangan membina Balai Bomba baharu di sekitar kawasan Kepong dan di dalam Wilayah Persekutuan seperti di Selayang Baru, Projek Perumahan Tun Ismail, Setapak, Cheras dan Kampong Datok Keramat sedang dikaji dengan pesat dan dijangka dapat dilaksanakan satu demi satu mengikut "priority-nya".

Lain-lain rancangan kemajuan Perkhidmatan Bomba seperti menambah anggota-anggota, memberi latihan-latihan di dalam dan luar negeri, membeli jentera-jentera dan alat-alat keperluan baharu mengadakan undang-undang sewajarnya dan lain-lainnya, semuanya bertujuan memperkemas pentadbiran Perkhidmatan Bomba yang dijangka dapat mengurangkan kejadian-kejadian kebakaran, kehilangan nyawa dan harta benda.

AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA

28. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada beliau bercadang untuk mengemukakan pindaan kepada Undang-undang SOCSO untuk mengembalikan hal pekerja-pekerja bagi menuntut pampasan di bawah undang-undang biasa kerana kecederaan sendiri dan kehilangan pendapatan dengan membuktikan kecuaiannya di pihak majikan, dan jika ya bila, dan jika tidak, mengapa.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Lee San Choon): Soal samada peruntukan yang tertentu di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969 perlu dipinda ataupun dimansuhkan sama sekali, untuk membolehkan pekerja-pekerja yang diberi perlindungan di bawah Akta tersebut untuk membuat tuntutan di bawah "Common Law", adalah merupakan satu perkara yang kompleks. Ianya telah menjadi bahan perbincangan bukan sahaja di peringkat negara kita tetapi juga di peringkat antarabangsa.

Pihak-pihak yang menyokong keadaan sekarang ini di mana pekerja-pekerja tidak dapat membuat tuntutan di bawah Common Law dan hanya mendapat perlindungan di bawah Akta tersebut menganggap soal tuntutan di bawah Common Law ini tidaklah logik, dan keputusan Mahkamah di atas kes-kes pula mungkin berbeza mengikut merit satu-satu kes itu. Mereka juga mengatakan,

dan ini kita memang dapat menerima, bahawa proses tuntutan di bawah Common Law itu memakan masa yang lama serta perbelanjaan yang besar dan, pada keseluruhannya, merupakan satu rintangan (impediment) kepada pemulihan pekerja yang tercedera itu. Kita harus memahami bahawa Sekim Keselamatan Sosial ini bukan sahaja ditujukan kepada pampasan untuk pekerja-pekerja yang tercedera itu untuk penggantian keupayaan mereka dalam pekerjaan berikutan dengan kecederaan itu, atau memberi pampasan kepada keluarga pekerja yang mati akibat kemalangan pekerjaan, tetapi ialah untuk pemulihan keupayaan pekerja itu seberapa yang boleh. Tuntutan di bawah Common Law ini tidak mementingkan aspek ini dan ada kemungkinan bahawa pampasan yang diarahkan oleh Mahkamah tidak dibelanjakan oleh pekerja-pekerja untuk rawatan-rawatan pemulihan ini. Pihak-pihak ini juga menegaskan bahawa Sekim Socso di sini seperti Social Security di seluruh dunia diasaskan di atas konsep "pooling of risks" oleh semua majikan dan pekerja dan kerana itu tidaklah patut jika seseorang majikan dipaksa membayar pampasan di bawah Common Law, serta menyumbangkan setiap bulan terhadap perlindungan di bawah Akta Socso tersebut.

Sebaliknya pula mereka yang menggesa bahawa tuntutan di bawah Common Law di Mahkamah harus juga dibenarkan, berpendapat inilah sahaja satu cara yang dapat memberikan pampasan yang sempurna iaitu pampasan yang lebih memuaskan dan dibayar sekaligus. Mereka juga mendakwa bahawa tindakan yang sedemikian akan memberi kesan bagi mencegah kecuaiannya (negligence) oleh pihak majikan, kerana pampasan yang ditentukan di bawah Common Law itu mungkin mengandungi "elements of damages for negligence on the part of employers" dan pampasan untuk "inconvenience atau pain and injury" dan lain-lain.

Kementerian saya adalah menyedari tentang pendapat-pendapat ini dan sedang membuat kajian semula yang menyeluruh bagi

Akta Keselamatan Sosial itu, dengan bantuan seorang pakar dari ILO. Perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ada juga terkandung di dalam kajian tersebut. Saya suka juga di sini memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa peluang yang cukup akan diberi kepada pihak-pihak pekerja dan majikan untuk mengkaji lapuran dan syor-syor pakar tersebut sebelum sesuatu keputusan diambil di atas perkara-perkara ini.

PERMIT KERJA

29. Tuan Haji Pengiran Ahmad bin Pengiran Indar bertanya kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat:

- (a) berapa banyak permit kerja telah dikeluarkan pada setakat 1977 ini;
- (b) adakah rancangan Kerajaan untuk mengurangkan pengeluaran permit kerja ini; dan
- (c) adakah Kerajaan sedar bahawa kebanyakan kerja-kerja yang dibuat oleh pemegang-pemegang permit kerja itu boleh dibuat oleh rakyat tempatan, kiranya sedar, apakah tindakan akan diambil atas perkara ini.

Datuk Lee San Choon:

- (a) Dari tarikh Akta (Sekatan) Kerja, 1968, dikuatkuasakan pada 1.7.1969 sehingga 30.6.1977, jumlah permit-permit kerja yang telah dikeluarkan ialah 156,097. Tetapi jumlah permit kerja hidup (atau active permit) pada 30.6.1977 ialah 35,788.
- (b) Tidak ada apa-apa rancangan Kerajaan untuk mengurangkan pengeluaran permit kerja oleh kerana bilangan permit kerja hidup dengan sendirinya kian berkurangan dari setahun ke setahun. Ini di antara lain ialah kerana sebab-sebab berikut:
 - (i) Permit-permit kerja yang telah luput tempohnya ada yang tidak

dibaharui kerana warganegara mengambil alih pekerjaan berkenaan;

- (ii) Pemegang-pemegang permit kerja itu telah bekerja sendiri;
 - (iii) Pemegang-pemegang permit kerja itu telah menjadi warganegara;
 - (iv) Pemegang-pemegang permit kerja itu telah bersara, meninggalkan negeri ini, meninggal dunia dan sebagainya.
- (c) Kerajaan sedar bahawa ada di antara kerja-kerja yang dibuat oleh pemegang permit kerja itu boleh dibuat oleh warganegara. Peraturan-peraturan telahpun sedia ada dalam perkara ini dan Kerajaan akan terus bertindak berdasarkan peraturan-peraturan ini. Permit-permit kerja bagi pemegang-pemegang permit yang tarafnya hampir kepada warganegara seperti isteri warganegara, dan yang layak bermohon kerakyatan dalam Borang C dan Borang E, akan terus dibaharui. Mereka yang layak bermohon kerakyatan dalam Borang C ialah mereka yang layak mendapat kerakyatan di bawah Artikel 15(3) Perlembagaan dan yang layak memohon kerakyatan dalam Borang E ialah mereka yang layak mendapat kerakyatan di bawah Artikel 16 Perlembagaan. Dalam kes-kes yang lain dari itu warganegara adalah diutamakan. Jika ada calon warganegara bagi pekerjaan yang dipohonkan itu maka pekerjaan itu akan diberikan kepada warganegara itu. Walau bagaimanapun, permit-permit kerja adalah dikeluarkan juga atas dasar belas kasihan dan peri kemanusiaan, misalnya pemohon itu mempunyai tanggungan yang banyak, sedangkan ia seorang pencari nafkah yang tunggal, dan ia telah bermohon kerakyatan dan lulus ujian Bahasa Malaysia.

AKTA KESELAMATAN SOSIAL (SOCSO)

30. Tuan Ngan Siong Hing minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan:

- (a) samada Kerajaan akan melantik sebuah Jawatankuasa berkuasa tinggi, yang mengandungi peguam-peguam, kakitangan-kakitangan awam berpangkat tinggi dan wakil-wakil pekerja dan majikan untuk mengkaji Akta Keselamatan Sosial (SOCSO) kerana pendapat umum adalah menentang perjalanan Akta tersebut;
- (b) samada Kerajaan sedar bahawa Majlis Peguam kurang senang dengan SOCSO; dan
- (c) samada Kerajaan sedar bahawa kaum-kaum pekerja tidak faham pengertian SOCSO.

Datuk Lee San Choon: Adalah tidak perlu bagi Kerajaan melantik sebuah Jawatankuasa peringkat tinggi, yang mengandungi peguam-peguam, kakitangan-kakitangan awam kanan dan wakil-wakil pekerja dan majikan untuk mengkaji Akta Keselamatan Sosial, seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) telahpun menghantar satu kumpulan pakar seramai 3 orang di bawah Rancangan Pembangunan Bangsa-bangsa Bersatu untuk membantu Kerajaan di dalam usaha-usahanya menyusun semula dan memperkembangkan rancangan Keselamatan Sosial di negeri ini. Pakar-pakar ini juga akan menjalankan kajian di atas perundangan yang ada dan dalam usaha ini sudah tentu akan meminta pandangan dan pendapat bukan sahaja wakil-wakil pekerja dan majikan tetapi juga lain-lain kumpulan yang terlibat seperti doktor dan peguam.

Syor-syor dari pakar-pakar ini akan dikemukakan kepada Majlis Keselamatan Sosial di mana pekerja-pekerja dan majikan-majikan ada mempunyai wakil-wakil mereka. Lain-lain ahli Majlis termasuk wakil-wakil dari Perben-

daharaan, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Kebajikan 'Am. Kementerian saya juga telah melantik seorang ahli Majlis Peguam dan seorang ahli Persatuan Perubatan Malaya sebagai ahli-ahli dalam Majlis ini.

Oleh yang demikian tidaklah perlu lagi bagi Kerajaan untuk melantik sebuah Jawatankuasa untuk mengkaji undang-undang keselamatan sosial.

Tidak, saya tidak sedar bahawa Majlis Peguam kurang senang dengan SOCSO. Apa yang saya tahu ialah Majlis tersebut telah membuat satu cadangan supaya dipinda atau dimansuhkan terus satu seksyen dalam Akta Keselamatan Sosial yang mengikutnya adalah bertentangan dengan kepentingan kaum pekerja. Perkara ini juga sekarang sedang dikaji secara mendalam oleh pakar-pakar itu.

Pertubuhan Keselamatan Sosial sebenarnya telah menghabiskan banyak tenaga dan wang ringgit dalam usahanya untuk memperkenalkan kepada pekerja-pekerja berbagai-bagai perbekalan yang terdapat dalam Akta supaya mereka dapat menikmati faedah-faedah yang disediakan untuk mereka.

Sejak ianya ditubuhkan dalam tahun 1971, SOCSO telah mencetak dan membahagikan beribu-ribu risallah-risallah dan buku-buku kecil dalam siri yang dipanggil "Keselamatan Sosial dan Anda" untuk faedah pekerja-pekerja. SOCSO juga telah mencetak buku-buku panduan untuk majikan. Pada tahun lepas sahaja setengah juta risallah-risallah dalam siri baru yang berjodol "Mengetahui Keselamatan Sosial Anda" dan juga buku-buku kecil yang berjodol "Panduan Keselamatan Sosial" telah dicetak. Penerbitan-penerbitan ini telah diedarkan kepada pekerja-pekerja di seluruh negara melalui beberapa saluran termasuk pejabat-pejabat pos, bank-bank yang diluluskan, kelinik-kelinik doktor penal, kesatuan-kesatuan sekerja, pertubuhan-pertubuhan majikan, pejabat-pejabat tempatan dan juga melalui saluran Jabatan Penerangan.

Selain daripada itu, pegawai-pegawai Pertubuhan itu juga telah dihantar untuk memberi ceramah dan menjelaskan mengenai peranan SOCSO di perjumpaan-perjumpaan yang dianjurkan oleh kesatuan-kesatuan sekerja.

Oleh yang demikian, adalah tidak benar tuduhan bahawa kaum-kaum pekerja tidak faham tentang SOCSO. Sebaliknya pada hari ini lebih ramai pekerja-pekerja yang sedar akan hak-hak mereka di bawah Akta sebagaimana jelas dari bilangan tuntutan-tuntutan yang telah bertambah-tambah yang dibuat oleh mereka kepada Pertubuhan itu.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PINJAMAN (BANK PEMBANGUNAN ISLAM)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk membuat peruntukan bagi Kerajaan Persekutuan mendapatkan pinjaman-pinjaman daripada Bank Pembangunan Islam dan bagi perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG LALULINTAS JALAN (PINDAAN) (No. 2)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Ordinan Lalulintas Jalan, 1958; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG KAWALAN TIMAH (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Ordinan Kawalan Timah, 1954; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perusahaan Utama; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1977)

Bacaan Kali Yang Kedua

3.35 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa "Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1977 dan bagi memperuntukkan wang itu bagi maksud-maksud yang tertentu" dibaca kali yang kedua.

Fasal 2 Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi perbelanjaan tambahan sebanyak \$94,195.072 bagi perkhidmatan tahun 1977, yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya dalam Anggaran Belanja Mengurus, 1977 yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan, 1977.

Dalam Tambahan ini, sebanyak \$2,580.000 adalah dikehendaki bagi membiayai perbelanjaan mengurus enam buah cawangan Pejabat Akauntan Negara yang baharu ditubuhkan di Johor Bahru, Ipoh, Pulau Pinang, Kuala Trengganu, Kuantan dan Seremban; \$36 juta merupakan pinjaman kepada Negeri Kelantan (\$2 juta) dan Negeri Sarawak (\$34 juta) untuk membiayai keperluan-keperluan belanja

mengurus bagi kedua-dua buah Negeri tersebut dalam tahun 1976; \$3 juga dikehendaki sebagai pinjaman jangka pendek kepada Syarikat Perumahan Pegawai-pegawai Kerajaan Sendirian Berhad bagi membiayai projek-projek perumahannya dalam tahun 1977; \$50 juta untuk membolehkan Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) mengisi semula stok-stok beras yang berkurangan berikutan dengan krisis beras dunia dalam tahun 1973 dan 1974 di mana LPN telah menggunakan beras daripada stokpail untuk membantu bekalan beras dalam negeri. Beras dalam stokpail telah berkurangan hingga ke paras 17,972 metric ton berbanding dengan sekurang-kurangnya 120,000 metric ton yang dihadkan oleh Kerajaan untuk simpanan. Yang lainnya adalah kecil jumlahnya dan diterangkan dengan lanjut dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 18 tahun 1977.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Paul Leong Khee Seong: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 1), 1977

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa usul yang dikemukakan atas nama Menteri Kewangan dalam Aturan Urusan Mesyuarat dirujuk kepada Jawatankuasa Majlis iaitu:

Dewan ini membuat ketetapan bahawa sejumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$186,311,880 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1977, dan bagi menampung maksud kepala-kepala dan pecahan-pecahan kepala perbelanjaan yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata yang dibentangkan sebagai

Kertas Perintah 19 tahun 1977, diuntukkan jumlah-jumlah yang dinyatakan dalam ruangan lapan dan sembilan bertentangan dengan kepala-kepala dan pecahan-pecahan kepala dalam Kertas Perintah itu.

Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama, 1977 menunjukkan tambahan sebanyak \$186,311,880 yang dikehendaki yang melebihi peruntukan yang telah diluluskan bagi tahun 1977 yang mana termasuk 3 peruntukan tanda sebanyak \$10 tiap-tiap satu. Dari jumlah \$186,311,880 ini, sebanyak \$141,311,880 telah didahulukan daripada Simpanan Luar Jangka.

Keterangan-keterangan lanjut mengenai Anggaran Tambahan ini adalah seperti berikut:—

- (a) Kepala P. 25 — Kementerian Perdagangan dan Perindustrian — sebanyak \$2.5 juta dikehendaki bagi menubuhkan Sekim Jaminan Ekspot Kredit dengan bertujuan untuk menolong pengeksport-pengeksport tempatan meneroka dan menubuhkan pasaran-pasaran baru di seberang laut selaras dengan usaha mempergiatkan lagi eksport negara. Daripada jumlah saham yang bernilai \$5 juta, Kerajaan akan menyumbangkan sejumlah \$2.5 juta (50%), bank-bank perdagangan \$2 juta (40%) dan syarikat-syarikat insuran \$0.5 juta (10%).
- (b) Kepala P. 32 — Perbendaharaan — Dari jumlah \$108,010,000 yang dikehendaki, sebanyak \$50 juta merupakan pembayaran kepada Kerajaan Negeri Selangor dalam tahun 1977 untuk membiayai kerja-kerja pembangunan di Shah Alam berikutan dengan penubuhan Kuala Lumpur sebagai Wilayah Persekutuan pada 1hb. Februari, 1974; \$6.5 juta untuk membeli 'Rumah Sabah' dari Kerajaan Negeri Sabah; \$1,510,000 untuk membeli sebidang tanah seluas 2.1992 ekar dan dua buah rumah yang terletak di

Lot 53, Seksyen 59 di Jalan Venning, Kuala Lumpur; \$5 juta merupakan bantuan kos modal bagi pembinaan Ibu Pejabat Bank Simpanan Nasional di Kuala Lumpur; \$45 juta dikehendaki oleh Bank Bumiputra Malaysia Berhad (BBMB) berikutan dengan pengeluaran "bonus issue" dan "rights issue" oleh Malayan Banking Berhad. Langkah ini membolehkan Malayan Banking Berhad menaikkan modal dibayarnya daripada \$45 juta kepada \$90 juta. Bank Bumiputra seterusnya akan mengeluarkan 45 juta saham baharu bernilai \$45 juta atas nama 'Minister of Finance (Incorporated)'. Dengan ini modal dibayarnya akan bertambah daripada \$40 juta kepada \$85 juta;

- (c) Kepala P. 55 — Kementerian Perhubungan — sebanyak \$59,981,000 dikehendaki sebagai pinjaman. Dari jumlah ini, sebanyak \$40 juta merupakan pembayaran ansuran pertama dan kedua kepada Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia Berhad bagi membiayai pembelian lima buah "LNG Carriers"; \$872,000 dikehendaki oleh Lembaga Pelabuhan Kuantan bagi membiayai belanja mengurusnya dalam tahun 1977; \$2,950,000 bagi membiayai belanja mengurus Lembaga Pelabuhan Johor bagi tempoh permulaan perjalanannya; \$16,159,000 bagi menyiapkan projek Pelabuhan Kota Kinabalu dan Pelabuhan Sandakan dan bagi membiayai cukai pendapat Juru-juru Perunding yang berkhidmat dengan Lembaga tersebut;
- (d) Kepala P. 64 — Kementerian Kerajaan dan Kemudahan-kemudahan Awam — sebanyak \$14,233,260 adalah dikehendaki yang mana termasuk satu peruntukan tanda sebanyak \$10. Peruntukan sebanyak \$3.5 juta merupakan pinjaman kepada Kerajaan Negeri Trengganu bagi menyiapkan pembinaan sebuah bangunan setinggi 13 tingkat bagi menempatkan semua Jabatan

Kerajaan Negeri di Kuala Trengganu; \$10,733,250 merupakan pinjaman kepada Lembaga Letrik Negara bagi membiayai kerja-kerja rangkaian keluli dan salutan untuk projek Stesyen Janaletrik Prai, Peringkat III; dan

- (e) Kepala P. 66 — Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah — sebanyak \$638,100 dikehendaki bagi membiayai perbelanjaan menempatkan semula penduduk-penduduk di Jerkoh dan Sungai Lekoh, Pahang; \$949,500 merupakan pinjaman kepada Kerajaan Negeri Pahang bagi membiayai pembinaan rumah kos rendah (\$225,000) dan memajukan pertanian lada hitam (\$724,500) di Kampung Peruang, Pahang di bawah projek keselamatan penempatan semula yang akan dilaksanakan oleh Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian Negeri Pahang.

Butir-butir selanjutnya mengenai Anggaran Tambahan ini ada diberikan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 20 Tahun 1977.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Paul Leong Khee Seong: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempergunakan Mesyuarat*)

3.45 ptg.

Dr. Tan Chee Khoon (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, pada petang ini kita diminta meluluskan dua Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan: satu untuk pembangunan sebanyak \$186,000,000; satu untuk perbelanjaan biasa sebanyak \$94,000,000 jumlahnya \$280,000,000.

Tuan Yang di-Pertua, biasanya Kerajaan meminta Supplementary Supply Bill oleh sebab ada perbelanjaan yang luar biasa, tetapi

nampaknya di dalam perbelanjaan yang dikehendaki atau diminta oleh Kerajaan ada beberapa item yang boleh dikatakan apabila Budget untuk tahun ini disediakan Kerajaan boleh sedar. Seumpamanya, Tuan Yang di-Pertua, untuk ordinary expenditure, ada satu item \$50 juta....

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kementerian mana itu?

Dr. Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, Kepala P. 32 — Perbendaharaan. Kerajaan ada meminta \$50 juta untuk pinjaman dan pemberian untuk negeri masing-masing. Pada pendapat saya, perbelanjaan ini apabila Budget untuk tahun ini disediakan, Kerajaan tentulah sedar apa yang Kerajaan perlu untuk negeri masing-masing di tanahair kita. Mengapakah Kerajaan atau Perbendaharaan tidak menguntukkan wang ini pada masa dahulu dan juga, mengapakah satu perkara yang besar dan perbelanjaan yang besar tidak dimasukkan ke dalam Budget atau anggaran perbelanjaan untuk tahun ini iaitu perbelanjaan tambahan untuk gaji-gaji baru.

Kerajaan telah menyatakan perbelanjaan tersebut boleh naik sehingga \$600 juta. Ini bermakna, kalau kita kira \$352 juta yang dikehendaki pada petang ini dan \$600 juta yang dikehendaki oleh Kerajaan untuk gaji-gaji Jawatankuasa Kabinet dan lain-lain supplementary yang akan datang ini bermakna jumlah perbelanjaan tambahan Kerajaan pada tahun ini boleh dinaikkan hingga \$1 million. Mengapakah apabila kita bahaskan perbelanjaan untuk tahun ini, saya nyatakan pada tahun ini Kerajaan akan membawa satu mini-Budget ke Dewan ini untuk diluluskan. Apabila gaji tambahan di bawah Jawatankuasa Kabinet dibayar kepada kakitangan Kerajaan, maka tentulah Kerajaan perlu membawa satu perbelanjaan tambahan yang paling besar yang boleh dikatakan Kerajaan akan membawa satu mini-Budget sebelum akhir tahun ini. Apakah maksud Kerajaan berbuat demikian? Pada pendapat saya Kerajaan tidak berani memasukkan per-

belanjaan-perbelanjaan yang dikehendaki seperti yang disebutkan oleh saya ke dalam anggaran perbelanjaan untuk tahun ini, oleh sebab kalau Kerajaan memasukkan perbelanjaan tambahan yang disentuh oleh saya maka perbelanjaan itu akan bertambah lagi. Ini bermakna kekurangan (deficit) di dalam Budget tersebut akan menjadi besar lagi. Kerajaan khuatir atau tidak berani menunjukkan kepada orang ramai satu deficit yang besar, oleh itu Kerajaan bawa perbelanjaan tambahan seperti yang dikehendaki pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak sentuh satu perkara lagi iaitu Kepala P. 40 — Polis Di Raja Malaysia, yang dikehendaki cuma \$10 secara langsung di dalam Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama.

Tuan Yang di-Pertua, pada awal tahun 1976 seorang yang bernama Dr. Syed Hussin Ali dibawa daripada Taiping ke Kuala Lumpur dan ditahan di sini. Beliau mula-mulanya dihentam oleh pihak polis di sini dan beliau disuruh menamakan beberapa orang kominis, tetapi oleh sebab beliau tiada sedar siapa kominis dan siapa bukan komunis beliau tiada boleh jawab pertanyaan itu. Oleh itu beliau telah dihentam dan beliau telah ditahan di Kuala Lumpur selama 6 bulan dan beliau ditahan di Kuala Lumpur secara perseorangan iaitu

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Nanti sebentar. Ini kita membincangkan soal dasar, bukan soal yang detail, di dalam Jawatankuasa bolehlah.

Dr. Tan Chee Khoon: Saya hendak ini passing sedikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu sudah cukuplah.

Dr. Tan Chee Khoon: Saya hendak sentuh sedikit sahaja.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sudah sentuh, kalau sentuh lebih lagi, sudah detail.

Ini kita membincangkan satu hari diuntukkan untuk berbahas mengenai dasar-dasar am sahaja.

Dr. Tan Chee Khoon: Ya. Beliau telah ditahan di Kuala Lumpur di bawah solitary confinement. Saya hendak bertanya kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, mengapakah beliau dihentam dan beliau ditahan di Kuala Lumpur di bawah solitary confinement?

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh lagi mengenai Saudara Kassim Ahmad. Beliau ialah ketua PSRM iaitu Partai Sosialis Rakyat Malaysia. Sejak beliau ditahan pada bulan November tahun 1976 sehingga sekarang beliau telah ditahan di bawah solitary confinement juga dan tidak dibenarkan membaca suratkhbar dan sebagainya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya ingat cukuplah. Itu perkara detail.

Dr. Tan Chee Khoon: Saya hendak bertanya kepada Kerajaan, mengapakah kedua-dua anggota Partai Sosialis Rakyat Malaysia ditahan di Kuala Lumpur dalam keadaan solitary confinement dan Syed Hussin Ali dihentam? Saya sedar, saya buat tuduhan ini yang saya tidak pernah membawa tuduhan ini terhadap pihak Polis tetapi saya diberitahu apa yang saya sentuh adalah benar dan telah terjadi dan saya berharap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri akan siasat tuduhan-tuduhan yang disebutkan oleh saya. Terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya membenarkan Ahli-ahli Yang Berhormat bercakap lagi, saya suka mengingatkan iaitu tidak lebih daripada 1 hari diuntukkan di bawah Peraturan Mesyuarat Dewan ini, iaitu membincangkan soal Perbekalan Tambahan dan juga Anggaran Pembangunan Tambahan diuntukkan 1 hari untuk dasar-dasar am. Jadi kalau ada perkara-perkara yang menyentuh satu-satu perkara khas iaitu detailnya, ia boleh dibuat di dalam Jawatankuasa.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor. Jemput.

4.00 ptg.

Raja Nasron bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong kerana saya percaya apa juga anggaran-anggaran tambahan yang dikehendaki oleh pihak-pihak yang berkenaan adalah perkara-perkara yang perlu untuk kebaikan negara kita dan di samping saya menyokong, saya hendak menyentuh secara umum beberapa perkara.

Yang pertamanya, adalah di bawah Kepala P. 32 — Perbendaharaan, di mana dikehendaki di bawah Pecahan Kepala 2 — Pembayaran kepada Kerajaan Negeri Selangor sebanyak \$50 juta.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini di dalam satu perjumpaan di antara wakil Kerajaan Negeri Selangor termasuk saya sendiri dengan Yang Berhormat Menteri Kewangan, adalah dijanjikan untuk dibayar kepada Kerajaan Negeri Selangor \$75 juta. Dengan sebab itu, saya harap kalaulah \$50 juta yang dikehendaki ini barangkali duit selain daripada janji itu hendaklah apa yang dijanji itu dipenuhi kerana pembinaan Shah Alam, kepala Negeri Selangor yang baru akan tergendala tanpa Kerajaan Negeri Selangor mendapat bayaran sepenuhnya.

Yang kedua, saya suka menyentuh berkenaan dengan Kepala P. 32 juta tetapi di bawah Pecahan-kepala 10 — Bank Bumiputra \$45 juta. Sebagaimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan ini adalah kerana bonos issue yang ada kaitannya dengan Malayan Banking dan juga Bank Bumiputra akan mengeluarkan saham sebanyak \$45 juta. Dan dengan sebab-sebab itulah tambahan itu diperlukan.

Saya suka mengingatkan kepada Kementerian yang berkenaan bahawa hasrat Bank Bumiputra semasa ditubuhkan dahulu adalah untuk menjual sahamnya kepada orang ramai

terutamanya kepada bumiputra. Dan baru-baru ini kalau tidak salah saya empat atau lima bulan dahulu telahpun diedarkan pertanyaan-pertanyaan kepada golongan peniaga-peniaga bumiputra dan bumiputra yang lain jika ada di kalangan mereka yang mempunyai minat untuk membeli saham. Saya harap perkara ini hendaklah dikaji kerana kalaulah ada sambutan baik daripada pertanyaan-pertanyaan itu barangkali tanpa dipohon tambahan boleh dibiayai daripada pembeli-pembeli orang ramai membeli saham Bank Bumiputra.

Saya juga suka menyentuh Kepala P. 40, Pecahan-kepala 4 iaitu Token \$10 — Pagar Keselamatan Sempadan. Saya percaya token \$10 ini perlu kerana keselamatan pagar di sempadan terutama sekali Thailand dan Malaysia adalah perlu dibina untuk mencegah bukan sahaja penyeludup (smugglers) tetapi juga senjatapi haram dibawa ke tanahair kita.

Tuan Yang di-Pertua, pagar besi pun kalau kita bina di sempadan kita, tetapi kalaulah kawalan tidak dibuat di dalam pagar kita iaitu di dalam negeri kita berkenaan dengan senjatapi pun barangkali belanja berjuta-juta ringgit kelak kita gunakan sia-sia. Apa yang saya maksudkan, secara umum, iaitu Kementerian yang berkenaan harus dan mesti mengawasi foundry-foundry haram, faktori-faktori haram terutamanya di dalam sekitar Wilayah Persekutuan, di situlah tempatnya mereka membuat bom tangan dan senjatapi-senjatapi yang selalunya dapat dan jatuh ke tangan pihak-pihak yang berkenaan.

Untuk penghabisannya, Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh satu perkara yang lain iaitu Kepala P. 55 — Kementerian Perhubungan, Pecahan-kepala 1, Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia Berhad yang memerlukan \$40 juta.

Tuan Yang di-Pertua, Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia Berhad ini telah ditubuhkan sejak 1968 dan mengikut lapurannya saya ikuti, mempunyai 28 buah

kapal dan mengikut pengerusinya 28 buah ini lebih lagi banyak akan ditambah pada masa-masa yang akan datang. Apa yang saya harap dapat perhatian pihak yang berkenaan adalah apabila membuat dan membeli ataupun menempah kapal-kapal tambahan ini hendaklah dibuat secara iklan, secara tender dan sebagainya. Belum pernah lagi saya, entahlah barangkali mata saya tidak begitu terang untuk membaca suratkhbar, terbaca di dalam akhbar mengenai tender-tender Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia ini hendak membeli kapal dan mempelawa sesiapa yang berminat untuk menawarkan menyebut harga kapal-kapal dan sebagainya, belum pernah lagi. Jadi saya harap untuk mengelak nanti penyelewengan dan sebagainya dibuatlah secara bertender.

Sekianlah sahaja secara umum, Tuan Yang di-Pertua, teguran-teguran saya dan saya menyokong dengan sukacitanya.

4.05 ptg.

Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan sekarang. Saya suka bercakap dengan ringkas di bidang perkhidmatan Bomba seperti tercatat di dalam Rang Undang-undang ini.

Bagi Negeri Sarawak perkhidmatan Bomba adalah berkembang baik terutamanya di bahagian dan daerah yang tertentu termasuk juga daerah saya di mana satu bangunan perkhidmatan bomba yang begitu cantik sedang di dalam binaan sekarang. Mengikut apa yang saya ketahui seperti Negeri Sarawak, perkhidmatan bomba adalah sangat terhad kepada kawasan-kawasan bandar dan pekan-pekan sahaja di mana kemudahan-kemudahan jalanraya yang baik serta mempunyai bekalan air paip sahaja. Bagi kawasan-kawasan luar bandar baik di kampung mahupun di pekan kecil ataupun rumah panjang mungkin sedikit sahaja tempat yang ada persediaan alat pemadam api. Oleh yang demikian, ingin saya mengesyorkan supaya pihak yang berkenaan

dapat memberi peruntukan kewangan kepada Kementerian Kerajaan Tempatan Negeri Sarawak untuk membolehkan Kementerian ini membeli alat pemadam api bagi kepentingan rakyat di kawasan yang tidak mendapat perkhidmatan bomba seperti di rumah panjang. Pendekata, rumah panjanglah yang selalu musnah dijilat api pada tiap-tiap tahun di negeri Sarawak yang kita selalu dengar, yang merugikan rakyat yang kurang bernasib baik seperti kata pepatah sudah jatuh ditimpa tangga. Saya yakin pihak yang berkenaan dapat memberi perhatian atas perkara ini, dengan memberi alat pemadam api secara percuma kepada rakyat di rumah panjang dan kampung-kampung mengikut keadaan yang berpatutan supaya rakyat di luar bandar ataupun yang terpencil dapat sama-sama mendapat perkhidmatan mencegah kebakaran yang tidak memilih mangsanya itu.

4.08 ptg.

Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Abdul Shukur (Padang Terap): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan bagi tahun 1977 ini. Saya mohon izin hendak menyentuh sedikit bersabit dengan bahan makanan utama kita iaitu beras di bawah Kementerian Perusahaan Awam, Kepala B. 37.

Apabila kita menyebut beras, Tuan Yang di-Pertua, tentulah tidak boleh lepas daripada menyebut padi. Harga padi jaminan Kerajaan dan penghidupan pesawah yang menghasilkan padi dan beras itu sendiri.

Menyentuh harga padi jaminan Kerajaan saya tertarik hati dengan kenyataan Kementerian Perusahaan Awam bersabit dengan harga padi disiarkan di akhbar-akhbar baru-baru ini, di antara lain, Kementerian itu menyatakan bahawa Kerajaan terpaksa memikirkan kepentingan lebih daripada 10 juta rakyat yang tidak menanam padi sedangkan rakyat yang menanam padi hanya kira-kira 1.5 juta sahaja. Jika harga padi dinaikkan daripada paras harga yang ada sekarang

sudah tentu beras akan naik harga dan sudah tentu menjejaskan kehidupan rakyat yang tidak menanam padi.

Demikian di antara lain kenyataan Kementerian Perusahaan Awam baharu-baharu ini. Saya mengalu-alukan dan menyokong penuh kenyataan itu dan saya juga berpendapat bahawa menaikkan harga padi bukan sahaja tidak akan menyelesaikan masalah kehidupan pesawah-pesawah yang miskin, bukan sahaja nikmatnya akan dibolot oleh pihak-pihak yang lain, bukan sahaja pesawah sendiri tidak akan menerima nikmatnya, bahkan mungkin akan mendatangkan beberapa masalah yang lebih besar kepada negara dan rakyat sendiri pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana menaikkan harga padi untuk meninggikan taraf hidup rakyat yang miskin akan menjejaskan kehidupan lebih daripada 10 juta rakyat yang tidak menanam padi terutama rakyat yang berpendapatan rendah seperti nelayan, buruh kasar, buruh estet dan sebagainya. Dengan itu Kerajaan hendaklah mengambil satu langkah yang lain untuk menolong pesawah-pesawah yang berjemuran panas, bersalut lumpur yang telah bekerja lebih daripada 8 jam sehari supaya mereka tidak seperti pelita dengan membakar diri sendiri semata-mata untuk memberikan cahaya kepada orang lain.

Apabila menyebut bantuan Kerajaan kepada pesawah-pesawah, barang yang tidak boleh dinafikan oleh sesiapa sekalipun bahawa Kerajaan telahpun mengadakan berbagai-bagai rancangan, dengan mengadakan rancangan berbanding dua kali setahun dan sebagainya, dan barang yang tidak boleh dinafikan juga bahawa rancangan-rancangan untuk menambahkan sedikit sebanyak pendapatan petani-petani seperti di kawasan MADA di Kedah, di kawasan KADA di Kelantan dan lain-lain rancangan taliair di negeri yang lain, perkara ini telah terbukti dengan bertambahnya pengeluaran beras dalam negeri kita jika dibandingkan dengan

pengeluaran beras sebelum berbanding dua kali setahun dahulu. Walaupun pendapatan buah padi pesawah bertambah dengan adanya rancangan berbanding dua kali setahun tetapi penghidupan miskin yang menyelubungi kehidupan pesawah-pesawah tidaklah berubah kepada satu taraf hidup yang tinggi. Ini ialah kerana kos pengeluarannya sekarang ini sangat mahal bertambah pula dengan belanja hidup di Malaysia sekarang ini telah melambung dengan sangat tingginya. Walaupun pendapatan pesawah-pesawah agak bertambah setelah berbanding dua kali setahun tetapi taraf hidup mereka tidak juga meningkat kepada taraf hidup yang lebih baik. Ini bagi pesawah-pesawah yang berbanding dua kali setahun, betapakah pula penghidupan pesawah-pesawah yang masih lagi berbanding sekali setahun, kehidupan mereka tentulah lebih menderita lagi dan terdesak lagi, sedangkan bilangan mereka juga adalah beratus-ratus ribu keluarga ramainya.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kehidupan pesawah-pesawah dalam negeri ini dalam keadaan yang miskin, walaupun pekerjaan menghasilkan buah padi yang menjadi makanan utama kita semua rakyat di Malaysia lebih berat daripada pekerjaan buruh kasar dan walaupun pendapatan mereka lebih murah daripada pendapatan buruh di estet tetapi suara-suara lantang daripada pesawah-pesawah tidaklah kedengaran seperti mana suara-suara kesatuan sekerja yang sering kali menuntut berbagai-bagai tuntutan dan menggugut dengan berbagai-bagai ugutan, sedangkan jumlah pesawah-pesawah dalam negeri ini tidaklah kurang ramainya kalau dibandingkan dengan ahli-ahli kesatuan sekerja dalam negeri ini. Perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, bukanlah kerana penghidupan pesawah-pesawah lebih baik daripada kehidupan orang-orang yang bekerja di pejabat Kerajaan, bukan, tetapi disebabkan pesawah-pesawah dalam negeri kita tiada mempunyai persatuannya sendiri yang bersifat kebangsaan. Kalau pun ada persatuan pesawah dalam negeri ini hanyalah di peringkat negeri seperti di negeri Kedah iaitu sebuah

persatuan yang tunggal dalam negeri kita. Apa yang dapat dibuat oleh pesawah-pesawah untuk melahirkan penderitaan dan kesusahan hidup mereka hanyalah melahirkannya kepada Wakil-wakil Rakyat dalam pertemuan-pertemuan dan dailog-dailog dengan mereka. Sebab itulah suara-suara lantang pesawah-pesawah tidak kedengaran sepertimana suara-suara lantang yang kita dengar daripada kesatuan-kesatuan sekerja dalam negeri ini.

Oleh kerana perkara padi dan beras ini bersifat masalah nasional kepada negara kita sekarang ini, maka sebab itulah Kerajaan telah memperuntukkan wang yang banyak kepada Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) untuk menjalankan tugas-tugas yang tertentu. Dalam peruntukan tambahan bagi tahun 1977 ini suatu peruntukan sebanyak \$50 juta diperuntukkan kepada LPN untuk mengisi semula stock-pile beras dalam negeri ini kepada suatu had yang ditetapkan akibat daripada krisis beras tahun 1973 dan 1974 yang lalu. Oleh kerana perkara padi beras ini telahpun menjadi suatu masalah nasional maka untuk menyelesaikan masalah penderitaan dan kemiskinan pesawah-pesawah juga hendaklah ditimbang dengan neraca demi kepentingan nasional juga selaras dengan dasar ekonomi baru Kerajaan sekarang. Sebab itu saya mencadangkan kepada Kerajaan supaya memperuntukkan suatu kumpulan wang sekurang-kurangnya \$50 juta setahun untuk menolong pesawah-pesawah yang miskin. Pesawah yang miskin yang saya maksudkan di sini ialah mereka yang membuat bendang yang luasnya tidak ekonomik, umpamanya mengerjakan sawah di bawah daripada 5 ekar; 5 ekar yang saya sarankan di sini adalah berdasarkan kepada banci yang telah dijalankan di kawasan MADA yang mana menurut banci yang dijalankan itu tiap-tiap keluarga di kawasan MADA hitung-ratanya mengerjakan bendang hanya 4.6 ekar sahaja satu keluarga. Bagaimanakah cara bantuan itu hendak diberikan terpujanglah kepada budibicara Kerajaan sendiri samada memberikan subsidi di atas tiap-tiap ekar yang dikerjakan oleh pesawah-pesawah atau-

pun di atas tiap-tiap pikul padi yang dijual oleh pesawah-pesawah yang miskin. Di atas tiap-tiap pikul padi yang dijual oleh pesawah-pesawah yang saya maksudkan bukanlah di atas semua pendapatan padi mereka tetapi di atas padi yang dijual sahaja setelah ditolak penyewa tanah, zakat dan sebagainya ataupun dengan apa-apa cara bantuan yang lain menurut budibicara Kerajaan sendiri. Tuan Yang di-Pertua, dengan cara ini saya rasa bukan sahaja pesawah-pesawah yang miskin akan mendapat sedikit sebanyak kelapangan hidup dengan tidak menjejaskan kehidupan rakyat yang tidak menanam padi terutama sekali kehidupan rakyat yang berpendapatan rendah. Bukan sahaja menjadi daya penggalak kepada pesawah-pesawah dalam negeri ini untuk menghasilkan padi beras dengan lebih banyak lagi untuk mengurangkan pengaliran wang keluar negeri kerana membeli beras seperti yang berlaku sekarang ini bahkan juga akan dapat mengatasi lain-lain masalah sosial yang ada dalam masyarakat pesawah-pesawah pada masa ini. Umpamanya, Akta Sewa menyewa dan ketentuan hak yang telah dikuatkuasakan dalam negeri ini hampir-hampir 20 tahun lamanya pada masa ini pelaksanaannya masih belum lagi berjalan dengan sebaik-baiknya disebabkan beberapa masalah sosial di antara tuan-tuan punya tanah dan juga penyewa-penyewa. Demikian juga lain-lain masalah sosial masyarakat yang sentiasa berlumba-lumba menaikkan sewa tanah dengan tujuan untuk mendapatkan tanah supaya dapat mengerjakan bendang seberapa luas yang dapat yang mana perbuatan berlumba-lumba menaikkan sewa tanah ini sangatlah merbahaya kepada pesawah-pesawah yang miskin kerana mereka tidak mampu menyewa tanah dengan harga yang mahal sedangkan perkara ini menjadi suatu masalah sosial yang menggugat masyarakat pesawah-pesawah padi sendiri. Tetapi kalaulah pemberian subsidi hanya diberikan kepada pesawah-pesawah yang menyediakan bendang seluas yang saya sebutkan tadi, saya rasa masalah berbalahan sosial dalam masyarakat pesawah-pesawah akan dapat diselesaikan. Dengan sebab itu, sekali

lagi saya menyarankan kepada Kerajaan supaya memperuntukkan suatu peruntukan wang sekurang-kurangnya \$50 juta setahun untuk membantu pesawah-pesawah yang miskin.

Akhir sekali, saya lagi sekali menyokong Rang Undang-undang ini.

4.20 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1977) dan saya bercadang berucap dengan ringkasnya. Dengan meminta pembayaran tambahan sebanyak \$94 juta lebih untuk perbelanjaan tambahan bagi tahun 1977, saya ingin membentangkan satu dua perkara yang saya berharap dapat diatasi dengan secepat mungkin.

Yang pertama saya ingin merujuk kepada Kepala B. 65 dengan secara amnya dan di sini saya ingin menyentuh kepada kutipan cukai jalan dan lesen memandu oleh Pendaftar Kereta Motor Selangor di Petaling Jaya. Pada masa ini Pejabat Pendaftar Kereta Motor di Petaling Jaya bertanggungjawab mengutip cukai jalan dan lesen memandu bagi seluruh negeri Selangor termasuk Kuala Lumpur. Ini sudah pasti menimbulkan kesesakan di Pejabat Pendaftar Kereta Motor di Petaling Jaya dan memandangkan kekurangan pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan lain ini telah menyebabkan aduan-aduan bahawa orang ramai terpaksa berbaris dengan lamanya sebelum mereka dapat membuat pembayaran. Untuk mengelakkan kesusahan seperti itu, saya ingin mencadangkan di sini bahawa Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam patut mengambil langkah-langkah yang segera untuk menubuhkan pejabat-pejabat cawangan yang baru untuk mengutip cukai jalan dan lesen memandu.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa Kerajaan pun ada rancangan untuk membuka

pejabat-pejabat lain untuk mengutip cukai jalan dan saya harap bahawa rancangan-rancangan ini dapat dilaksanakan dengan secepat yang mungkin. Dalam menubuhkan cawangan-cawangan yang baru ini pejabat-pejabat boleh dibuka di Kuala Lumpur dan di bahagian-bahagian lain di Wilayah atau pekan-pekan besar di negeri Selangor bagi kutipan cukai jalan dan lesen memandu. Wilayah Persekutuan ialah sebuah negeri yang berasingan dan patutlah mempunyai Pejabat Pendaftar Kereta Motornya sendiri. Jika ini boleh dibuat maka beban kerja dapat direngankan dari Pejabat Pendaftar Kereta Motor di Petaling Jaya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Pejabat Pendaftar Kereta Motor juga, benarkan saya merujuk pengumuman yang dibuat oleh Pejabat Pendaftar Kereta Motor Selangor bahawa ia tidak lagi akan menerima cek-cek dari firma-firma atau individu-individu melainkan mereka mempunyai pengakuan bank atau telah mendapat kelulusan Pegawai-pegawai Pendaftar Kereta Motor. Pengumuman ini tidaklah berapa bijak, kerana ia telah menyusahkan orang ramai khasnya mereka yang datang dari Kuala Lumpur dan tempat-tempat lain di Selangor ke Petaling Jaya untuk membuat pembayaran. Sungguhpun saya bersimpati dengan Pendaftar Kereta Motor kerana beliau ada terima cek-cek yang tidak laku, walau bagaimanapun, saya rasa kebanyakan orang ramai tidak sepatutnya dihukum kerana bilangan yang kecil penipu-penipu ini. Satu jalan untuk mengatasi masalah cek-cek yang tidak laku ini ialah dengan mensenaraikan mereka yang mengeluarkannya supaya tindakan yang sewajarnya dapat diambil terhadap mereka. Tidaklah adil menghukum semua orang kerana disebabkan tindakan sebilangan kecil yang tidak bertanggungjawab.

Akhirnya atas perkara yang sama iaitu pengangkutan jalan. Saya ingin merujuk kepada satu kenyataan yang dibuat di Dewan ini oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan

Awam bahawa Kementeriannya sedang menyediakan peraturan baru untuk memproses permohonan-permohonan meminta lesen teksi yang akan menentukan bahawa hanya pemandu-pemandu teksi dan mereka yang bercadang memandu teksi diberikan lesen-lesen itu. Dalam hubungan ini, saya ingin mengingatkan bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri janganlah memberi jaminan sahaja tetapi hendaklah menentukan peraturan yang baru itu yang beliau telah nyatakan akan benar-benar menguntungkan mereka yang benar-benar memandu teksi. Pada masa yang lalu, Kementerian beliau telah memberi banyak jaminan bahawa tindakan akan diambil untuk menyelesaikan masalah pemandu-pemandu teksi tetapi orang-orang yang berkenaan masih lagi menunggu keputusan itu. Saya telah berapa kali mengingatkan di dalam Dewan ini bahawa lebih daripada 90% pemandu-pemandu teksi di Bandaraya Kuala Lumpur tidak mempunyai lesen teksi sendiri telah menyewa daripada pemilik-pemilik lesen. Keadaan ini mestilah diperbetulkan dengan segera supaya menentukan bahawa pemandu-pemandu teksi yang sebenarnya dan mereka yang ingin memandu teksi diberikan lesen-lesen itu.

4.25 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Anggaran Belanja Mengurus dan Tambahan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan. Di sini saya akan bercakap berkenaan dengan Kepala B. 8, Jabatan Perdana Menteri berkenaan sewaan bangunan.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya hal pembinaan pembangunan amat pesat dijalankan oleh Kerajaan, oleh swasta dan perniagaan hari ini. Saya dapat tahu perniagaan yang amat digemari sekali ialah pembinaan perumahan, kerana itu saya yakin ianya telah mendapat keuntungan yang besar waemah cara penjualan ataupun cara sewaan. Di sini saya berpendapat tidaklah elok bagi Kerajaan ataupun seboleh-bolehnya ikhtiarlah dengan

sedaya-upaya, dengan seberapa cepat yang boleh tentang belanja mengurus, hal penyewaan rumah dan sebagainya supaya dipendekkan ataupun sekurang-kurangnya bagi tahun 1978 supaya tidak ada lagi bangunan Kerajaan Pusat ataupun Negeri yang disewa oleh Kerajaan. Tepatnya pendapat saya patutlah segala bangunan yang digunakan oleh Kerajaan itu dibuat oleh Kerajaan sendiri walaupun perbelanjaannya amat banyak kerana pada pendapat saya ada dua perbelanjaan dan ada dua jangka — satu jangka pendek; yang kedua jangka panjang. Jikalau kita sewa, pada pendapat saya boleh jadi jangka pendek kerana kekurangan wang tetapi kalaulah kita buat jangka panjang walaupun kita terpaksa keluarkan wang yang banyak sekali, ini tentulah menjadi keuntungan kepada Kerajaan sendiri daripada kita selalu membelanja sewa rumah dan sebagainya. Kalaulah setahun sedikit, lama-kelamaan akan meningkat, ini tentulah banyak perbelanjaan. Sebab itulah saya kata ini menjadi keuntungan yang besar kepada swasta yang selalu membuat rumah, baikpun cara penjualan ataupun cara sewaan, ini menjadi keuntungan. Dengan sebab itu saya berseru supaya Kerajaan sendiri pada masa akan datang seboleh-bolehnya menggunakan bangunan yang Kerajaan membuatnya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, beralih saya kepada B. 8 juga berkenaan dengan perancang keluarga. Saya tidak menentang perancang keluarga tetapi saya amat tertarik kepada salah seorang Menteri yang menjadi pemimpin yang saya tidak mahu sebut dalam Dewan yang mulia ini tetapi yang menaikkan semangat tiap-tiap orang yang mendengar hari ini, ini bukanlah perkauman, bila datang pendaftaran pengundi, kita sama-sama menyeru orang mendaftar pengundi kerana kita tahu Kerajaan kita hari ini tergantung kepada demokrasi. Demokrasi kita tahu, parti mana yang menang yang bererti mendapat suara yang lebih maka parti itulah akan memerintah, maka orang yang mengundi itu ialah orang-orang ataupun manusia yang akan datang ataupun manusia yang telah ada se-

karang ini. Jadi ada pemimpin yang mengatakan terutamanya orang Melayu ataupun bumiputra kita amat sedih kerana perancang keluarga ini disalahgunakan oleh setengah orang.

Pada pendapat saya, soal perancang keluarga ini patutlah kita beri fahaman yang terlebih dalam lagi, kerana saya takut zaman yang serba moden hari ini kebanyakan orang yang ada kemampuan sekalipun mereka berasa bangga kalau ditanya berapa saudara mendapat anak. Dia berasa bangga kalau dia kata, aku cuma seorang ataupun dia cakap orang putih — only one, dia berasa puas hati dengan dia mendapat seorang anak. Jadi kalaulah kita sebagai orang Islam ini berlawanan dengan kehendak Nabi, yakni membanyakkan umat di hari kemudian. Saya bukanlah menentang terus tetapi mengikut pendapat saya, saya berharap biarlah Kerajaan memberi fahaman betul-betul orang-orang yang patut merancang, katalah, dia ada kemampuan kadar lima orang barulah dia patut merancang supaya dikurangkan anak. Jangan setakat dua orang dia merancang. Kadang-kadang yang menyedihkan lagi ada di antara doktor-doktor yang mengambil kesempatan dengan perancangan keluarga ini walaupun dia boleh menasihati kepada ibu yang mengandung tadi. Ada saya mendengar salah seorang dari kawan saya yang dia sendiri bertengkar ataupun memarahi doktor yang berkenaan. Bila isterinya memeriksa perutnya yang hamil, apa kata si doktor yang berkenaan. Awak hendak anak-kah? Jawab si lelaki yang ada bersama, "Soal hendak anak, tidak hendak anak jangan tanya, saya hendak tahu isteri saya ini sihat atau tidak." Tetapi secara tidak langsung doktor suka si hamil tadi supaya jangan dapat anak dan kadang-kadang

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, perancang keluarga ini di mana? Sudah puas saya mencari tidak jumpa?

Tuan Shaari bin Jusoh: Pecahan-kepala 4,100.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu detailnya belum sampai lagi.

Tuan Shaari bin Jusoh: Secara am sahaja, Tuan Yang di-Pertua — bukan detail. Itulah harapan saya supaya perkara ini tidak disalahgunakan oleh masyarakat kita hari ini, khususnya saya mengambil peluang dalam Dewan yang mulia ini merayu khususnya kepada Bumiputra, kepada orang-orang yang berpendapatan tinggi yang badannya sihat, yang boleh beranak banyak tolonglah beranak sebanyak-banyak yang boleh, janganlah kita rancang melainkan kita biarkan perancangan ini kepada orang-orang yang tidak berkemampuan, kerana kita takut jenerasi kita yang akan datang terutamanya kita ini megah dengan tidak ada anak. Ini yang menjadi akibat kepada kita balik. Saya bukan membangkang rancangan keluarga tetapi biarlah kita rancang kepada orang yang tidak mampu yang patut merancang dan orang yang mendapat banyak anak itupun kena merancang. Makna rancang ini pada pendapat saya yang patut dibesarkan kita besarkan dan yang patut dicecilkan kita kecilkan, itu maknanya rancang. Jadi, kalau semua hendak kecil, itu bukan rancang. Rancang ini mengatur dan kena pada salurannya. Itu pendapat saya. Jadi, patutlah orang yang berkebolehan, yang sihat badannya kalau dia mendapat sampai 12 orang anak pun patut, itu pada pendapat saya rancang juga namanya.

Tuan Yang di-Pertua, Kepala B. 37, saya juga menyokong seperti pendapat sahabat saya dari Padang Terap tadi. Saya tahu Menteri Perusahaan Awam dan Perdana Menteri sendiri bila ditanya dalam soal jawab di Parlimen berkenaan dengan harga beras selalu dibangkitkan menyatakan tidak patut dan harga yang ada ini pun terlampau tinggi. Peruntukan \$50 juta ini saya ucapkan tahniah dan terima kasih dan saya menyokong sebagaimana kata sahabat saya tadi. Di samping itu izinkan saya berkata terus terang, sebagai seorang rakyat Perlis yang berhampiran dengan Kedah di mana kampung yang saya pergi

samada atas nama politik atau atas nama kampung juga nama perseorangan, mereka berkata kami berasa seronok hari ini pegawai-pegawai Kerajaan akan dinaikkan gaji. Ada setengahnya berkata bulan Ogos ini: aku daripada \$500 akan dapat \$800 sebulan. Ada yang dapat arrears hampir \$7,000. Seronoklah pegawai-pegawai Kerajaan dan petani-petani itupun tompang seronok bersama, tetapi bagaimanakah nasib kami, kata mereka. Kalau dahulu harga padi \$28 sepikul selepas ditolak basah dan sebagainya, yang sedihnya peniaga-peniaga ini amat pandai di masa padinya banyak, padinya basah sedikit banyak yang dipotong, selepas padinya tinggal 10% barulah pihak swasta, pengilang-pengilang sendiri dengan tidak dikehendaki oleh Kerajaan, mereka sendiri menaikkan sampai \$40 sepikul. Inilah pandainya puak-puak peniaga. Dengan sebab itu, mereka baru hendak menjual beras dengan harga yang mahal kononnya kami membeli padi dengan harga yang mahal tetapi yang mereka beli mahal tidak lebih daripada 10% yang baki daripada petani tadi. Harga ini juga saya berharap kepada kementerian yang berkenaan tolong awasi betul-betul tentang pembelian padi dan seboleh-bolehnya memandangkan kepada harga barang semuanya naik, segala kos perbelanjaan baja naik, membajak naik, gaji naik tetapi petani ini tetap taat dan setia, tidak pernah mogok dan tidak pernah riuh-rendah melainkan dengan penuh perasaan ikhlas menanyakan saya dan juga kawan-kawan saya sebagai Wakil Rakyat, bilakah harga padi ini akan dinaikkan. Saya merayu kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri walaupun beliau kata tidak patut dinaikkan dan kepada Menteri yang berkenaan patut diterima semula supaya harga padi dinaikkan daripada takat lama yang agak saya \$35 ataupun \$40 sepikul barulah setaraf dengan segala harga barang yang dinaikkan, segala gaji yang dinaikkan hari ini. Begitu juga bukan kata gaji pegawai-pegawai Kerajaan, gaji-gaji buruh pun kerap kali dinaikkan.

Tuan Yang di-Pertua, beralih saya kepada Anggaran Tambahan Pembangunan, Kepala

P. 26 — Projek Belia Peladang. Saya amatlah menyokong tetapi sebagaimana saya katakan selalu dikatakan oleh semua orang: Belia Peladang, petani, peladang bekerja dengan titik peluh yang sungguh-sungguh. Saya amatlah menyokong segala tambahan ini tetapi saya berharap biarlah Kementerian yang berkenaan jangan hanya menggalakkan belia ini berladang. Kalaulah saya kata belia ini berladang tebu misalnya ataupun kacang tanah ataupun tembakau ataupun apa sahaja diadakan belia dengan peladang tadi dengan kadar menggunakan ladang tetapi mengadakan juga kilang misalnya kilang kacang tanah atau kilang ubi kayu kerana kita tahu perindustrian kilang lebih untung daripada cara berladang. Yang sedihnya samada petani atau peladang bersungguh-sungguh berusaha mendapatkan hasil daripada bertani tetapi bila kena diproseskan perkara tersebut ada badan lain pula menjalankan perkara ini. Saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan di atas tambahan yang ada baik di masa yang akan datang di samping menggalakkan belia berladang, tambahan yang diminta kalau boleh diminta lagi mengadakan kilang-kilang atas apa sahaja yang ditanam oleh peladang.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya berkenaan dengan pagar sempadan di Perlis. Saya suka juga menyentuh sebagaimana kata sahabat saya tadi. Kata orang tua-tua pagar lembu kerbau dengan kayu ataupun dengan tali tetapi pagar manusia dengan kira bicara. Kalau kita pagar dengan kayu sahaja manusia ini kadang-kadang dia cari ikhtiar melompat. Oleh itu, sekali lagi saya merayu biarlah kawasan pagar sempadan itu diadakan luas sedikit dan dibanyakkkan sedikit untuk tempat jagaan di kawasan sempadan yang ada pagar dan kalau boleh tambahkan lagi pegawai polis untuk menjaga, kalau tidak saya bimbangkan pagar itu tidak menjadi keuntungan kepada kita tetapi dengan adanya pagar, pengawasan yang cukup, kawasannya terjamin boleh diawasi sebelum datang ke pagar, insyallah pintu masuk ke Malaysia yang menjadi perenggan negeri Perlis akan menjadi satu ke-

selamatan kepada kita bersama dengan adanya pagar yang akan dibuatkan oleh Kerajaan tadi.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Pejabat Tanah

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Berapa kali yang akhir ini?

Tuan Shaari bin Jusoh: Dua kali akhir.

Berkenaan dengan Pejabat Tanah. Soal Pejabat Tanah amatlah baik kerana kita ini tidak boleh hidup kalau tidak kata orang: tanah, air, api, ingin. Ini selalu diperkatakan sebab tanah adalah satu perkara yang penting. Tetapi saya dukacita sedikit yang saya tahu dan saya percaya Tuan Yang di-Pertua pun bersetuju dengan saya. Malaysia rasa saya tidak berubah luas batunya daripada dahulu sehingga hari ini. Begitulah saya katakan misalnya di Perlis. Perlis sahaja daripada awal semasa saya kecil dahulu sampailah kepada saya sekarang luasnya 316 batu persegi. Saya percaya sampai cucu saya yang akan datang pun harus 316 batu persegi juga. Ada setengah tempat menjadi laut sedikit, ada setengah tempat yang lautnya menjadi daratan, rupanya 2 x 5; 5 x 2 agak saya 316 batu persegi juga luas negeri Perlis. Begitulah juga Malaysia. Tetapi yang saya hairan pegawai kita tambah. Ini secara tidak langsung saya bercakap di Dewan ini, pegawai kita tambah tetapi masalah tanah sebagaimana kata Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap tadi tidak habis-habis. Kadang-kadang sehingga hendak bergolok.

Saya hendak kata tidak ada pegawai tetapi kadang-kadang saya tengok meja-meja di setengah-setengah pejabat — minta maaf, ini saya tidak menyentuh di sana sini, setengah pegawai itu bagus, dia bawa balik file dan dibuat di rumah sampai pukul 6.00 petang dia masih membuat kerja lagi hingga malam. Tetapi kadang-kadang kita tengoh hendak dikatakan tidak cukup pegawai meja yang ada itupun kadang-kadang tidak ada orang, ke

mana pergi tidak tahu. Kalau saya cakap pun tidak baik, sama-sama kita hampir masuk bulan Rejab — bulan Israaq dan Mekraj mengata tidak boleh, tetapi kalau perkara yang betul, kalau kita tidak kata pun tidak boleh juga. Kepada Pejabat Tanah dan begitu juga Jabatan-jabatan yang lain khasnya Kementerian Tanah yang saya bercakap ini saya berharap kalau boleh janganlah kes-kes tanah yang 20 tahun itu sampai tidak selesai. Saya bukan kata di Perlis sahaja, saya percaya tiap-tiap negeri walaupun betul rancangan tanah itu dibuat bermacam-macam projek tetapi dengan saya katakan tanah tidak bertambah tadi dengan pegawai kita yang banyak apatah lagi pegawai itu berkebolehan, tidak seperti dahulu saya percaya dengan azam yang sungguh saya berharap segala rancangan tanah yang terbengkalai baik cara pesaka dan sebagainya begitu juga permohonan dapat diatasi dengan serta-merta dengan seberapa segera yang boleh.

4.40 ptg.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul yang dikemukakan oleh Timbalan Menteri Kewangan mengenai Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1977 dan juga Perbelanjaan Pembangunan Tambahan. Saya hendak menarik perhatian kepada satu dua perkara. Pertama sekali, kepada P. 26, Pecahan-kepala 14, ada disebut di situ satu peruntukan sebanyak \$10 untuk Koperasi Belia Nasional Berhad (KOBENA).

Tuan Yang di-Pertua, perkataan KOBENA pada hari ini saya dapati telah menjadi lumrah disebut-sebut oleh belia-belie kita, tetapi kalau kita tengok daripada peruntukannya nampaknya baru ditetapkan \$10 sahaja. Gambaran yang telah didapati oleh belia-belie kita terutama sekali belia di luar bandar seolah-olah KOBENA ini telah cukup, sudah lengkap dengan segala peralatan dan kewangannya, cuma untuk hendak melancarkan sahaja. Jadi di sini inginlah saya, Tuan Yang di-Pertua, meminta kepada Kementerian berkenaan supaya masalah KOBENA ini kalau

telah siap dengan cadangan ataupun rangka kerja (blueprint) yang hendak diminta kepada belia mengambil bahagian eloklah dijalankan dengan secepat mungkin supaya jangan sampai satu ketika belia-belie kita telah naik bosan mendengar cerita dalam suratkhbar hari-hari KOBENA sana, KOBENA sini, tetapi entah apa rancangan tak dapat dibuat sebab yang kita mengetahui peruntukan setakat \$10 sahaja yang telah diluluskan sebagai permulaan. Jadi saya minta untuk mengelakkan salah sangka atas perkara ini Kementerian berkenaan mengambil tindakan segera dan kalau dapat apa-apa rancangan untuk KOBENA ini hendaklah dilatih satu projek yang berasingan yang tertentu supaya projek KOBENA itu kelak berjaya di kalangan belia-belie kita.

Kedua, P. 32 iaitu Pembayaran kepada Kerajaan Negeri Selangor sebanyak \$50 juta. Saya bangun di sini menyokong sepenuh supaya pembayaran ini disegerakan kerana sebagai warganegara yang cintakan Raja dan taat setia kepada Raja, kita tak mahulah apa yang selalu dititahkan oleh Sultan Selangor iaitu Baginda tidak mahu menduduki istana tanpa rakyat di kelilingnya. Jadi, kita berharap dengan pemberian ataupun pembayaran pendahuluan sebanyak \$50 juta ini dapatlah Kerajaan Negeri Selangor mempercepat pembangunan di kawasan Shah Alam dan dengan itu kita dapat menjaga perasaan hati Baginda Sultan Selangor yang sangat menitikberatkan masalah negara dan sekarang ini telahpun berpindah di kawasan tersebut. Apabila kita lalu di Shah Alam, betul-betul istana itu sahaja terpacak di atas bukit itu, kelilingnya tak ada apa-apa benda. Ini juga, Tuan Yang di-Pertua, ada kaitan dengan imej negara kita dari segi pandangan di kalangan orang yang datang daripada luar negeri melawat negara kita.

Sebelum saya bercakap dalam masaalah P. 32, — ingin saya bertanya kepada Tuan Yang di-Pertua, adakah hendak disebut Tuan Yang di-Pertua atau Tuan Speaker, mana satu yang sebenarnya?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya telah beritahu, belum ada apa-apa arahan untuk ditukar kepada Speaker.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Terima kasih. Masaalah pembelian harta modal iaitu membeli "Rumah Sabah" \$6.5 juta. Di sini juga saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Pusat yang telah dapat berjaya menyelesaikan Rumah Sabah dan Kerajaan Pusat sendiri membelinya. Oleh sebab Kerajaan Pusat membeli Rumah Sabah itu dan terletak dalam Wilayah Persekutuan, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan di dalam Dewan yang mulia ini oleh sebab tiap-tiap negeri yang ada di dalam negara ini mempunyai rumah masing-masing seperti yang dinamakan Rumah Johor, Rumah Kedah, Rumah Negeri Sembilan dan oleh kerana Wilayah Persekutuan adalah sebuah negeri yang baru, saya mencadangkan supaya Rumah Sabah itu kelak apabila dibeli oleh Kerajaan Persekutuan ditukar menjadi Rumah Wilayah. Ini sebagai pandangan dan cadangan saya, Tuan Yang di-Pertua.

Perkara yang akhir sekali iaitu B. 33 — Pecahan-kepala 3400 (4) Pinjaman kepada Syarikat Perumahan Pegawai-pegawai Kerajaan Sdn. Bhd. Dalam perkara ini, inginlah saya menarik perhatian Kementerian berkenaan iaitu masaalah yang dihadapi oleh pegawai-pegawai Kerajaan yang berpendapatan rendah dan berkelayakan meminjam selalu malang, apabila pinjaman diberi tidak seimbang dengan harga rumah yang dibuat. Jadi apa salahnya oleh sebab Kementerian Perumahan sekarang ini menggalakkan bentuk rumah murah, tidakkah boleh Kementerian Kewangan dan Kementerian Perumahan bekerjasama untuk menyelaraskan perkara ini supaya wang pinjaman yang diberi kepada tiap-tiap pegawai Kerajaan yang berpendapatan rendah itu cukup untuk membeli rumah yang disediakan oleh pihak Kerajaan supaya tidak menambah lagi pinjaman-pinjaman. Perkara ini telah banyak berlaku yang mana apabila pegawai Kerajaan mendapat surat berjaya mendapat sebuah

rumah mengikut cabutan undi tiba-tiba apabila hendak membayar duitnya tak cukup. Jadi saya berharap sangat janganlah kita menghampakan pegawai Kerajaan yang berpendapatan rendah dan janganlah kita mengutamakan sangat kedudukan pegawai Kerajaan yang berpendapatan tinggi.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, dan saya menyokong Rang Undang-undang ini.

4.47 ptg.

Tuan Abu Bakar bin Arshad (Hilir Perak): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong peruntukan yang diminta oleh Kementerian Kewangan.

Saya suka menyatakan sesuatu terutama sekali berhubung dengan Kementerian Perusahaan Awam yang mana di dalam Kertas Perintah 18 itu menyatakan kekurangan beras berlaku dan terpaksa pihak Kementerian itu menampung kekurangan itu. Saya difahamkan kekurangan itu boleh jadi disebabkan oleh kerana padi tidak jadi ataupun oleh kerana kecuaihan dan kesilapan yang berlaku di dalam bahagian perkhidmatan LPN. Saya berkata demikian kerana ada kawasan yang luas sawah padinya dan diusahakan dua kali setahun, keluasan tanahnya semakin lama semakin bertambah tetapi untuk menyimpan dan mengeringkan padi tidak bertambah. Akibatnya padi yang dibeli bertimbun-timbun di luar gudang dan sampai masanya padi bercambah dan terbuang begitu sahaja. Jadi untuk menyelamatkan itu saya rasa ada dua jalan. Yang pertama, Kementerian berkenaan mestilah berikhtiar supaya menyediakan gudang-gudang yang sesuai atau kompleks mengering padi yang sesuai di mana-mana tempat yang difikirkan perlu yang mana pengeluarannya dari setahun ke setahun bertambah.

Yang kedua, untuk memberikan imbuhan ataupun ganjaran kepada mereka yang mengusahakan bendang ataupun sawah,

mungkin pihak Kerajaan tidak bersetuju untuk menaikkan harga beras ataupun harga padi kerana akibatnya lebih besar kepada orang ramai. Ada baiknya pihak Kerajaan memberikan bantuan tahunan kepada mereka yang mengusahakan sawah padi kerana berbuat demikian seolah-olah petani yang mengusahakan penanaman padi juga dapat bonos daripada Kerajaan.

Ini satu jalan yang baik kerana mungkin petani itu kebanyakannya atau ramai bilangannya bukanlah mengusahakan tanah mereka sendiri.

Saya rasa tentulah pihak Kementerian berkenaan dapat menimbangkan supaya keselamatan ataupun hasil usaha mereka dapat setimpal dengan yang telah diadakan oleh pihak Kerajaan. Petani-petani biasanya banyak menggunakan alat-alat ataupun bahan-bahan impot yang digunakan kepada ladang-ladang mereka yang mana ada di antara bahan-bahan gunaannya seperti baja dan racun serangga boleh mendapat penipuan. Misalnya pada kampil baja ini sebelah luarnya ditulis dengan beberapa ayat-ayat tertentu dan slip di bawahnya itu ditulis harga baja di kilang tetapi nilainya tiada. Jadi pihak penjual boleh menulis berapa ia hendak jual ia boleh jual.

Selain daripada itu, kampil baja itu juga tidak dimeterikan terus-menerus, yakni di sebelah bucu itu ada satu pintu kecil, kalau orang hendak keluar baja itu boleh untuk dimasukkan ke kampil lain. Ertinya, tiap-tiap 100 kampil yang besar tadi yang berat 50 kilo boleh dimasukkan dapat satu kampil free pula daripada kampil yang tidak dimeterikan daripada baja-baja yang berkenaan. Demikian juga penipuan berlaku kepada racun yakni tong-tong racun itu biasanya dibuat daripada plastik. Jadi boleh mereka campurkan, ada setengahnya mengatakan dicampur dengan air kopi, setengah mengatakan ada dicampur dengan kicap kerana warna sama hitam. Bila digunakan kepada tanaman mereka, tanaman mereka masih juga diserang oleh serangga.

Jadi dimanakah pengawalan yang telah dibuat oleh pihak Kerajaan supaya barang-barang impot ini betul-betul bermutu dan boleh digunakan oleh petani-petani dengan sebaik-baiknya.

Tuan Yang di-Pertua, kedua berhubung dengan Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan Awam memberikan kemudahan-kemudahan kepada penduduk-penduduk di luar bandar. Musim ini adalah musim kemarau yang paling teruk sekali kepada beberapa tempat. Oleh kerana kesusahan air itu ada pihak Jabatan Kerjaraya bermurah hati pada tempat-tempat yang tertentu diberikan bekalan melalui dengan lorinya kepada kampung-kampung, maka penduduk-penduduk di kampung pun bermailah meletakkan tong, timba-timba, bekas air sepanjang tepi jalan. Jadi dengan berbuat demikian saya mengucapkan terima kasih.

Tetapi ada kampung yang berhampiran dengan laut iaitu berhampiran dengan Bagan Datoh tidak langsung dapat dibekalkan yang mana mereka mendakwa sebelum kita mencapai kemerdekaan dahulu kawasan ini dapat dibekalkan dengan kapal, ertinya pada musim-musim panas yang tidak berair pada masa itu yang boleh minum ada tongkang-tongkang daripada Jabatan Laut menghantar air ke kawasan mereka. Tetapi apa telah jadi bila negara sudah merdeka perkara ini telah dilupakan seolah-olah mereka menganggap Kerajaan yang ada hari ini hendak membunuh mereka cara yang lemah-lembut. Jadi dengan yang demikian, saya fikir sudah sampai masanya pihak Kementerian berkenaan mengkaji dan melaksanakan seberapa segera yang boleh supaya mereka yang terlibat, terutama sekali di tepi-tepi pantai, di tepi-tepi laut yang tiada bekalan air minum dapat diberikan pertimbangan keutamaan membolehkan mereka itu mendapat sedikit kesenangan pada masa mereka menyambung hidup.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan bekalan letrik, saya suka menyatakan oleh kerana ada kawasan-kawasan yang mem-

punyai sempadan. Sebelah itu dikendalikan oleh Lembaga Letrik Negara dan sebaliknya dibekalkan oleh sebuah syarikat yang dinamakan Kinta Electric. Jadi biasanya kalau kawasan dekat dengan sempadan sepatutnya Kinta Electric ini bolehlah memberi kawasan dekat Lembaga yang dikendalikan oleh Lembaga Letrik. Demikian juga Lembaga Letrik boleh membekalkan kawasan Kinta Electric. Tetapi agak berlainan sedikit walaupun di bawah satu Kementerian, mereka hanya membekalkan kepada kawasan yang dikendalikannya. Jadi yang sebelah lagi ini hanya dapat melihat sahaja. Jadi saya rasa kalau ada cara-cara yang boleh diselesaikan supaya kawasan yang bersempadan itu dapat diselaraskan supaya kedua-dua kampung yang dekat-dekat yang tidak sampai 5 rantai jaraknya patut diberikan bekalan keseluruhannya kepada tempat-tempat yang demikian.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri yakni berkenaan dengan hendak menyelamatkan orang-orang Asli di negara kita ini saya sukalah menyatakan supaya mereka ini dapat ditempatkan pada satu tempat dan tentukan bahawa mereka ini akan mendapat hasil pertanian daripada tanah yang telah diberikan oleh Kerajaan kepada mereka. Tidaklah seperti masa-masa yang lalu mereka ini di-biarkan begitu sahaja, ikut suka hati mereka sahaja, tetapi langsung tidak diberi perhatian yang sewajarnya. Saya rasa jalan yang lebih baik di mana-mana juga ada agensi Kerajaan untuk memajukan tanah rakyat di satu tempat untuk membangunkan kawasan itu, maka saya rasa pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri tentulah bersetuju kawasan-kawasan yang dipunyai oleh orang Asli ini juga patut dibangunkan bersama. Perbelanjaan pembangunannya hendaklah ditanggung oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ini yang mana saya rasa dalam 3 — 4 tahun sahaja hasil daripada pertanian, pembangunan yang diusahakan oleh badan-badan berkanun Kerajaan akan mendatangkan hasil dan mereka ini saya yakin dan percaya tentulah tidak akan meninggalkan kawasan itu.

Oleh yang demikian, saya rasa tentulah mereka itu boleh mengubah corak hidup mereka sama seperti orang-orang yang telah berjaya di dalam bidang pertanian. Sekianlah sahaja, terima kasih.

4.59 ptg.

Tuan Haji Lukman bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, di dalam perbincangan mengenai usul yang dibawa oleh Timbalan Menteri Kewangan ini, saya suka menyentuh beberapa perkara dalam peruntukan-peruntukan yang diminta oleh Kementerian-kementerian yang berkenaan yang mana ada tercatat di dalam Rang Undang-undang ini.

Yang pertama, Tuan Yang di-Pertua, ialah mengenai Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Saya rasa amat kurang puas hati dengan perkhidmatan yang diberi oleh Kementerian ini kepada pemasaran ataupun pengeksploitasi batik-batik yang diusahakan di dalam negeri ini. Walaupun saya faham bahawa tujuan Kementerian ini yang meminta peruntukan untuk memajukan pengimpor ke luar negeri dalam beberapa perkara tetapi saya suka menarik perhatian Kementerian berkenaan mengenai perusahaan batik yang ada di dalam negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya pertolongan ataupun bantuan usaha-usaha yang bersungguh-sungguh yang diberi oleh Kementerian ini terhadap perusahaan batik yang ada dalam negeri ini yang jumlah lebihkurang, angka yang sebenar saya tidak tahu, tetapi kalau di Kelantan dalam 300 lebih, di Trengganu dalam 150 lebihkurang, yang hampir kesemua perusahaan-perusahaan yang sekarang ini duduk dalam kecemasan dan kelumpuhan oleh beberapa sebab yang tertentu.

Yang pertama oleh kerana kenaikan bahan-bahan mentah seperti kain putih dan ubat-ubat kimia. Walaupun setahu saya pihak pengusaha-pengusaha ini cuba hendak berlawan atau berusaha perusahaan mereka supaya boleh dieksploitasi keluar negeri, sebagai-

mana yang dieksport oleh negeri-negeri seperti Singapura dan sebagainya dan telah merayu kepada pihak-pihak yang berkenaan termasuk Kementerian Kewangan sendiri bagi mengurangkan cukai-cukai kemasukan barang-barang kimia bagi keperluan pengusahaan batik ini. Tetapi sehingga sekarang ini apa yang saya dapat tahu adalah pandangan sepi diberi oleh pihak yang berkenaan dan kenaikan bahan-bahan, kain putih umpamanya walaupun mereka itu merayu beberapa kali di dalam akhbar, di dalam perjumpaan kepada pihak-pihak yang berkenaan supaya dapat membantu mereka. Tetapi bahan ini terus juga naik sehingga sekarang ini, lebih dahsyat lagi, Tuan Yang di-Pertua, masalah pinjaman jangka atau kredit yang diberi kepada mereka itu.

Kalau dahulu pengusaha-pengusaha ini dapat pinjaman kredit sampai tiga bulan tetapi sekarang ini ditekan, dihipit sehingga sampai sebulan yang diberi oleh FAMA. Jadi bagaimana Kementerian ini dapat memberi bantuan kepada pengusaha-pengusaha ini kalau bahan-bahan yang mereka itu hendak usahakan dari sehari ke sehari melambung naik, samada kain putihnya, lilinnya, ubat-ubat pencelup dan sebagainya dan cukai-cukai pun belum nampak lagi hendak diturunkan supaya diturunkan sekurang-kurangnya khusus kepada pembatik-pembatik. Sebab itulah kalau kita dengar dari semasa ke semasa bahawa buruh-buruh atau pekerja-pekerja mahir bagi pembatik ini lari bekerja di Singapura dan sekarang ini saya dapati pekerja-pekerja yang dibayar upah mahal oleh pengusaha-pengusaha di Singapura dahulu sekarang telah balik ke Malaysia, sebab dahulu pergi kerja di Singapura kerana diberi tawaran upah yang mahal, tetapi apabila ilmu atau kebolehan ini sudah didapati oleh mereka itu, mereka cari helah dan menurunkan bayaran ataupun sebagainya yang menyebabkan pekerja-pekerja ini tidak tahan lagi duduk di Singapura dan balik ke sini tetapi pengusaha-pengusaha yang ada di Kelantan dan Trengganu telah menutup perusahaan mereka. Jadi secara tidak langsung, saya rasa

ini adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan dan ini satu pengorbanan atau korban yang paling hebat yang tidak dapat ditunjuk oleh Kerajaan kita bagi membantu pengusaha-pengusaha mereka itu. Bagaimana pula dengan tujuan Kementerian ini yang kita nampak di sini ialah untuk mengeksportkan bahan-bahan yang ada di dalam negeri kita. Kalau pengeluar-pengeluar ini sendiri tidak dapat mengeluarkan dengan baik dan sempurna sebagaimana yang kita dapat tahu bahawa pasaran batik ini memang baik di luar negeri. Kelemahan yang pertama ialah kerana harga yang dapati ditawarkan oleh pengusaha di dalam negeri kita di Malaysia ini lebih mahal daripada harga yang ditawarkan oleh negeri jiran kita di Singapura.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)

Yang kedua, pengusaha-pengusaha yang ada di dalam negeri kita ini bukan bertambah tetapi berkurangan. Jadi kalau beginilah keadaannya bagaimana? Sehingga bila baru perusahaan ini dapat diberi pertolongan untuk dimajukan dan saya mengesal pada hari ini kepada Kementerian yang berkenaan bukan sahaja Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, tetapi Kementerian-Kementerian yang berkenaan, tolonglah, saya rayu dengan seberapa segera dapat memberi bantuan dan pertolongan segera kepada pengusaha-pengusaha ini supaya yang ada itu tidak akan mati. Kita ketepikan yang akan tumbuh, yang baru dibina, tetapi untuk membina apa yang telah ada sekarang ini supaya jangan cepat mati, kalau hendak mati pun biar tahan setahun dua tahun. Yang kita mahu yang ada di jangan dibiarkan mati, tetapi kalau dengan tindakan yang ada yang dilaksanakan oleh pihak yang berkenaan, Kementerian-kementerian yang ada sekarang ini dengan apa yang berlaku sekarang ini bukan hendak menolong mereka itu, tetapi mempercepatkan mereka itu sehingga mati. Yang menjadi mangsanya adalah hampir keseluruhannya bumiputra, yang bukan bumi-

putra mungkin ada 1, 2, 3 sahaja. Rayuan ini saya tujukan kepada Kementerian ini.

Saya amat tidak puas hati dengan apa yang dapat diberi oleh Kementerian ini pada masa-masa yang akhir mengenai perusahaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menyebut mengenai Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, oleh kerana memang kita dapati bahawa belia-belia di dalam negara kita ini memang banyak yang tidak dapat bekerja, kalau hendak kata menganggur atau duduk sahaja ataupun makan ditanggung oleh ibu-bapa, bolehlah kita gelarkan menganggur, tetapi soalnya tidak bekerja dan tidak dapat berkahwin kerana tidak ada duit.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan Kementerian ini dan saya merayulah kepada pihak yang berkenaan bukan sahaja peruntukan yang diminta ini sedikit impoortant dengan tujuan KOBENA, tetapi pada faham saya KOBENA ini hendaklah diperluaskan lagi usaha-usahnya bukan sahaja dari segi perniagaan, perusahaaa, tetapi dari segi peladang ataupun sebagainya. Saya fikir ini termasuk semua sekali dalam tanggungjawab Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Satu perkara yang amat menarik perhatian saya ialah satu peristiwa yang baru-baru ini berlaku iaitu perbahasan di antara murid-murid sekolah menengah yang berasrama penuh yang berkesudahan dengan dimenangi oleh Kolej Tengku Kursiah, Seremban. Saya ucapkan tahniah kepada sekolah yang menang tetapi tajuk perbahasan itu amat menarik perhatian saya oleh kerana tajuk yang diberi itu saya rasa amat kena pada masanya sekarang. Walaupun hakikat yang sebenar belia-belia ini menganggur samada kerana beliawanis atau wanita ini dapat menduduki tempat pekerjaan yang sepatutnya diduduki oleh lelaki ataupun tidak, itu saya tidak persoalan. Saya berbangga kepada wanita lebih pandai dan lebih banyak menduduki tempat-tempat yang patut diduduki oleh kaum lelaki.

Tetapi satu perkara yang saya hendak minta kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ini, pada faham saya apabila satu kerusi yang patut diduduki oleh lelaki yang boleh menanggung wanita-wanita diduduki oleh wanita, maka kerusi yang patut diduduki oleh lelaki itu terpaksa lelaki itu tidak dapat duduk dan menganggur, jadi....

Tuan Yang di-Pertua: Kerusi di mana Yang Berhormat?

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Misalnya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Masaalah yang dibincangkan ini ialah untuk KOBENA. Ini masuk campur perkara lain tidak bolehlah.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kalau dapat keizinan sebab dalam projek KOBENA dan projek peladang ini maksud saya ini supaya Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dapat membanyakkan peruntukan ataupun kerja-kerja bagi membantu belia-belia kita yang tidak dapat pekerjaan, yang menganggur, yang ketagihan atau kelaparan bagi mencari nafkah dan tanggungjawab. Jadi kalau panjang sedikit itu sebagai misalan, saya harap mendapat keizinan daripada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Asal tidak keluar daripada kehendak permintaan wang tanda \$10 itu bolehlah.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Saya rasa tidak keluar, kalau keluar, tolonglah tegur.

Tuan Yang di-Pertua: Yang saya tegur itu, rasa saya terkeluar.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya menyerulah kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ini supaya memperluaskan kerja-kerja projeknya terutama sekali bagi membuka lebih banyak lagi projek-projek

belia peladang sebagaimana yang telah dilaksanakan oleh Kementerian ini sekarang. Saya nampak, dengan keadaan yang ada sekarang ini, apa yang dibuat ataupun apa yang dilaksanakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ini mengenai projek belia Koperasi Peladang ini boleh memberi kejayaan dan mendapat sambutan yang baik daripada pihak belia-belia di kampung-kampung oleh kerana mereka itu gagal menduduki kerusi-kerusi yang saya maksudkan iaitu tempat makan gaji mungkin kerana kelemahan dalam pelajaran atau sebagainya tetapi kalau Kerajaan khususnya Kementerian Belia ini tidak dapat menimbangkan projek-projek ini lebih banyak lagi, mungkin masaalah ini akan lebih hebat dari semasa ke semasa.

Apa yang saya maksudkan di sini, ialah desakan-desakan yang selalu saya terima daripada pihak belia-belia sendiri yang ingin menyertai belia peladang ataupun Koperasi peladang belia ini tetapi yang menjadi masaalahnya ialah projek itu sendiri sangat berkurangan walaupun tanah itu banyak. Umpamanya, kalau di Trengganu dalam kawasan saya sendiri tanah-tanah yang agak bersesuaian dan layak memang banyak dan memang didesak oleh pihak belia-belia, tetapi saya nampak perjalanan Kementerian ini dari sudut ini ada sedikit perlahan (slow) perjalanannya. Jadi saya menggesa pada hari ini supaya Kementerian ini memberi perhatian yang hebat bukan sahaja di lapangan kesukanan, kebudayaan tetapi projek-projek ini yang menguntungkan yang boleh membantu belia-belia kita mendapat pekerjaan supaya belia-belia kita ini tidak menjadi lebih liar ataupun lebih susah untuk dibentuk ataupun dididik.

Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja lagi yang saya suka sentuh iaitu mengenai Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam. Yang pertama, saya berasa syukur dan beri tahniah kepada Kementerian yang berkenaan yang telah memberi pandangan berat memberi pinjaman kepada Kerajaan Negeri Trengganu untuk

membina satu kompleks pejabat-pejabat di Trengganu yang mana pada 29 haribulan baru-baru ini telah dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Trengganu yang diberi nama Wisma Darul-Aman. Saya nampak ini adalah satu usaha yang amat baik dan memuaskan, jadi saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada semua pihak yang berkenaan yang telah bertanggungjawab untuk memberi pinjaman dan menyiapkan serta menyelenggarakan bangunan itu sehingga siap.

Satu perkara lagi yang saya hendak sentuh dalam Kementerian ini ialah mengenai projek-projek yang dilaksanakan oleh Kementerian ini dalam projek-projek perbekalan air umpamanya

Tuan Yang di-Pertua: Itu sudah keluar daripada usul ini. Ini hendak minta Dewan luluskan tambahan \$3.5 juta untuk bangunan baru. Setakat itu sahaja.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Apa yang saya hendak sebutkan di sini ialah maksudnya dalam perumahan Kerajaan yang saya nampak di sini ada diminta peruntukan. Jadi kalau tidak dapat keizinan, tidak apalah.

Cuma saya hendak sentuh sedikit lagi di bawah Kementerian ini juga, ini pun kalau dapat keizinan; yang diminta di sini mengenai pinjaman kepada Lembaga Letrik Negara. Apa yang saya suka sentuhkan di sini

Tuan Yang di-Pertua: Di bawah Kementerian mana itu, Yang Berhormat?

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Kementerian Kerjaraya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kerjaraya?

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Pinjaman kepada Lembaga Letrik Negara?

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak nampak di sini, muka berapa?

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Muka 6 Kepala P. 64 — Kementerian Kerjaraya, kemudian di bawah itu Perumahan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Muka 6?

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Berkenaan dengan?

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Pecahan-kepala 217.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, baru jumpa.

Tuan Lukman bin Abdud Kadir: Boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Boleh, boleh.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sekarang saya hendak sentuh mengenai pinjaman kepada Lembaga Letrik Negara. Saya berterima kasih dan saya menyokong penuh mengenai peruntukan yang diminta yang hendak diberi kepada Lembaga Letrik Negara tetapi saya nampak pihak Lembaga Letrik Negara yang ada di dalam negeri kita ini dalam pelaksanaannya amat lembab dalam kerja-kerja. Saya tidak hendak menuduh Lembaga Letrik Negara ini lembab, tetapi memang kenyataannya banyak projek-projek yang diperuntukkan, yang diluluskan kepada Lembaga Letrik Negara ini yang tahun 1965 pun masih belum siap kerjanya, masih ada yang belum siap kerjanya. Apabila perkara ini ditimbulkan, dipersoalkan maka jawabannya tidak lain dan tidak bukan kerana tidak cukup kakitangan dan tidak cukup pegawai. Inilah jawapan yang kita tidak dapat hendak buat apa-apa benda.

Jadi saya ingin mendapat penjelasan daripada Kementerian yang berkenaan sampai bilakah jawapan ini akan dapat diberi oleh

Kementerian yang berkenaan. Sekiranya projek tahun 1974, 1975, 1974 masih ada lagi, 1975 banyak lagi, yang 1976 barangkali tidak sampai separuh, kalau dalam Negeri Trengganu separuh lebih kurang sehingga sampai 1977. Tahun 1977 ini barangkali banyak yang masih tidak bermula. Maka jawabannya tidak lain dan tidak bukan ialah tidak cukup kakitangan dan tidak cukup pegawai. Kalau di Trengganu kadang-kadang saya kesihan apabila pergi ke pejabat yang berkenaan, memang saya dapati benar-benar tidak cukup pegawai, tetapi yang mendukacitakan saya kalau ada seorang dua pegawai-pegawai yang dianggap cekap sedikit yang ada di negeri-negeri, ini lebih kurang sama sahajalah samada LLN atau JKR ataupun sebagainya, ini saya campurlah sedikit, boleh kerja sedikit maka tidak lamalah pegawai itu duduk di negeri itu khususnya seperti di Negeri Trengganu maka akan bertukarlah dia dengan alasan bermacam-macam ke Kuala Lumpur ataupun ke negeri lain. Saya pun tidak faham. Kalau peruntukan kita minta, kita tambah, itu baik, tetapi kalau kerja-kerja itu, kalau pihak yang berkenaan perhati kerja-kerja untuk Kuala Lumpur sahaja, saya rasa ianya tidak adil. Ini bukan tuduhan tetapi kalau cara ini yang diberi perhatian oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab di Kuala Lumpur untuk perhati apa yang ada di hadapan matanya sahaja, saya rasa tidak adil. Ini memang terasa benar di negeri-negeri, Tuan Yang di-Pertua. Kalau adalah seorang dua yang cekap sedikit, tidak lama dia akan tukar ke Kuala Lumpur.

Maka yang pergi itu orang baru, berlatihlah dia di sana dua tiga tahun, apabila nampak dia boleh buat kerja — tukarkan. Sampai bila negeri-negeri seperti negeri Trengganu itu dapat menyempurnakan peruntukan projek samada tambahan, bantuan atau apa peruntukan yang diberi, sampai bila boleh diselesaikan. Kalau tahun 1974 — 1975 masih belum selesai sehingga sekarang ini masih banyak. Yang sudah lulus, yang sudah siap terbang, sudah siap survey dan sebagainya

tetapi tidak cukup. Tidak sempat dibuat. Alasannya tidak cukup kakitangan.

Jadi, inilah, Tuan Yang di-Pertua, saya merayulah kepada pihak yang berkenaan tolong luaskan teropongnya, tolong luaskan pandangannya, jangan pandang setakat Kuala Lumpur sahaja. Itu ada terasa berat sedikit sebenarnya. Tetapi berat, tidak ada masaalah, kerana sedih. Kami di sana cukup rasa sedih. Kerja untuk tahun 1976 tidak terbuat kerja untuk tahun 1974 — 1975 masih ada, rasa sedih. Tolong pandang biar luas, biar sampai ke Trengganu atau Kelantan jangan pandang setakat sekitar yang ada di sini sahaja. Saya merayu benar-benarlah kepada pihak yang berkenaan di samping memberi peruntukan, di samping memberi tambahan peruntukan, tolonglah tambah pegawai-pegawai. Sekurang-kurangnya tolong perhatikan kalau nampak negeri itu banyak sangat projek yang terbiar, yang sudah diberi, yang sudah diluluskan peruntutannya bagi tahun 1975, 1976 tidak dapat siap, dan tidak dapat dimulakan, tahun 1977 — tidak tahu di mana lagi tolonglah tambah seorang dua pegawai. Kalau tidak beginilah selalu. Dalam Parlimen kita selalu timbulkan. Bising-bising, akhirnya kita yang menimbulkan ini akan menerima tuduhan yang macam-macam, yang tidak menyenangkan. Sebenarnya bukan hendak kelahi bukan hendak tuduh tetapi ini sebagai rayuan dan minta kepada pihak yang bertanggungjawab janganlah kita mengamalkan seperti yang sudah-sudah. Sebagaimana dahulu kalau kita bercakap masaalah jentera atau enjin-enjin yang buruk misalnya dihantar ke negeri-negeri pihak yang berkenaan nafi, tetapi apabila diasiasat ada benar. Alhamdulillah, pada masa sekarang ini kurang berlaku dan tidak berlaku. Terima kasih. Jadi saya berharap perkara yang seperti ini akan dikurangkan berlaku, dari semasa ke semasa. Kalau hendak tukar, boleh, tolong ambil yang cekap di sana, tolonglah hantar yang lebih cekap di sini. Tetapi mungkin tidak begitu sesuai orang Kuala Lumpur tidak akan buat. Tetapi saya merayu supaya tahan di sana ataupun sekurang-kurangnya tukar dengan pegawai yang

sama kecekapannya. Kalau tidak banyak kerja-kerja yang akan tergendala. Menteri-menteri mahu semua projek cepat, khususnya Kementerian Kewangan sendiri misalnya kalau bercakap di mana-mana mahu semua projek ini cepat. Rancangan Malaysia Ketiga ini kalau dipercepatkan lagi baik. Bagaimana hendak habis cepat, sedangkan hendak buat tidak dapat? Wang diberi, tenaga tidak ada! Jadi inilah satu soal yang amat berat yang ditanggung oleh negeri-negeri yang berkenaan.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh juga sedikit Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah. Saya nampak di sini, Kementerian ini ada sedikit membuat perubahan dan kemajuan yang mana peruntukan yang diminta di sini untuk projek pertanian, tanaman lada hitam di Pahang.

Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasihlah kalau projek ini dapat dibuat, dicuba di Pahang, FELDA banyak dibuka di Pahang oleh kerana nasib negeri Pahang itu tanahnya baik dan subur-subur. Lada hitam pun dicuba di Pahang, kebetulan barangkali tanahnya baik dan subur dan tanahnya pula luas. Cuma yang saya hendak minta dan merayu kepada Kementerian yang berkenaan oleh kerana pada saat-saat akhir ini apabila kita mendesak beberapa kali mengenai pendapatan petani-petani di luar bandar khususnya kalau di Pantai Timur seperti Trengganu termasuk Pahang yang menoreh getah umpamanya, pendapatan mereka terlalu sedikit. Apabila dipersoalkan ialah kerana mereka itu pertamanya harga tidaklah begitu tinggi. Tetapi walau bagaimanapun terima kasih dengan harga yang ada.

Yang kedua, soal pokok sekarang pihak yang bertanggungjawab di dalam negeri kita ini belum lagi dapat mencipta supaya pokok getah ini dapat ditoreh walaupun musim hujan atau tidak hujan. Ertinya kalau hujan tidak dapat ditoreh. Maka kedudukan di negeri Pantai Timur, kalau kira hari tidak lebih daripada enam bulan sahaja dalam setahun yang

dapat dikerjakan tanaman getah di Pantai Timur kerana negeri-negeri di sana banyak hujan. Maka bererti pencarian mereka itu dapat bekerja dengan cara pendapatan hasil getah ini lebih kurang enam bulan sahaja dalam setahun. Dan ini telah diakui oleh pihak yang berkenaan sewaktu taklimat diberi oleh Kementerian Perusahaan Utama dahulu.

Saya rasa amat sesuai benarlah kalau pihak Kementerian-kementerian yang berkenaan dapat mengubahsuaikan tanaman-tanaman getah ataupun tanaman yang ada di sini kepada jenis-jenis tanaman seperti lada hitam ataupun sebagainya yang boleh mengeluarkan hasil samada hujan ataupun tidak hujan, tidak sebagaimana getah yang boleh mengeluarkan hasilnya apabila tidak hujan. Jadi saya rasa banggalah dengan Kementerian ini, tetapi di samping percubaan ataupun pertanian yang dibuat di Pahang ini, saya rasa pihak Kementerian yang berkenaan tidak lupa menjengok silau di Trengganu samada dalam projeknya. Saya harap mungkin dalam peruntukan tambahan yang akan datang kita dapat membaca bahawa peruntukan yang diberi kepada Kerajaan Negeri Trengganu untuk pertanian lada hitam. Ini yang saya harap dan saya minta Kementerian yang berkenaan supaya dapat mencatatkan dalam peruntukan tambahan yang akan datang ini dapat memberi satu peruntukan bagi memajukan pertanian lada hitam di Trengganu pula. Sebab saya rasa kalau dapat ditukar, dibantu petani-petani di negeri Trengganu daripada tanaman getah yang ada sekarang sebagaimana yang saya kata tadi boleh kerja enam bulan kepada tanaman-tanaman yang boleh mengeluarkan hasil sepanjang tahun tanpa mengira hujan atau tidak hujan. Mungkin tanaman-tanaman yang serupa ini akan dapat membantu penduduk-penduduk di Pantai Timur khususnya di Trengganu bagi menambah mata pencarian mereka itu dan bagi menolong mereka itu untuk menghadapi keadaan zaman ini dengan lebih maju dan lebih sempurna sebagaimana keadaan penduduk-penduduk di negeri-negeri yang lain di Malaysia ini.

5.27 ptg.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi sumbangan dalam perbahasan pada petang ini. Saya ingin juga mengucapkan terima kasih bagi pihak Kementerian-kementerian lain yang tidak sempat bersama dengan kita pada petang ini untuk memberi jawapan-jawapan ataupun ulasan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya menyenutuh dengan ringkasnya apa yang telah dibangkitkan yang mana berkenaan dengan Kementerian Kewangan sahaja.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah memberi teguran yang menyatakan lebih baik sekiranya pihak Perbendaharaan meramalkan dengan lebih tepat lagi perbelanjaan-perbelanjaan yang akan didahului supaya peruntukan-peruntukan tertentu tidak payah dimasukkan di dalam senarai perbelanjaan yang diminta sebagai anggaran tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan di sini memanglah sukar untuk meramalkan dengan tepat apa yang dikehendaki pada masa yang akan datang iaitu telah disebabkan oleh pembangunan yang pesat yang dijalankan di sekitar tanahair kita dan oleh sebab itulah Perlembagaan kita pun telah adakan peruntukan tertentu yang membolehkan Dewan yang mulia ini meluluskan anggaran tambahan yang perlu dari masa ke semasa.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor telah menyentuh beberapa perkara berkenaan dengan bank-bank dan saham-saham untuk kaum bumiputra dan sebagainya. Saya ingin menyatakan di sini semua cadangan-cadangan dan teguran-teguran yang telah diberi oleh beliau itu secara perincian akan mendapat perhatian yang berat daripada Kementerian saya dan akan dikaji. Pada masa akan datang sekiranya perlu pindaan yang sesuai akan diambil.

Berkenaan dengan permintaan supaya foundry haram di Wilayah Persekutuan diperhatikan, saya percaya perkara ini seperti perkara-perkara yang lain yang tidak menyentuh Kementerian saya sendiri akan diambil perhatian berat oleh Kementerian-kementerian yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pagar yang telah juga disentuh oleh beliau, saya suka menyatakan di sini sebenarnya perkara ini adalah dalam perhatian aktif oleh sebuah Jawatankuasa Kabinet dan tindakan sedang diambil supaya pagar itu dibina secepat yang mungkin.

Yang Berhormat-Yang Berhormat dari Mukah, Padang Terap dan Kuala Lumpur Bandar telah membangkitkan beberapa perkara berkenaan dengan bomba, beras dan sebagainya. Saya akan majukan teguran-teguran serta cadangan-cadangan yang telah dibuat itu kepada Kementerian-kementerian yang berkenaan untuk ditimbang, dikaji dan diambil tindakan di mana-mana yang sesuai.

Yang Berhormat dari Kangar telah mengatakan bahawa dalam jangka masa panjang adalah lebih ekonomik menempatkan jabatan-jabatan Kerajaan dalam bangunan-bangunan Kerajaan. Beliau berharap sejauh mana yang boleh Kerajaan akan menggunakan bangunan-bangunan sendiri. Saya telah diberitahu oleh rakan saya Yang Berhormat Menteri Tak Berpotfolio di Jabatan Perdana Menteri iaitu Kerajaan sedang membina beberapa buah bangunan di Wilayah Persekutuan. Lima blok bangunan setinggi 17 tingkat sedang dibina di Jalan Duta yang dijangka akan siap dibina dalam tahun ini ataupun tahun hadapan. Selain dari bangunan-bangunan itu tindakan juga sedang diambil membina bangunan-bangunan baharu untuk Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, Kementerian Pertanian, Biro Siasatan Negara dan lain-lain jabatan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pagar sempadan itu saya pun telah nyatakan tadi dan tidak payahlah diulangkan lagi.

Perancang Keluarga, saya yakin akan diambil perhatian oleh Kementerian yang berkenaan. Bagi saya sendiri memanglah belum berkelayakan untuk memberi komen atas Perancang Keluarga itu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Setapak telah membangkitkan beberapa perkara juga dan ianya akan dirujuk kepada Kementerian-kementerian yang berkenaan.

Atas cadangannya yang menarik sekali iaitu Rumah Sabah dinamakan Rumah Wilayah, cadangan ini akan dirujuk kepada pihak yang berkenaan dan akan ditimbang dan sekiranya didapati sesuai mungkin cadangan-cadangan itu dapat diterima.

Yang Berhormat dari Hilir Perak telah membangkitkan berkenaan dengan pentadbiran Lembaga Padi dan Beras Negara. Ini akan diambil perhatian oleh pihak LPN dan saya suka juga memberitahu bahawa sebenarnya semua masalah-masalah yang telah, sedang dan akan dihadapi oleh pihak LPN itu adalah perhatian yang berat oleh sebuah Jawatankuasa Kabinet berkenaan dengan barang-barang perlu iaitu termasuklah beras dan juga padi.

Yang Berhormat dari Ulu Nurus telahpun membangkitkan banyak perkara yang semuanya telah dicatitkan, kebanyakannya adalah berkenaan dengan Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam dan saya baharu diminta bagi pihak Kementerian itu supaya mengucapkan terima kasih kepada semua teguran-teguran beliau berkenaan dengan bekalan air dan letrik dan kakitangan LLN. Kementerian itu akan mengambil perhatian berat dan tindakan sewajarnya akan diambil secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah sahaja yang dapat jelaskan dan sekali lagi saya ingin memberitahu teguran-teguran dan cadangan-cadangan lain yang belum dapat dijelaskan satu persatu akan dirujuk kepada Kementerian-kementerian yang lain supaya tindakan-tindakan yang sesuai diambil nanti.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan bahawa sejumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$186,311,880 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1977, dan bagi menampung maksud kepala-kepala dan pecahan-pecahan kepala perbelanjaan yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah No. 19 tahun 1977, diuntukkan jumlah-jumlah yang dinyatakan dalam ruangan lapan dan sembilan bertentangan dengan kepala-kepala dan pecahan-pecahan kepala dalam Kertas Perintah itu.

*Majlis Mesyuarat menjadi sebagai
Jawatankuasa*

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan
Jawatankuasa*)

Kepala B. 8 (Jadual) —

5.40 ptg.

Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Pengerusi, saya mohon

supaya Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama di bawah Kepala B. 8 — Jabatan Perdana Menteri berjumlah \$1,978,415 diluluskan dan menjadi sebahagian daripada Jadual.

Peruntukan tambahan berjumlah itu adalah diperlukan kerana:

- (a) untuk membiayai belanja mengurus Pejabat Keselamatan Kerajaan yang dipindahkan daripada tanggungjawab Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri kepada Jabatan Perdana Menteri mulai 1hb. Januari, 1977. Peruntukan tambahan yang dikehendaki ialah \$792,180 dan peruntukan sejumlah ini di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri adalah dibekukan;
- (b) untuk membolehkan Lembaga Perancang Keluarga Negara meluaskan kegiatan mereka di kawasan-kawasan bandar. Peruntukan tambahan yang diperlukan ialah \$811,331;
- (c) untuk membekalkan 50,000 buah "Pingat Perkhidmatan Am" kepada anggota Angkatan Tentera, Polis dan Pasukan Penjara kerana jasa-jasa mereka terhadap negara dan peruntukan tambahan yang terlibat ialah \$282,000; dan
- (d) untuk membeli alat kelengkapan Rumah Peranginan Kakitangan Kerajaan di Morib yang telah siap pembinaannya. Peruntukan tambahan yang dikehendaki ialah \$92,104.

Tuan Pengerusi, saya mengusulkan supaya Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama di bawah Kepala B. 8 — Jabatan Perdana Menteri berjumlah \$1,978,415 diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,978,415 untuk Kepala B. 8 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Kepala B. 18 (Jadual) —

5.42 ptg.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Pengerusi, saya mohon kelulusan bagi peruntukan tambahan sebanyak \$131,000 di bawah Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama, 1977 bagi Kepala B. 18 — Jabatan Bomba Malaysia.

Jumlah sebanyak \$131,000 tersebut adalah diperlukan akibat daripada pengambilan alih Perkhidmatan Bomba Negeri-negeri oleh Kerajaan Persekutuan dalam tahun 1976. Dengan perlaksanaannya pengambilan alih tersebut maka beberapa jawatan baru telah wujudkan di peringkat Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Bomba Malaysia.

Daripada jumlah tersebut sebanyak \$30,000 adalah bagi pembayaran elaun-elaun serta caruman-caruman kepada Kumpulanwang Simpanan Pekerja berikutan dengan penambahan jawatan-jawatan baru tersebut.

Daripada baki sebanyak \$101,000 sejumlah \$40,000 adalah diperlukan bagi menampung perbelanjaan lawatan-lawatan untuk pemeriksaan yang dibuat oleh pegawai-pegawai dari Ibu Pejabat ke Balai-balai Bomba serta lawatan ke bangunan-bangunan besar Kerajaan untuk pemeriksaan alat-alat pemadam api dan keperluan pencegahan kebakaran.

Sebanyak \$50 adalah dikehendaki untuk pembekalan pakaian seragam dan perbelanjaan mengadakan kursus asas selama 6 bulan bagi kakitangan-kakitangan yang baru serta juga untuk pembelian bekalan dan bahan-bahan.

Baki sebanyak \$11,000 adalah untuk pembelian perabut-perabut dan kelengkapan pejabat bagi jawatan-jawatan baru dan kelengkapan untuk Sekolah Latihan Bomba di Kuala Kubu Bahru.

Tuan Pengerusi, saya mohon izin untuk mencadangkan bahawa perbelanjaan tambah-

an di bawah Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama, 1977 bagi Kepala B. 18 berjumlah \$131,000 itu diluluskan oleh Dewan yang mulia ini dan menjadi sebahagian daripada Jadual.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$131,000 untuk Kepala B. 18 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Kepala P. 25 — Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Jumlah wang sebanyak \$2,500,000 menjadi tambahan kepada perbelanjaan pembangunan bagi tahun 1977 jadi Tambahan Pertama sekarang boleh dikemukakan. Dijemput. Sekiranya tidak ada, diminta Kementerian lain mengemukakannya.

(Yang Berhormat Menteri/Timbangan Menteri Perdagangan dan Perindustrian tidak hadir)

Kepala P. 26 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1977) —

5.48 ptg.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Dr. Neo Yee Pan): Tuan Pengerusi, saya mohon supaya peruntukan tanda sebanyak \$10 di bawah Kepala P. 26 bagi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan diluluskan.

Tuan Pengerusi, peruntukan tanda sebanyak \$10 itu adalah diperlukan bagi mewujudkan satu Pecahan-kepala baru di bawah Kepala P. 26 iaitu Pecahan-kepala 14 — Koperasi Belia Nasional Berhad (KOBENA). Peruntukan sebenar untuk Pecahan-kepala ini sebanyak \$3 juta di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, iaitu \$500,000 pemberian dan \$2.5 juta pinjaman adalah didapati dari Pecahan-kepala 12— Projek Belia Peladang.

Tuan Pengerusi, Dewan yang mulia ini diminta meluluskan peruntukan tanda sebanyak \$10 bagi Kementerian ini.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang tanda sebanyak \$10 untuk Kepala P. 26 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1977.

Kepala B. 32 dan B. 33 (Jadual) —

Kepala P. 32 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1977) —

5.50 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Pengerusi, saya membentangkan Anggaran-anggaran Belanja Mengurus dan Belanja Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1977 untuk Kementerian Kewangan iaitu bagi Jabatan-jabatan yang di bawah potfolio Kementerian Kewangan dan saya mencadangkan supaya peruntukan berikut diluluskan:—

(A) Anggaran Belanja Mengurus 1977

(i) Kepala B. 32 — Perbendaharaan	\$ 2,580,000
(ii) Kepala D. 33 — Perkhidmatan Am Perbendaharaan	\$39,000,000
Jumlah (A)	\$41,580,000

(B) Anggaran Pembangunan 1977

(i) Kepala P. 32 — Perbendaharaan	\$108,010,000
Jumlah (B)	\$108,010,000
Jumlah (A) + (B)	\$149,590,000

(A) Anggaran Belanja Mengurus 1977

(i) Kepala B. 32 — Perbendaharaan

Peruntukan tambahan berjumlah sebanyak \$2.58 juta adalah dikehendaki dalam tahun 1977 bagi kepala perbelanjaan ini iaitu terbahagi seperti berikut:—

Peruntukan dan Bekalan

Peruntukan tambahan sebanyak \$540 ribu dikehendaki bagi membiayai perbelanjaan mengurus enam buah cawangan Pejabat Akauntan Negara yang baharu ditubuhkan di Johor Bahru, Ipoh, Pulau Pinang, Kuala Trengganu, Kuantan dan Seremban. Peruntukan ini adalah untuk menampung perbelanjaan berkaitan Perjalanan dan Pengangkutan Orang, Pengangkutan Barang-barang, Perhubungan, Utiliti, Sewaan, Perkhidmatan Pencetakan, Bekalan dan Bahan-bahan Penyelenggaraan dan Pembaikan yang dibeli dan Perkhidmatan Iktisas dan lain-lain Perkhidmatan yang dibeli dan Hospitaliti. Peruntukan telah sedia ada bagi tujuan perbelanjaan berkaitan perkara-perkara tersebut di atas ialah \$757 ribu.

Pemilikan Harta Modal

Peruntukan tambahan sebanyak \$2.04 juta adalah dikehendaki bagi pembelian Perabut dan Lengkapan serta Alat Kelengkapan yang mana peruntukan asal ialah \$250 ribu sahaja.

(ii) Kepala B. 33 — Perkhidmatan Am Perbendaharaan

Di bawah kepala perbelanjaan ini tambahan sejumlah \$39.0 juta adalah diperlukan iaitu seperti berikut:—

Pemilikan Harta Modal

Di bawah Pecahan Kepala Pelaburan dan Pinjaman peruntukan tambahan sebanyak \$36.0 juta adalah dikehendaki sebagai:—

(a) Pinjaman kepada Negeri Kelantan	= \$2.0 juta
(b) " " " Sarawak	= \$34.0 juta

untuk membiayai keperluan-keperluan belanja mengurus bagi kedua-dua buah negeri tersebut dalam tahun 1976.

Peruntukan telah tidak disediakan pada awal tahun.

Di bawah Pecahan Kepala yang sama juga tambahan sebanyak \$3.0 juta adalah dikehendaki bagi membiayai perbelanjaan pinjaman jangka pendek kepada Syarikat Perumahan Pegawai-pegawai Kerajaan Sendirian Berhad bagi projek-projek perumahannya dalam tahun 1977. Peruntukan juga telah tidak disediakan pada awal tahun.

(B) Anggaran Belanja Pembangunan 1977

(i) Kepala P. 32 — Perbendaharaan

Di bawah kepala ini satu jumlah tambahan sebanyak \$108.0 juta adalah dikehendaki seperti berikut:—

Pembayaran kepada Kerajaan Negeri Selangor

Kerajaan telah memberi pendahuluan sebanyak \$250 juta kepada Kerajaan Negeri Selangor sehingga tahun 1976 bagi membiayai kerja-kerja pembangunan di Shah Alam berikutan dengan penubuhan Wilayah Persekutuan pada 1hb. Februari, 1974. Semua pembayaran yang telah dibuat akan diselaraskan apabila jumlah sebenar harta-harta Kerajaan Selangor yang akan diambilalih oleh Kerajaan Persekutuan ditentukan.

Sebanyak \$150.0 juta lagi adalah dikehendaki secara bayaran dua ansuran yang sama pada tahun 1977 dan 1978. Untuk tahun 1977 Dewan adalah diminta meluluskan peruntukan tambahan sebanyak \$50.0 juta. Peruntukan telah tidak disediakan pada awal tahun.

Pembelian Harta Modal

Di bawah Pecahan-kepala ini tambahan sebanyak \$8.01 juta adalah dikehendaki dan terbahagi seperti berikut:—

- (a) Kerajaan telah membeli 'Rumah Sabah' di Jalan Ampang, Kuala Lumpur dari Kerajaan Negeri Sabah dengan harga \$6.5 juta. Harga ini termasuk semua sekali alat perkakas perabot serta lain-lain kelengkapan yang terdapat di rumah tersebut dan juga bangunan-bangunan tambahan yang ada di belakangnya.
- (b) Kerajaan juga telah membeli sebidang tanah seluas 2.1992 ekar Lot 53, Seksyen 59 di Jalan Venning, Kuala Lumpur serta dua buah rumah di atasnya dengan harga \$1.51 juta. Kedudukan tanah ini amatlah strategik dan terletak dalam lengkungan rumah kediaman pilihan orang-orang kenamaan.
- (c) Peruntukan bagi kedua-dua kes ini telah tidak disediakan pada awal tahun.

Bank Simpanan Nasional Berhad

Di bawah Pecahan Kepala ini peruntukan sebanyak \$5.0 juta adalah dikehendaki sebagai bantuan kos modal bagi pembinaan bangunan Ibu Pejabat Bank Simpanan Nasional di Kuala Lumpur. Peruntukan telah tidak disediakan pada awal tahun.

Bank Bumiputra

Berikutan dengan pengeluaran 'rights issue' yang dibuat oleh Malayan Banking Berhad untuk menambahkan modalnya, Bank Bumiputra Malaysia Berhad, sebagai pemegang saham Bank tersebut memerlukan wang sebanyak \$45 juta untuk membayar terhadap 'rights issue'. Wang sejumlah ini telah dikeluarkan kepada Bank Bumiputra Malaysia Berhad untuk pembayaran tersebut. Sebagai gantinya Bank Bumiputra Malaysia Berhad telah mengeluarkan 45 juta saham baru bernilai \$45 juta atas nama Minister of Finance (Incorporated)'. Dengan

pelaburan sebanyak \$45 juta ini modal dibayar Bank Bumiputra Malaysia Berhad telah bertambah daripada \$40 juta kepada \$85 juta yang dipegang sepenuhnya oleh 'Minister of Finance (Incorporated)'. Peruntukan telah tidak disediakan dalam anggaran.

Tuan Pengerusi, saya mohon men-cadangkan.

5.57 ptg.

Raja Nasron bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Pengerusi, tadi semasa membincangkan peruntukan yang dipohon oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan ada secara umum saya menyentuh beberapa perkara. Kali ini saya suka menyentuh secara detail supaya dapat perhatian-perhatian dicatat oleh Kementerian berkenaan untuk apa yang dijanjikan pada masa-masa yang lampau dapat ditepati.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Perkara yang saya hendak sentuh secara detail adalah berkenaan dengan Kepala P. 32, Pecahan-kepala 2 — Pembayaran kepada Kerajaan Negeri Selangor. Baru-baru ini satu perjumpaan telah dibuat cara daripada hati ke hati di mana wakil-wakil daripada Kerajaan Negeri Selangor telah berjumpa dengan Menteri Kewangan dan dibentangkan secara detail peruntukan-peruntukan yang diperlukan oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk menyedia dan menyiapkan Ibu Negeri Selangor yang baru iaitu Shah Alam. Di dalam perjumpaan itu secara detail juga pihak Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menyatakan bahawa permohonan yang dipohon oleh wakil-wakil daripada Negeri Selangor itu boleh dipertimbangkan dan ada disebutkan oleh beliau \$75 juta akan dibayar kepada Kerajaan Negeri Selangor. Dari itu kerana tidak ada keterangan samada Yang Ber-

hormat Menteri barangkali ada wang yang \$25 juta untuk menambah \$50 juta yang dipohonkan itu saya tidaklah tahu tetapi jika ini ada maka saya mengucapkan syukur Alhamdulillah, tetapi kalau tidak ada maka saya harap Yang Berhormat Menteri ataupun Menteri-menteri yang berkenaan janganlah lupa kepada ini kerana apa juga yang pembangunan yang dibuat di Shah Alam akan tergendala jika tidak pembayaran sebagaimana yang telah dibuat di dalam perjanjian masa Kerajaan Negeri Selangor menyerahkan Wilayah Persekutuan dipatuhi.

Yang kedua, saya suka menyentuh secara detail berkenaan dengan Kepala P. 32, Pecahan-kepala 10. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Bank Bumiputra kerana Bank Bumiputra daripada semenjak ditubuhkan oleh memikul beban yang besar untuk membantu peniaga-peniaga bumiputra dan dari angka-angka yang kita ketahui memang kalau dibandingkan dengan performance yang dibuat oleh bank swasta yang lain, bank bumiputralah tempat peniaga-peniaga bumiputra mendapat bantuan dan kemudahan yang lebih daripada bank-bank lain. Kalau bank yang lain disatukan pun banyak lagi performance yang telah dibuat dan dibuktikan oleh Bank Bumiputra. Dengan sebab itu, saya minta pihak Kementerian berkenaan dapat agar diadakan suatu perjumpaan supaya dapat dibincangkan dari pada hati ke hati di mana boleh dipanggil semua pihak yang berkenaan daripada bank swasta diperjumpakan dengan wakil-wakil Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu di tiap negeri kerana banyak sungutan daripada peniaga-peniaga bumiputra tidak dapat ataupun kurang mendapat layanan daripada pihak bank swasta yang lain hanya Bank Bumiputra sahaja sehingga Bank Bumiputra menanggung beban sejumlah besar daripada pinjaman overdraft yang dipohon oleh peniaga bumiputra. Sungguhpun ada di dalam syarat Credit Guarantee Corporation pinjaman \$30,000 tanpa cagaran, tetapi masih juga pinjaman \$2,000 — \$3,000 berkehendakkan

cagaran terutama untuk membangunkan kawasan luar bandar, kalau petani hendakkan \$2,000 — \$3,000 bagi tambahan modal suruh dicari orang yang mendapat gaji lebih \$500 sebulan. Manalah keupayaan petani kita mencari orang-orang yang boleh menjamin pinjaman mereka yang berjumlah \$2,000 — \$3,000. Saya berpendapat bahawa selain daripada Bank Bumiputra, pihak bank swasta yang lain itu hanya secara melepaskan batuk ditangga sahaja memberikan pinjaman atau sebagai gambaran sahaja kepada Bank Negara dan kepada Kementerian Kewangan. Tetapi kalaulah kita bandingkan pihak yang dapat pinjaman itu adalah syarikat-syarikat besar atau peniaga besar, tetapi peniaga kecil memang susah dapat pinjaman daripada bank swasta selain daripada Bank Bumiputra. Dengan sebab itu, kalaulah pihak Kerajaan hendak membantu Bank Bumiputra, saya sebagai wakil rakyat yang tahu performance Bank Bumiputra bukan setakat \$45 juta tetapi kalau \$450 juta sekalipun saya dengan sukarela menyokong.

Berkenaan dengan Kepala P. 40, saya juga sentuh secara umum tadi, tetapi sekarang saya suka mengambil peluang....

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kepala berapa Yang Berhormat. Kepala 40? Kita belum sampai lagi.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Minta maaf. Berkenaan dengan saham Bank Bumiputra, saya suka menyentuh secara detail menyatakan bahawa di dalam tempoh 6 — 7 bulan dahulu satu kajian telah dibuat di mana surat-surat telah diedarkan kepada semua Dewan Perniagaan Melayu untuk mendapat tahu cara mana dan seluas mana sambutan yang akan diperolehi daripada mereka dan minat mereka untuk membeli saham Bank Bumiputra. Sepanjang mana yang saya tahu responsenya adalah menggalakkan. Oleh itu, kerana hasrat Bank Bumiputra ditubuhkan dan dibiayai oleh Kerajaan dahulu adalah untuk memberi peluang kepada peniaga-peniaga bumiputra mengambil bahagian yang aktif di dalam per-

niagaan bank itu, saya fikir Kementerian berkenaan hendaklah mengkaji perkara ini supaya di dalam secepat masa yang mungkin dapat saham-saham itu dijual kepada pihak swasta.

6.05 ptg.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor yang pertamanya telah membangkitkan perkara pembayaran pembangunan untuk Shah Alam dan saya suka menyatakan bahawa Kementerian saya akan memberi layanan yang sesuai apabila diminta dari semasa ke semasa.

Yang kedua, berkenaan Bank Bumiputra, bagi pihak Bank itu saya ucapkan terima kasih atas pujian yang telah diberikan atasnya. Berkenaan dengan perjumpaan untuk semua pihak di antara peniaga-peniaga kita khususnya peniaga bumiputra dan bank-bank berkenaan, cadangan itu saya percaya elok dibuat supaya dapat suatu hasil yang akan melicinkan perhubungan di antara peniaga dan bank-bank kita. Cadangan ini akan dikaji dan jika didapati elok dan perlu akan dijalankan.

Berkenaan dengan saham-saham meluaskan lagi bidang perniagaan untuk kaum bumiputra itu Kementerian saya mencatatkan apa-apa yang telah dicadangkan tadi dan saya ucapkan terima kasih.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$2,580,000 untuk Kepala B. 32 dan \$39,000,000 untuk Kepala B. 33 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$108,010,000 untuk Kepala P. 32 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1977.

Kepala B. 37 (Jadual) —

6.08 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Abdul Manan bin Haji Othman): Tuan Pengerusi, saya mohon kelulusan agar peruntukan di bawah Kepala B. 37 sebanyak \$50 juta dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Peruntukan tambahan ini adalah bagi membiayai sebahagian daripada pembelian beras dari luar negeri oleh LPN pada tahun 1973, 1974 dan 1975. Adalah menjadi tugas LPN yang penting untuk mengadakan simpanan beras (stockpile) yang agak cukup setiap masa untuk membolehkan negara kita menghadapi apa juga kecemasan dan darurat. Pada tahun 1973, 1974 dan pertengahan 1974 negara kita telah turut terlibat dengan krisis beras antarabangsa. Untuk mengatasi krisis beras ini dan juga untuk menampung kekurangan beras keluaran tempatan pada masa tersebut, LPN telah menjual beras daripada stockpilenya dan berikutan dengan penjualan simpanan ini jumlah simpanan beras stockpile Kerajaan telah berkurangan. Dalam masa yang sama LPN telah mengambil langkah yang perlu untuk menampung jumlah simpanan stockpile ini melalui pembelian beras daripada luar negeri secepat mungkin. Pembelian itu adalah mustahak bagi membolehkan LPN menggantikan beras stockpile yang telah dikeluarkan itu. Oleh kerana harga beras di pasaran antarabangsa ketika itu telah melambung tinggi dan juga oleh kerana sumber kewangan LPN juga terhad, maka LPN terpaksa dengan persetujuan Kerajaan membuat pinjaman daripada Bank Bumiputra untuk membiayai pembelian tersebut.

Peruntukan Tambahan \$50 juta itu adalah diperlukan untuk membolehkan LPN menjelaskan segala hutang-hutang dengan Bank Bumiputra berikutan dengan pembelian beras dari luar negeri itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon peruntukan tambahan yang berjumlah \$50 juta

bagi Kementerian Perusahaan Awam Kepala B. 37 dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$50,000,000 untuk Kepala B. 37 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Kepala P. 40 (Anggaran Pembangunan) (Tambahan) (Bil. 1), 1977 —

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Shariff Ahmad): Tuan Pengerusi, bagi pihak Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri saya mengusulkan supaya Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1) bagi Kepala Pembangunan 40 — Polis Di Raja Malaysia sebanyak \$10 sahaja iaitu peruntukan tanda diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Dalam Rancangan Malaysia Ketiga peruntukan sebanyak \$4,074,000 telah diluluskan bagi membina pagar keselamatan dari Padang Besar ke Chuping Perlis. Tawaran-tawaran telah dijemput pada lewat 1976 dan untuk memulakan pembinaan pada 1977 adalah perlu mengujudkan satu pecahan-kepala baharu dengan peruntukan tanda \$10. Projek tersebut mengandungi pembinaan pagar keselamatan sepanjang 15 batu serta juga jumlah 50 watch towers yang telah dianggarkan menelan belanja sebanyak \$3 juta dalam tahun 1977 dan sebanyak \$1,073,990 untuk tahun 1978. Bagi tahun 1977 peruntukan sebanyak \$3 juta dijangka boleh didapati melalui pindah peruntukan. Dengan perlaksanaan projek ini adalah dianggarkan bahawa kedudukan keselamatan dan soal penyeludupan di kawasan sempadan dan Padang Besar ke Chuping mungkin dapati dikurangkan.

Tuan Pengerusi, saya mohon supaya jumlah perbelanjaan yang disebutkan tadi dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Tuan Pengerusi, saya tadi ada menyebut secara umum beberapa perkara masa menyentuh Kepala B. 40 dan kali ini saya suka menyentuh pula secara detail berkenaan dengan Pecahan-kepala 4 iaitu Pagar Keselamatan di Sempadan. Memang ini diperlukan sungguhpun sebagai yang dikatakan \$10 iaitu peruntukan tanda, tetapi saya percaya apa juga belanja yang diperlukan kelak akan dibiayai untuk keselamatan negara kita di sempadan.

Saya suka membawa perhatian Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, jika kita hendak mengawal penyeludupan senjatapi dan lain-lain barang yang akan mendatangkan merbahaya kepada negara kita, bukan hanya untuk kita membuat pagar di sempadan, kerana sebagaimana saya katakan tadi kalau pagar besi pun, tetapi di dalam pagar itu tiada kita kawal, maka ini akan menjadi sia-sia. Apa yang saya maksudkan, Tuan Yang di-Pertua, kita dapati, janganlah jauh, saya bawa pandangan Dewan yang mulia ini, di Kuala Lumpur sahaja, saya hairan melihat begitu banyak fekteri-fekteri tanpa izin, workshops tanpa izin, foundry tanpa izin yang tidak mempunyai sedikit pun kawalan, yang tidak ada mempunyai pelan untuk membangunkan fekteri-fekteri itu dan tidak sedikitpun mendapat perhatian daripada pihak Polis untuk memecahkan bangunan itu walhal tindakan tegas diambil untuk memecahkan rumah-rumah orang miskin tanpa izin.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, wang yang dipohonkan untuk diluluskan ini ialah pemberian tanda untuk sempadan, sebagaimana diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi daripada Padang Besar ke Chuping untuk dipagar.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Tuan Pengerusi, saya faham. Itulah saya kata membuat pagar di sempadan itu kerana takut penyeludupan senjatapi. Saya sekarang menyatakan senjatapi itu ada di dalam, bukan di luar pagar. Di fekteri-fekteri itulah, kita dapati hari-hari kita baca di suratkhobar, pistol di-

buat sendiri (hand-made) dan bom dibuat sendiri. Jadi selain daripada sempadan itu, sempadan di dalam kita pun hendaklah dijaga supaya fekteri-fekteri ini dikawal, buat sempadan pula fekteri tanpa izin itu. Kalau kita fikir memecahkan fekteri itu akan mendatangkan unemployment, maka dikawal buat pagar pula fekteri itu supaya keluar masuk dijaga.

Yang kedua, peruntukan itu adalah untuk sempadan sahaja dan ini juga berkenaan dengan senjata, Tuan Pengerusi, kerana ada kaitan pagar itu untuk mengawal senjata. Di Sempadan memang banyak senjata-senjatapi halal iaitu yang digunakan oleh petani-petani kita untuk menjaga keselamatan. Sekarang ini saya ketahui, lesen senjatapi telah naik 1000% daripada \$10

Tuan Pengerusi: Inipun tidak ada kena-mengena.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Minta maaf.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Pengerusi, seperti yang disebutkan tadi peruntukan tanda ini ialah untuk memagar kawasan sempadan. Seperti yang diragukan oleh Yang Berhormat itu, yang sebenarnya pemagaran sempadan itu ialah salah satu daripada usaha kita untuk mencegah penyeludupan-penyeludupan yang kita dapati berlaku di sana. Di samping daripada pagar ini kita juga ada usaha-usaha yang lain dan baharu-baharu ini Kerajaan kita telah memulakan yunit mencegah penyeludupan di kawasan sempadan yang sedang bertugas selama sebulan baharu iaitu meronda di kawasan sempadan ini.

Bagi Kedah dan Perlis sahaja kita ada pegawai lebihkurang 300 lebih, begitu juga di kawasan-kawasan Kelantan ada pegawai-pegawai yang tertentu terdiri daripada Pegawai Polis, LPN, Imigeresen dan Kastam. Untuk makluman Yang Berhormat itu pemagaran di sempadan ini sungguhpun peruntukan tanda tetapi kita sudah memulakan kerjanya dan progressnya akan dilaporkan dari semasa ke semasa, tetapi almaklum soal

yang hendak dipagar ini manusia musuhnya dan kita hendak memagar kawasan itu terpaksa melalui hutan belantara, maka mungkin progress untuk memagar kawasan ini agak lambat sedikit.

Berhubung dengan memagar fekteri-fekteri di bandar Kuala Lumpur ini barangkali tidak termasuk daripada peruntukan yang diminta ini, tetapi apabila peruntukan itu timbul kelak, bolehlah ditimbangan.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$10 untuk Kepala P. 40 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1), 1977.

Kepala B. 49 (Jadual) —

Timbalan Menteri Undang-undang (Tuan Rais Yatim): Tuan Pengerusi, bagi pihak Menteri Undang-undang, saya mohon mencadangkan agar peruntukan di bawah Kepala B. 49 diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Jumlah \$109,650 adalah dikehendaki bagi membiayai perbelanjaan-perbelanjaan seperti berikut:

\$9,650 bagi membiayai sumbangan tahunan Kerajaan Malaysia kepada perkhidmatan penasihat undang-undang Komenwel (Commonwealth Legal Advisory Survey) bagi tahun 1977 serta menjelaskan sumbangan-sumbangan dari tahun 1972 hingga tahun 1976. Sejumlah \$100,000 adalah sebagai sumbangan bagi tahun 1977 kepada Persatuan Mencegah Salahguna Dadah Malaysia bagi urusan-urusan pentadbiran Ibupejabat PEMADAM dan juga cawangan-cawangan di seluruh negara.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$109,650 untuk Kepala B. 49 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Kepala B. 53 (Jadual) —

6.23 ptg.

Menteri Sains Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Pengerusi, saya mohon izin mengemukakan anggaran-anggaran untuk Belanjawan Mengurus Tambahan 1977 bagi Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar di bawah tanggungjawab saya iaitu Kepala B. 53 dalam Jadual Anggaran Belanja Mengurus (Tambahan) (Bil. 1), 1977 diluluskan.

Tuan Pengerusi, anggaran tambahan di bawah Kepala B. 53 ialah untuk perbelanjaan mengurus berjumlah sebanyak \$318,057 adalah dikehendaki untuk membeli "oil dispersance" bagi operasi membersihkan tumpahan minyak akibat dari pelanggaran kapal minyak di Selat Melaka yang berlaku pada 24hb. Julai, 1976. Jumlah sebenarnya perbelanjaan mengenai operasi membersihkan tumpahan minyak ini ialah sebanyak \$517,257, tetapi sebanyak \$199,200 telahpun dibayar dalam tahun 1976. Oleh itu, tambahan sebanyak \$318,057 sahaja adalah dikehendaki untuk membiayai perbelanjaan operasi tersebut. Oleh hal yang demikian, saya berharap kelulusan diberi kepala Anggaran-anggaran Belanja Mengurus (Tambahan) (Bil. 1) 1977, sebanyak \$318,057 di bawah Kepala B. 53 untuk Kementerian di bawah tanggungjawab saya.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan peruntukan ini diluluskan dan jadi sebahagian daripada jadual.

6.25 ptg.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Pengerusi, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengenai perbelanjaan kita untuk membiayai operasi membersihkan minyak

tumpah oleh kapal. Tidakkah pihak yang berkenaan kapal itu mengganti balik perbelanjaan yang dibuat oleh pihak Kerajaan kita, dan kalau mereka sudah ganti, adakah telah dibayar dan kalau belum bila, mereka hendak membayar. Itulah sahaja yang saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

Tuan Pengerusi: Itu sahaja ucapannya?

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Ya.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Pengerusi, kecemaran yang berlaku oleh sebuah kapal Jepun telah dibayar oleh tuan punya kapal iaitu sebanyak US\$500,000. Berkenaan dengan "Diego Silang", perkara ini masih dalam tuntutan dan belum dapat diselesaikan lagi, kita telah buat tuntutan, tuntutan itu sebahagiannya kos operasi, sebahagian ganti-rugi kepada nelayan-nelayan dan satu bahagian pula untuk ganti-rugi kepada Kerajaan. Kita masih berbincang berkenaan dengan perkara itu, diharap tidak lama lagi perkara ini dapat diselesaikan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$318,057 untuk Kepala B. 53 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Kepala P. 55 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1977) —

6.27 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan (Tuan Luhah Wan): Tuan Pengerusi, bagi pihak Kementerian Perhubungan saya memohon supaya tambahan bekalan bagi Kementerian saya yang diperlukan bagi tahun 1977 adalah berjumlah \$59,981,000 iaitu terdiri daripada tambahan Belanja Pembangunan bagi Pecahan-kepala Pecahan-kepala berikut.

Pecahan-kepala I — Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia Berhad. Pinjaman tambahan sejumlah \$40 juta adalah diperlukan untuk bayaran ansuran pertama dan kedua bagi pembelian lima buah kapal yang dipesan oleh Perbadanan tersebut untuk mengangkut gas cecair berkaitan dengan projek gas cecair di Sarawak. Jumlah ini merupakan sebahagian daripada pinjaman yang telah diluluskan oleh Kerajaan Pusat kepada MISC sebanyak \$253.1 juta bagi pembinaan lima buah kapal tersebut.

Pecahan-kepala 32 — Pembangunan Pelabuhan Kuantan Pinjaman. Tambahan peruntukan yang diperlukan berjumlah \$872,010 adalah untuk kegunaan belanja mengurus Lembaga Pelabuhan Kuantan. Lembaga Pelabuhan Kuantan memerlukan pinjaman daripada Kerajaan Pusat untuk perbelanjaan kerja-kerja pentadbiran, perancangan dan latihan sebelum ianya memulakan operasinya. Lembaga tersebut diramalkan akan memulakan operasi pelabuhan pada akhir tahun 1978. Operasi sepenuhnya dijangka akan dimulakan pada tahun 1979.

Pecahan-kepala 33 — Pembangunan Pelabuhan Johor, Pinjaman. Seperti Lembaga Pelabuhan Kuantan, Lembaga Pelabuhan Johor juga mendapat pinjaman dari Kerajaan Persekutuan berjumlah \$7.65 juta untuk membiayai belanja mengurus bagi tempoh permulaan operasinya, sebelum Lembaga tersebut dapat membiayai belanja mengurusnya sendiri dan dari jumlah itu \$47 juta telah pun dibelanjakan sehingga akhir tahun 1976, bakinya sebanyak \$2.95 juta adalah dikehendaki untuk membiayai perbelanjaan-perbelanjaan mengurus bagi tahun 1977.

Pecahan-kepala 61 — Pelabuhan Kota Kinabalu dan Sandakan, Pembangunan Utama. Untuk menguruskan kerja-kerja pembesaran Pelabuhan Kota Kinabalu dan Sandakan....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat panjang lagi?

Tuan Luhat Wan: Sedikit sahaja lagi.

Tuan Pengerusi: Saya ingat boleh sambung esok.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat Menteri mengemukakan Usul Penangguhan.

USUL

PENANGGUHAN

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Dewan ini ditangguhkan sekarang.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

(1) PENGUSAHA GAMBAR BERWARNA TEMPATAN

6.30 ptg.

Tuan Oh Keng Seng (Petaling): Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan penangguhan saya hari ini saya hendak membawa satu masalah yang dialami oleh pengusaha gambar berwarna tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, pengusaha gambar berwarna tempatan hari ini adalah mengalami satu masalah yang serius. Masalah ini ialah oleh kerana ada sindikit dari Singapura masuk ke Malaysia di mana harga gambar berwarna di antara Singapura dengan harga tempatan ada perbezaan yang besar dan luas. Akibatnya gambar berwarna tempatan tidak boleh lawan dengan harga gambar berwarna dari Singapura. Sebab itu hingga hari ini ada 6 buah kilang-kilang gambar berwarna telah ditutup sebab dalam competitionnya mereka

tidak boleh lawan dengan harga-harga yang murah dari Singapura.

Banyak pekerja-pekerja dari perusahaan gambar berwarna telah dibuang kerja oleh kerana 6 buah kilang-kilang gambar berwarna telah ditutup oleh kerana mereka telah rugi. Jadi masalah sekarang ialah satu masalah yang serius maka saya harap Kerajaan khususnya Kementerian Perdagangan dan Perindustrian campurtangan dalam perkara ini supaya perusahaan tempatan boleh dapat hidup.

Saya dapat tahu satu Persatuan Photographic di Malaysia telah membawa perkara ini kepada Kementerian khususnya kepada Treasury minta tolong dalam perkara ini. Pengaduan ini telah dibawa kepada Treasury pada tahun yang lalu. Telah ada 9 bulan tetapi malangnya sampai sekarang pihak yang berkenaan tidak ambil tindakan yang tetap dan yang konkrit. Barangkali Treasury atau Tariff Advisory Board masih siasat perkara ini tetapi telah 9 bulan siasatan pun belum habis. Kita patutlah mahu melindungi perusahaan tempatan. Perkara ini sangat serius, kita jangan tunggu sampai kilang-kilang tempatan bankrupt baru ambil tindakan. Ini saya rasa sangat slow ambil tindakan oleh pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya juga menyeru pihak yang berkenaan mengurangkan cukai-cukai tentang colour chemical, paper dan juga filem tentang perusahaan ini. Ini sangat penting sebab cukai sekarang ialah lebihkurang 50 peratus jikalau kita banding dengan harga Singapura dengan sini. Jadi di mana kita boleh compete dengan Singapura. Ini sangat penting. Lagi banyak tourists datang ke Malaysia mereka tidak mahu beli filem di sini oleh sebab harga sangat tinggi. Jadi semua tourists sebelum mereka masuk ke Malaysia mereka beli filem dari Singapura. Jadi untuk kehidupan dan kemajuan perusahaan gambar berwarna saya harap Kerajaan mengkaji semula tentang tax structure dalam perkara ini supaya perusahaan itu

boleh dapat dimajukan dan banyak pekerja-pekerja dapat hasil dalam perkara ini. Terima kasih.

6.35 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Haji Othman bin Haji Abdullah): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sedar tentang masaalah yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha gambar berwarna di negara ini dan melalui Jawatankuasa Penasihat mengenai Tariff telah mengambil tindakan mengkaji masaalah tersebut. Jawatankuasa berkenaan telahpun selesai membuat kajiannya dan telah mengemukakan syor-syor untuk pertimbangan Kerajaan bagi menghadapi masaalah tersebut.

(2) PEMBUANGAN PEKERJA SYARIKAT ELECTRICAL AND ALLIED INDUSTRIES BERHAD

6.36 ptg.

Tuan Oh Keng Seng: Tuan Yang di-Pertua, satu masaalah lagi yang dialami di Dewan ini ialah pembuangan secara ramai pekerja-pekerja di Syarikat Electrical and Allied Industries Berhad di Petaling Jaya.

Tuan Yang di-Pertua, pada 2hb. Mei, 1977 satu kebakaran yang besar dihadapi oleh Syarikat Electrical and Allied Industries Berhad, Petaling Jaya di mana kita dapat tahu dalam Press factory ini ada kerugian \$2 juta. Dalam newspaper kita pun dapat tahu General Managernya ada berkata faktori ini akan memulakan production dalam dua atau tiga bulan selepas kilang itu dapat disiapkan. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, kilang Electrical and Allied Industries Berhad tidak ikut apa yang dijanjikan oleh General Manager itu, Encik Pickering. Dia berjanji kalau faktori siap semua pekerja-pekerja boleh masuk kilang, boleh dapat kerja balik. Ini ada dijanjikan oleh General Manager, Encik Pickering, seorang orang putih.

Tetapi selepas memberi perjanjian itu kilang Electrical and Allied Industries Berhad pada 16hb. Mei ada memberi notis tamat bekerja kepada 120 orang pekerja-pekerja. Tindakan oleh kilang itu tidak adil. Oleh kerana faktori ini bukan bangkerap, bukan tutup pintu. Yang kedua faktori itu ada insuran yang penuh tentang api, tentang production loss, tentang consequences loss. Saya tidak faham apa sebab Electrical and Allied Industries Berhad ada beri notis membuang kerja kepada 120 pekerja-pekerja. Majoritinya bumiputra dari kampung-kampung. Ini tindakan yang tidak adil. Ini boleh dikatakan victimisation atau exploitasi pekerja-pekerja di negara kita oleh orang putih. Oleh sebab itu, saya bawa hak ini kepada Dewan dan menyeru Kementerian ambil tindakan yang patut tentang orang putih (capitalis) yang membuang pekerja-pekerja kita.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya ada sebuah sungguhpun kilang ini ada rugi \$2 juta tetapi saya pun mendapat tahu dalam *The New Straits Times* Monday 27hb. Jun di mana kilang itu ada insured dengan Syarikat Malaysian National Re-Insurance Berhad, satu joint-venture dengan PERNAS. Dalam repot itu saya mendapat tahu Electrical and Allied Industries Berhad dapat \$11.2 juta dari kebakaran itu. Ini kita boleh faham bahawa faktori itu satu sen pun tidak rugi. Ini sangat tidak memuaskan hati dan tindakan ini adalah tidak adil. Barangkali faktori itu ada untung sebab ada insurance yang penuh tentang faktori, wages, production loss, gross profit, semua ada insurance. Jadi adalah tidak adil kilang ini membuang kerja 120 orang.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun faktori ini ada berhubung dengan Union tetapi malangnya saya kata di sini Union pun main dengan pekerja-pekerja. Dia kata hal ini telah tutup, file is closed.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Main dengan pekerja atau dengan majikan?

Tuan Oh Keng Seng: Majikan dengan Union. Dia kata hal ini telah selesai. Pekerja-pekerja yang ambil wang pun puas hati. Tetapi yang sebenarnya semua pekerja-pekerja yang 120 orang ini tidak puas hati dengan Union. Tidak puas hati dengan kilang. Jadi saya haraplah nanti Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi satu jaminan membawa kes itu kepada Industrial Court. Oleh kerana Union telah memihak kepada orang putih, British — capitalist! Ini sangat serius. Saya baru ini tidak mahu campur tangan hal ini oleh kerana ada union. Tetapi Union ini pun main dengan pekerja-pekerja.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Mainkan!

Tuan Oh Keng Seng: Mainkan pekerja-pekerja.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ada satu minit lagi.

Tuan Oh Keng Seng: Jadi saya haraplah, Tuan Yang di-Pertua, perkara ini pada pendapat saya pihak majikan didapati melanggar code of conduct for industrial harmony yang baru-baru ini diluluskan. Jadi jikalau kita betul-betul mahu ikut code of conduct, saya harap Kementerian ambil tindakan yang adil bagi pihak pekerja-pekerja.

6.45 ptg.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, pihak Syarikat Electrical and Allied Industries Petaling Jaya yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Petaling itu adalah mempunyai lebihkurang seramai 260 orang pekerja yang menjadi Ahli Kesatuan Pekerja-pekerja Perusahaan Electric. Akibat satu kebakaran yang berlaku baru-baru ini, pihak syarikat pada mula bercadang untuk menamatkan perkhidmatan ke semua pekerja kecuali 30 orang. Hasil dari rundingan secara langsung di antara Kesatuan dan pihak syarikat, kedua-dua pihak mereka telah ber-

setuju bahawa perkhidmatan lebihkurang 130 orang pekerja akan dikekalkan manakala bakinya lebihkurang 120 orang pekerja terpaksa dihentikan dengan dibayar satu bulan gaji menggantikan notis dan 12-hari gaji tiap-tiap tahun perkhidmatan di samping sagu hati atas kiraan 15 hari gaji. Ini dikatakan adalah mengikut perjanjian yang telah diikat di antara syarikat dengan kesatuan yang berkenaan. Adalah dilaporkan kepada Kementerian seramai lebihkurang 50 orang pekerja syarikat ini yang menjadi Ahli Kesatuan itu juga telah tidak bersetuju dengan keputusan-keputusan Kesatuan dan mereka telah mendesak pihak Kesatuan supaya merundingkan semula dengan pihak syarikat di atas pengenehan daripada pekerjaan mereka dan faedah-faedah yang diberi kepada mereka. Pihak Kesatuan pula tidak sanggup mengubah keputusan mereka dan tidak bersetuju untuk membuka perundingan semula dengan pihak Syarikat. Pihak Kesatuan selanjutnya meminta bantuan Kementerian saya untuk menyelesaikan keadaan yang ujud sekarang.

Kementerian saya telah menasihatkan mereka supaya mengambil tindakan yang difikirkan wajar oleh Exco Kesatuan sendiri oleh kerana ini adalah satu perkara internal di antara ahli-ahli Kesatuan itu dan Exco Kesatuan.

Seramai enam orang pekerja syarikat yang menggelar diri mereka sebagai Jawatankuasa Tindakan Pekerja diiringi oleh Ahli Yang Berhormat Ahli Parlimen dari Petaling sendiri telah menemui seorang pegawai Kementerian saya di Kuala Lumpur pada 27hb. Mei yang lalu untuk mendapatkan nasihat. Mereka telah menjelaskan bahawa di antara 120 orang pekerja yang ditamatkan itu seramai 18 orang pekerja enggan menerima faedah pengenehan (severance pay) yang telah dipersetujui di antara Kesatuan dengan Syarikat, kerana mereka tidak berpuas hati di atas keputusan pihak Kesatuan dalam perkara ini. Mereka selanjutnya mendesak supaya pejabat Kementerian mengadakan satu rundingan di antara

Kesatuan dan Syarikat untuk membincangkan perkara ini. Jawatankuasa Bertindak Pekerja itu telah dinasihatkan oleh Kementerian saya supaya mengemukakan masaalah mereka kepada Kesatuan terlebih dahulu dan terulanglah kepada Kesatuan mengambil apa-apa tindakan sesuai dengan pihak syarikat.

Berdasarkan bahawa pihak Kesatuan telah mencapai persetujuan dengan syarikat mengenai pengeneapan 120 orang itu manakala seramai 130 orang telah digaji semula. Dan dari 120 orang pekerja yang diketepikan itu sejumlah 102 orang telah bersetuju menerima faedah pengeneapan yang telah dipersetujui di antara Kesatuan dan syarikat maka soal bantahan dari 18 orang pekerja iaitu sejumlah minoriti tidaklah dapat dilayan melainkan dengan persetujuan Kesatuan Sekerja yang berkenaan itu.

Nampaknya pertelingkahan ini adalah di antara satu golongan pekerja yang tidak puas hati dengan kesatuan mereka yang mana merupakan satu masaalah dalam kesatuan atau internal affairs of the union. Oleh hal yang demikian, adalah tidak sesuai untuk Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat campurtangan dalam perkara ini.

Yang Berhormat itu juga menyebut perkara pengambilan balik pekerja-pekerja lama jika kilang itu dibuka semula. Ini adalah satu perkara yang mungkin akan dapat perhatian

pihak kesatuan sekerja dan juga Kementerian saya apabila soal pembukaan semula kilang itu timbul kelak. Pada masa ini hanya sebahagian kilang itu dilapurkan telah bergiat.

Soal mengenai penerimaan bayaran insuran pula yang disebutkan juga oleh Ahli Yang Berhormat itu, saya tidaklah sedar tentang perkara itu. Sudahlah tentu juga bahawa syarikat insuran yang berkenaan tidak akan memberi durian runtuh (wind-fall) kepada kilang itu seperti dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Saya fikir inilah penerangan-penerangan yang saya dapat beri setakat ini dan jika Ahli Yang Berhormat ada soal-soal yang tidak ada dalam pengetahuan Kementerian, bolehlah beliau mengemukakan soal-soal itu kepada Kementerian dan kita akan mengambil tindakan yang perlu atau sesuai di dalam framework yang saya telah sebutkan itu iaitu kita tidak ingin mencampurtangan dalam soal internal affairs of the union.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Majlis ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang hari esok, 13hb. Julai, 1977.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 malam.